

4

9A 486

QUO VADIS WAWASAN 2020

Penyusun:
ABU BAKAR HAMZAH

NASIONAL BUKU HIBRAN
PERPUB. NEGARA MALAYSIA

26 JAN 1994

Cetakan Pertama — 1993

Harga: RM 10.00

m

303.49595

500

APB 708784 ✓

Dicetak Oleh:
PUSTAKA AMAN PRESS SDN. BHD.
Kota Bharu, Kelantan.

Hakcipta Terpelihara: Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua carapun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Penyusun:
ABU BAKAR HAMZAH

Rekabentuk Kulit:
Nazali Wahab

Perunding Penerbitan:
MEDIA EHSAN SDN. BHD.
94D, Tingkat 4,
Jalan Masjid India,
Kuala Lumpur
Tel: 03-2934716

Diterbitkan oleh:
MEDIA CENDIAKAWAN
Tingkat 4, Bangunan East Asia,
No. 23, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Tel: 03-2388022

Dicetak Oleh:
PUSTAKA AMAN PRESS SDN. BHD.
4200-A, Simpang Tiga Telipot, Jalan Sultan Yahya Petra,
Peti Surat 67, 15700 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-781849 Faks:09-787064.

ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN

BAHAGIANI	1
Nik Aziz akan temui pemimpin-pemimpin UMNO Untuk rintis damai	
LUPAKAN SENGKETA	3
OPP: 9 cabaran jadi strategi penting	5
WAWASAN	6
RAYUAN	9
Nik Aziz nak jumpa PM untuk rundingan damai PAS nak 'TEBAL MUKA'	10
Kemukakan 7 langkah Islamkannya. Kelantan 'MODIFIED' WAWASAN 2020	14
Jika berusaha tegakkan Islam Berjasa sokong Wawasan 2020	15
BAHAGIAN2	17
Islam penentu kejayaan Wawasan 2020	18
Islam boleh corakkan Wawasan 2020	20
Kembalikan wawasan 3030 kepada Islam	22
Sarjana Islam perlu kemuka pelan	24
Wawasan 2020: Pupuk nilai rohaniah	26
Wawasan 2020	
JADI AGENDA POPULAR	28
VISI MAHATHIR UNTUK KEMAJUAN	83
WAWASAN 2020 UJIAN KEPADA RAKYAT	
Ramai idam Malaysia maju	38
Cerdik pandai negara perlu tampil pencertus idea pembangunan	42

BAHAGIAN 3

Wawasan 2020

Kepentingan Bacon mengatasi Plato 47

KECERDIKAN 50

2020 51

TERDEDAH 52

Persidangan sektor ekonomi dan sosial

Pelbagai pihak sokong kuat wawasan 2020 53

Wawasan 2020 bukan igauan buruk 59

Masyarakat prihatin dan kemiskinan 62

Antara pembangunan dan kemiskinan 65

Penyertaan dalam OPN 68

BAHAGIAN 4

Wawasan 2020 72

WAWASAN 2020 DAN KONSEP
"BALDATUN TAIYIBATUN" 77

Ulasan 87

Kesimpulan 95

WAWASAN 2020 DENGAN KONSEP
"BALDATUN TAIYIBATUN" 101

CONTOH KEPADA NEGARA LAIN 107

BAHAGIAN 5

Mencari pendakwah peka wawasan 2020 111

Wawasan2020: Hapus Mentaliti Feudal 116

BAHAGIAN 6

JANGAN TAKUT TOLAK TAFSIRAN ISLAM
YANG ORTODOKS - DR. M 123

Bincang Wawasan 2020 132

BAHAGIAN 7

**Kongres rumuskan bentuk masyarakat Islam
berwibawa** 136

**IKIM
berusaha semarak kembali tamadun Islam** 139

PENUTUP 146

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PENDAHULUAN

أَفَمَنْ أَسَّسَ بُيُوتَهُ عَلَى تَقْوَىٰ مِن لَّدُنَّ رَبِّهِ وَرِضْوَانِ
خَيْرٌ أَمْ مَن أَسَّسَ بُيُوتَهُ عَلَىٰ شَفَا جُرْفٍ هَارٍ فَأَنهَارُ بِهِ فِي نَارٍ جَهَنَّمَ ۚ
وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿١٠٩﴾ لَا يَزَالُ بُنِيتُهُمُ الَّذِي بَنَوْا رِيبَةً
فِي قُلُوبِهِمْ إِلَّا أَن نَّقْطَعَهُمْ قُلُوبُهُمْ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١١٠﴾

Surah Al-Taubah -9:109-110

Ertinya:

"Apakah orang-orang yang mendirikan bangunannya itu di atas dasar taqwa kepada Allah dan keredhaanNya itu yang baik atautkah orang-orang yang mendirikan bangunannya di tepi jurang yang runtuh lalu bangunannya itu runtuh jatuh bersama dengan dia ke dalam neraka jahannam? Dan Allah tidak memberikan petunjuk kepada orang-orang yang zalim. Bangunan-bangunan yang mereka dirikan itu sentiasa menjadi punca keraguan dalam hati mereka, kecuali hati mereka itu telah hancur. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Segala puji tertentu bagi Allah Maha Esa lagi Maha Kuasa dan selawat serta salam sejahtera ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Rasulullah dan keluarga serta para sahabatnya yang berjuang menuju ke arasy keredhaan Tuhan Rabbul-Alamin.

Adalah diharap dengan terbitnya buku "Quo Vadis Wawasan 2020" ini, akan dapatlah kita bersama-sama memeriksa, menilik dan menganalisanya walau pun dengan cara yang ringkas terutama kaitannya dengan konsep "Baladun Taiyibatun Wa Rabbun Ghafur" yang, penulis yakin, semua orang Islam ingin melihat ianya terlaksana di bumi bertuah kita, Malaysia.

Isi kandungan buku kecil ini adalah terdiri dari beberapa potongan akhbar sebagai "saksi dan bukti"; oleh itu penulis mengucap ribuan terima kasih ada keizinan pihak-pihak yang berkenaan terutama YAB Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan Darul Naim dan juga YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Muhammad, Perdana Menteri Malaysia yang bertanggungjawab mencetuskan idea "Wawasan 2020" sebagai falsafah bagi pembangunan negara Malaysia menuju kemakmuran di dunia dan kesertosaan di akhirat kelak.

Semoga diperkenankan Allah segala usaha kita dengan hidayat dan taufik Allah jua. Amin Ya Rabbal-Alamin.

Wasalam

Yang Benar

Abu Bakar Hamzah
Kuala Lumpur
1hb. November 1992

BAHAGIAN 1

- * Nik Aziz akan temui pemimpin UMNO untuk rintis damai
Lupakan SENKETA
- * OPP: 9 cabaran jadi strategi penting.
- * Nik Aziz nak jumpa PM untuk rundingan damai:
PAS nak 'TEBAL MUKA'
- * Nik Aziz tidak tebal muka.
- * Kemukakan 7 langkah Islamkannya.
Kelantan 'MODIFIED' WAWASAN 2020
- * Jika berusaha tegakkan Islam, Berjasa sokong wawasan
2020.

2020

VISION
TRANSFORM
YOUR BUSINESS
TODAY TO SUCCEED
IN TOMORROW'S
ECONOMY

STAN DAVIS
BILL DAVIDSON

*Nik Aziz akan temui pemimpin2 UMNO
untuk rintis damai*
LUPAKAN SENKETA

Oleh Rahim Tahir



Haji Nil Aziz Nik Mat

Kota Bharu: Haji Nik Aziz Nik Mat meminta UMNO dan Angkatan supaya melupakan apa juga sengketa semasa pilihanraya kecil baru-baru ini, sebaliknya menumpukan semula usaha damai antara negeri dan pusat.

Menteri Besar bimbang jalan damai yang hendak dirintis akan gagal jika isu-isu semasa kempen di Limbongan dan Sungai Pinang terus dibangkitkan.

"Lupakan apa juga yang terlanjur semasa kempen dulu," katanya yang ditemui di kediamannya di sini untuk mengulas mengenai kemenangan Angkatan dalam pilihanraya kecil 24 Ogos lalu.

"Masa dan tenaga kini perlu digunakan untuk membangun rakyat mengikut cara dan matlamat politik masing-masing," tambah beliau.

Dalam pilihanraya kecil itu calon Semangat 46, Haji Mahmud Haji Yaakub menang di Sungai Pinang, menewaskan

calon UMNO Haji Nordin Salleh dengan majoriti 1,994 undi.

Di DUN Limbongan pula calon Semangat 46, Haji Samat Mamat menewaskan calon UMNO, Haji Wan Najib Wan Mohamad dengan kelebihan undi 1,650.

Haji Nik Aziz memberitahu, beliau akan terus berusaha untuk menjalin hubungan muhibbah antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat.

Beliau yakin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berfikiran terbuka dan tidak menjadikan keputusan pengundi baru-baru ini sebagai penghalang untuk jalan damai.

"Dr Mahathir adalah seorang pemimpin yang berwibawa dan berhemah tinggi, saya yakin jalan damai tidak akan terbantut," katanya.

Menteri Besar berkata pihaknya akan menemui pemimpin-pemimpin UMNO untuk menjalin persefahaman dan menghentikan kecaman antara satu dengan lain.

"Masa tidak ada lagi untuk kita terus bersengketa, sebaliknya kita sekarang perlu bersatu padu untuk kepentingan rakyat," tegasnya.

Haji Nik Aziz menegaskan walaupun pengundi di kedua DUN tersebut memihak kepada Angkatan, kerajaan pimpinannya akan memberi layanan adil kepada semua pihak.

"Kita tidak akan menindas mana-mana pihak kerana kita percaya setiap orang mempunyai hak dan kebebasan untuk memilih.

"Kemenangan calon Angkatan ini membuktikan bahawa rakyat tidak terpengaruh dengan putar belit yang cuba dimainkan oleh setengah media massa.

"Sebaliknya laporan yang memburuk-burukkan Kerajaan Negeri telah menimbulkan simpati di kalangan rakyat," tegas beliau.

Ditanya apakah tidak mungkin kegagalan UMNO itu akan menyekat bantuan pusat untuk Kelantan, Menteri Besar berkata:

"Saya yakin kerajaan pusat menerima keputusan rakyat dengan cara terbuka dan tanpa rasa dendam.

"Dr Mahathir tidak akan tergamak untuk menyekat bantuan pusat ke negeri ini; kita kena percaya pusat tidak akan menafikan hak rakyat Kelantan.

(Watan, 4.9.91/1)

OPP: 9 cabaran jadi strategi penting

Oleh; Datuk Mahamed Sopiee

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membentangkan Garis panduan Rancangan Jangka Panjang (OPP) dalam sesi Parlimen pada 17 Jun lalu.

Kerajaan juga telah membentangkan Rancangan Malaysia Keenam untuk perbincangan dan kelulusan Dewan Rakyat.

Kedua-dua rancangan yang dibentangkan itu telah memberi banyak peluang kepada wakil-wakil rakyat yang dipilih memberikan pandangan mereka terhadap Wawasan 2020 Datuk Seri Dr Mahathir.

Wawasan berkenaan telah dikemukakan oleh beliau dalam mesyuarat pertama Majlis Perdagangan Malaysia pada 28 Februari lalu dalam kertas kerja beliau Ke Arah Masa Depan Malaysia yang mengandungi pandangan terhadap masa depan negara dan bagaimana kita boleh mencapai cita-cita Malaysia sebagai sebuah



Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad

negara sedang membangun, menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Wawasan beliau menjadikan Malaysia sebuah negara maju bukan sahaja dalam bidang ekonomi tetapi dalam semua lapangan - politik, sosial, rohani dan kebudayaan.

Beliau berkata: "Kita mestilah maju dalam perpaduan, penya-tuan dan keadilan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, kualiti hidup, sosial dan nilai-nilai rohani, kebanggaan dan keyakinan negara.

WAWASAN

Garis panduan Rancangan Jangka Panjang (OPP) akan meliputi sepuluh tahun pertama dari tempoh 30 tahun ke arah memenuhi Wawasan 2020 Dr Mahathir.

Rancangan Malaysia Keenam meliputi tempoh lima tahun (1991 hingga 1995) merupakan separuh penggal pertama dari tempoh 10 di bawah OPP yang bermula dari 1991 hingga 2020.

Ada sesetengah pihak berpendapat OPP akan menggantikan Dasar Ekonomi Baru yang bermula sejak 1971 dan mengakhiri tempoh 20 tahun pada hujung 1990 lalu.

Bagaimanapun saya berpendapat ia tidaklah begitu. OPP meliputi tempoh 10 tahun yang hanya merupakan sepertiga sahaja dari rancangan 30 tahun yang terkandung di dalam Wawasan 2020.

Berdasarkan kepada hasil dan pencapaian Rancangan Malaysia Keenam dalam tempoh lima tahun akan datang maka tidak syak lagi OPP akan dikaji dan disusun semula dan Rancangan Malaysia Ketujuh akan digubal menurut perubahan-perubahan dan pencapaian yang difikirkan wajar oleh kerajaan dengan kelulusan Parlimen bagi meliputi bagi tempoh lima tahun OPP dari tahun-tahun 1996 hingga 2000.

Dalam perkataan lain, terdapat enam kali rancangan 5 tahun serentak dengan tiga OPP sepuluh tahun dalam tempoh 30 tahun sehingga matlamat Wawasan Dr. Mahathir tahun 2020 iaitu mewujudkan:

- * Sebuah negara Malaysia yang bersatu dengan matlamat yang sama sebuah negara yang aman dengan penyatuan kaum dan wilayah, tinggal dalam harmoni dengan perkongsian kekayaan negara secara adil dan sepenuhnya terdiri dari satu Bangsa Malaysia dengan keadilan politik dan dedikasi kepada negara.
- * Kebebasan psikologi, selamat dan sebuah masyarakat yang maju - keyakinan dengan sendirinya, berbangga dengan apa yang ada, apa yang telah dicapai mempunyai daya ketahanan untuk menghadapi segala halangan dan mewujudkan satu rumpun bangsa yang terkenal dengan cita-cita tinggi, menyedari sepenuhnya potensi, tanpa tunduk kepada mana-mana pihak dan dihormati oleh rakyat negara-negara lain.
- * Masyarakat yang demokratik yang mengamalkan kata sepakat, demokrasi yang berorientasikan masyarakat ala Malaysia yang boleh dijadikan model kepada kebanyakan negara sedang membangun yang lain.
- * Masyarakat yang matang lagi liberal dan bertolak ansur di mana rakyat Malaysia dari semua warna kulit dan kepercayaan adalah bebas untuk menganut, mengamalkan istiadat, kebudayaan dan kepercayaan agama masing-masing tetapi boleh merasakan mereka adalah dari sebuah negara yang bersatu.
- * Masyarakat yang bermoral dan mempunyai etika sepenuhnya di mana rakyatnya adalah pegangan kuat kepada agama dan nilai-nilai rohani dan taraf etika yang tertinggi.
- * Masyarakat maju dan saintifik yang mampu mengalami perubahan dan memandang ke hadapan yang bukan sahaja dalam teknologi pengguna tetapi juga sebagai penyumbang ke arah tamadun sains dan teknologi pada masa akan datang.
- * Sebuah masyarakat dan kebudayaan yang penyayang - satu bentuk sistem sosial di mana masyarakat lebih diutamakan dari kepentingan diri di mana kebajikan rakyat akan berkisar bukan kepada pemerintah atau individu tetapi kepada sistem kekeluargaan yang kukuh dan mempunyai daya ketahanan.
- * Masyarakat yang adil dalam ekonomi, terdapat pembahagian kekayaan negara dengan saksama dengan kemajuan ekonomi

negara dikongsi sepenuhnya - masyarakat tersebut tidak boleh diwujudkan selagi terdapat pengenalan kaum melalui fungsi-fungsi dan kemunduran ekonomi.

- * Masyarakat yang makmur dengan kedudukan ekonomi yang mempunyai daya saing, dinamik, kukuh dan mempunyai daya ketahanan.

Sembilan cabaran strategik yang penting ini seperti yang ditegaskan oleh Perdana Menteri adalah selaras dengan cadangan-cadangan dikemukakan dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) yang ditubuhkan pada 19 Januari, 1986 dan menyerahkan laporan terakhirnya kepada Perdana Menteri pada 9 Februari 1991.

Sungguhpun Laporan Terakhir MPEN telah diluluskan sebulat suara oleh majlis tersebut tetapi pihak kerajaan tidak terikat untuk menerima kesemua cadangan yang dikemukakan itu kerana ada beberapa anggota majlis tersebut telah menarik diri dan tidak hadir dalam mesyuarat terakhir di mana laporan berkenaan telah dipertimbangkan dan diluluskan.

Bagaimanapun, sesetengah dari cadangan MPEN akan dijadikan sebahagian dari draf OPP yang meliputi tempoh 10 tahun akan datang yang telah dibentangkan di Parlimen.

Dalam perbahasan mengenai OPP dan Rancangan Malaysia Keenam meliputi tempoh lima tahun akan datang, para Anggota Parlimen boleh juga merujuk kepada Laporan Terakhir MPEN termasuk kertas kerja yang mengandungi garis panduan Wawasan 2020 Dr. Mahathir yang telah dikemukakan ketika melancarkan Majlis Perdagangan Malaysia tidak lama dahulu.

Ada kemungkinan beberapa orang Anggota Dewan, semasa perbahasan akan mengemukakan beberapa perkara sebagai penyokong perkara-perkara tertentu yang terkandung di dalam Laporan Terakhir MPEN di samping Wawasan 2020 seperti dalam kertas kerja Dr. Mahathir yang mungkin tidak termasuk di dalam OPP.

Oleh itu adalah wajar sekali perkara-perkara tersebut perlu mendapatkan sokongan dan kelulusan bagi hal-hal yang ada

hubungan dengan sebahagian dari bentuk terkahir OPP yang diluluskan.

Sementara itu Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat, Encik Lim Kit Siang, telah mengadu yang beliau sendiri baru sahaja menerima salinan draf OPP dan begitu juga dengan Anggota-anggota Parlimen yang lain dari partinya belum lagi menerimanya sehingga rencana ini ditulis.

RAYUAN

Beliau telah mengemukakan rayuan agar para Anggota Parlimen diberi masa yang cukup untuk membawa kandungan draf OPP sebelum perbahasan mengenainya dimulakan. Beliau juga mendesak agar waktu yang cukup diberikan untuk perbahasan.

Memang benar MPEN dilantik oleh Kerajaan dan Laporan Terakhirnya telah diserahkan kepada Perdana Menteri dan telah menjadi milik Kerajaan.

Shingga ia dikeluarkan kepada orang ramai, ia masih anggap sebagai dokumen yang rahsia dan orang ramai tidak berhak mengetahuinya tanpa melanggar Akta Rahsia Kerajaan.

Adalah wajar demi kepentingan demokrasi berparlimen bagi Kerajaan membenarkan orang ramai mendapatkan salinan-salinan Laporan Terakhir MPEN dari Percetakan Kerajaan bagi membolehkan mereka berpeluang memberikan pandangan kepada Wakil-wakil Rakyat yang dipilih atau kepada pihak akhbar sebelum atau semasa perbahasan di atas perkara yang sepenting ini.

Demi kepentingan orang ramai berhubung dengan perkara ini, wajar sekali pihak akhbar boleh melakukan kewajibannya dengan menyiarkan apa juga kandungan di dalam draf OPP tersebut.

Watan
22.6.91/8

***Nik Aziz nak jumpa PM untuk
rundingan damai
PAS NAK 'TEBAL MUKA'***

Oleh Rahim Tahir

Pengkalan Chepa: Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata beliau sedia 'menebalkan muka' untuk mengunjungi Perdana Menteri dalam usaha menjalin kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Menteri Besar Kelantan itu meminta pemimpin dan anggota Pas juga kerabat dalam Angkatan Perpaduan Ummah supaya jangan mereas sebarang syak dan curiga tentang hasratnya untuk berjumpa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sebagai orang politik tidak mengapalah saya menebalkan muka berjumpa Perdana Menteri," katanya ketika melancarkan kempen Pembentukan Insan Membaca peringkat negeri di Sekolah Menengah Agama Panchor dekat sini, minggu lalu.

Beliau bagaimanapun tidak menyebut tarikhnya, tetapi memberitahu kunjungan itu ialah untuk berbincang mengenai hubungan Kuala Lumpur dengan Kota Bharu.

"Insya Allah, saya memang hendak bertemu dan berunding dengan Perdana Menteri demi kepentingan bersama.



Haji Nik Aziz Nik Mat

"Saya berharap pemimpin dan anggota Pas tidak mencurigai hasrat saya ini," tegas Menteri Besar itu.

Haji Nik Aziz memberitahu, sebagai ketua kerajaan negeri tidaklah salah beliau menemui ketua kerajaan pusat, "kerana Kelantan adalah sebuah negeri dalam Malaysia."

Beliau yang juga tokoh agama itu menyebut, Nabi Muhammad sendiripun sanggup menebalkan muka untuk bertemu dengan tokoh-tokoh Quraish yang menjadi lawannya.

Katanya, sebagai pemimpin kerajaan negeri, beliau tidak mahu kerajaan pusat memandang serong terhadap Kelantan hanya kerana perbezaan politik. "Kelantan dan pusat bukan dua buah negara yang berasingan tetapi dua anggota dalam satu negara.

"Saya percaya rakan-rakan dalam Angkatan memahami perkara ini baik dari segi politik maupun dari segi perlembagaan negara ini," tambah beliau.

Menteri Besar itu yakin kerenggangan antara pusat dengan negeri dapat diperbaiki jika kedua belah pihak mengambil sikap positif.

Beliau gembira sejak pertemuannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di majlis perasmian jambatan Pasir Mas-Salor tidak lama dulu, ada tanda hubungan pusat dan negeri makin baik.

Sementara itu Menteri Besar juga menafikan laporan sebuah akhbar bahawa Kelantan menghadapi masalah kewangan yang serius.

"Kelantan Alhamdulillah sejak bulan Oktober tahun lalu dapat membayar gaji kakitangan dan dapat menjalankan aktiviti dengan baik," katanya.

Beliau kesal dengan laporan tersebut yang seolah-olah sengaja hendak memperkecilkan keupayaan kerajaan negeri Kelantan.

Watan
19.6.91, ms.1

Nik Aziz tidak tebal muka

KUALA LUMPUR: Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Fauzi Abdul Rahman berkata, Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Aziz Nik Mat tidak perlu menganggap pertemuannya dengan Perdana Menteri sebagai "menebalkan muka".

Beliau berkata, soal "menebalkan muka" untuk pertemuan itu tidak timbul kerana ia mempunyai niat suci untuk merapatkan hubungan antara kerajaan Pusat dengan kerajaan Angkatan.

MENJAYAKAN

"Oleh kerana pertemuan itu bermaksud baik, Haji Nik Aziz tidak harus berasa "tebal muka" dengannya," ujarnya.

Beliau berkata, sesuai dengan pelaksanaan Dasar Pembangunan Baru (DPB) yang baru dilancarkan oleh Perdana Menteri, hubungan dan kerjasama semua pihak amat perlu untuk menjayakan dasar itu.

Schubungan itu, beliau mengharapkan pertemuan antara Haji Nik Aziz dengan Perdana Menteri boleh menjadi titik permulaan ke arah kerjasama bagi menjayakan DPB.

Datuk Fauzi berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Haji Nik Aziz dalam Watan 19 Jun lalu yang menyebut, beliau sanggup "menebalkan muka" untuk mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri.

Datuk Fauzi berkata, memang ada perbezaan pendapat antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Kelantan tetapi yang penting ialah mencari titik persamaan daripada memikirkan soal perbezaan.

"Natiyah daripada wujudnya titik persamaan itu ialah kita mahu melihat semua orang Melayu bernaung di bawah satu

payung yang dapat diterima oleh semua pihak," tambah beliau.

Dalam masa yang sama, beliau juga bersedia menyerahkan kembali jawatannya sekarang bagi membolehkan pucuk pimpinan melakukan rombakan dengan tujuan memberi peranan yang berkesan kepada mereka yang sedia bersatu demi perpaduan.

Watan
22.6.91/24

Kemukakan 7 langkah Islamkannya
K'TAN 'MODIFIED' WAWASAN 2020



Kota Bharu: Kerajaan Negeri Kelantan mengemukakan tujuh langkah pengisian untuk membaikpulih Wawasan 2020 dengan meletakkan landasan Islam dan konsep pembinaan insan sebagai keutamaan.

Menteri Besar, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat ketika menjawab soalan Haji Daud Yusoff (Peringat) dalam sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan berkata, kerajaan negeri menyambut baik wawasan tersebut tetapi setiap pembangunan yang hendak dilaksanakan biarlah mengikut landasan Islam.

Tegasnya, penerimaan kerajaan negeri terhadap Wawasan 2020 sama seperti menerima konsep demokrasi dan pilihanraya mengikut kadar dan persesuaian setiap konsep tersebut dengan Islam.

Haji Daud Yusoff dalam soalnya itu, meminta Menteri Besar menyatakan apakah pandangan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap Wawasan 2020 dan langkah-langkah positif yang akan diambil dan telah dilakukan untuk mencapai matlamat berkenaan.

Tuan Guru Nik Abdul Aziz yang juga Pesuruhjaya PAS Kelantan menjelaskan, antara langkah yang diambil sebagai pengisian terhadap wawasan yang diilhamkan oleh Dr. Mahathir itu ialah mewujudkan konsep 'ta'awwun' atau gotong royong untuk mengalakkan semangat kekitaan di kalangan rakyat.

Antara lain katanya, kerajaan negeri telah mengisytiharkan Kota Bharu sebagai Kota Budaya dan Kelantan sebagai Serambi Mekah.

Jika berusaha tegakkan Islam
Berjasa sokong Wawasan 2020

KOTA BHARU: Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (Berjasa) menyokong Wawasan 2020 asalkan ia dapat menjamin proses kesinambungan ketuanan bangsa Melayu, menguatkan kedudukan Islam sebagai cara hidup dan memperkukuhkan usaha mewujudkan kestabilan politik tanah air.

Presidennya, Datuk Haji Wan Hashim Haji Wan Ahmad berkata, persoalan yang harus dikaji oleh anggota-anggota Berjasa sekarang ialah sama ada Wawasan 2020 itu dapat memperlihatkan ciri-ciri yang boleh memenuhi hasrat tersebut atau sebaliknya.

Inilah persoalan besar yang akan menentukan nasib untung bangsa Melayu dan agama Islam, tegasnya dalam ucapan dasarnya bertajuk, "Satu Usaha Ke Arah Penyatuan Ummah" di muktamar agung parti itu kali ke-7 di sini Jumaat lalu.

"Kita tidak mahu Wawasan 2020 ini menghasilkan natijah yang selalu diidam-idamkan oleh DAP iaitu "Malaysian Malaysia". Kita tidak mahu melihat wawasan ini membakar dan memusnahkan kita dan generasi akan datang," ujarnya.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa Berjasa pernah berada dalam Barisan Nasional (BN) dan segala pahit-maung telah dirasai.



Datuk Haji Wan Hashim

Katanya, selepas itu Berjasa beralih mencari kedamaian dalam Angkatan Perpaduan Ummah (Angkatan). "Hati kita masih berdebar kerana bimbang akan bahaya sifat "ungrateful" berulang kali. Gejala-gejalanya memang ada tetapi kita kira boleh dibendung.

Datuk Haji Wan Hashim yang juga Exco Kerajaan Negeri itu kemudian mengajak setiap anggota Berjasa supaya sama-sama menjadikan Angkatan sebagai asas atau tapak pelancaran satu pertubuhan yang lebih kukuh, yang akan melambangkan hasrat umat Islam di negara ini.

Katanya, Berjasa memang mangalu-alukan sebarang usaha daripada mana-mana pihak sekalipun untuk melihat akan kelahiran satu barisan umat Islam yang bersatu di bawah pimpinan "collective" berasaskan konsep muafakat dan keharmonian bermasyarakat.

"Marilah kita amalkan konsep syura dalam apa juga perkara yang hendak dilakukan bagi kepentingan bersama dan selagi konsep syura dijadikan pedoman, maka apa juga kebuntuan yang berbangkit dalam hubungan antara parti komponen Angkatan dapat diselesaikan dengan cara yang tidak menimbulkan kegelisahan dan kecil hati," ujarnya.

Watan
2.10.91/3

BAHAGIAN 2

- * Islam penentu kejayaan wawasan 2020
- * Islam balah corakkan wawasan 2020
- * Kembalikan wawasan 2020 kepada Islam
- * Sejarah Islam perlu kemuka pelan.
- * Wawasan 2020: Pupuk nilai rohaniah.
- * Wawasan 2020 jadi agenda popular.
- * Visi Mahathir untuk kemajuan.
- * Wawasan 2020 ujian kepada rakyat
Ramai idam Malaysia maju.
- * Cerdik pandai negara perlu tampil pencetus idea pembangunan

Islam penentu kejayaan Wawasan 2020

KUALA LUMPUR: Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kenakiman, Syed Hamid Albar berkata, umat Islam tetap memainkan peranan utama dalam menentu kejayaan Wawasan 2020.

Katanya, walaupun dalam Wawasan 2020 yang diperkenalkan oleh Perdana Menteari, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menggambarkan Islam, "tetapi hasrat Wawasan tersebut mengikut tuntutan Islam."

"Oleh itu kita sendiri harus membuat perancangan mulai sekarang bagi menentukan Wawasan itu," katanya ketika merasmikan pameran Penggerak Kebangkitan Umat sempena 20 tahun ABIM di Muzium Negara di sini.

Menurut Syed Hamid, umat Islam harus mempersoalkan apakah sumbangan yang dilakukan bagi mengisi tuntutan Islam pada masa hadapan.

Katanya, Umat Islam juga harus sedar bahawa masa depan umat kini ditentukan oleh bukan Islam.

"Oleh itu kita harus berusaha membangkitkan kesedaran agar keadaan yang ada sekarang tidak akan berterusan," tambah beliau lagi.

Beliau juga berbangga dengan usaha ABIM mengadakan pameran Penggerak Kebangkitan Islam yang diharap akan dapat membangkitkan kesedaran umat Islam.



Syed Hamid Albar

Katanya, usaha seperti ini akan menjadi penggerak kepada masyarakat kearah penghayatan Islam secara lebih tersusun sempurna.

Tambahan beliau, ABIM juga mempunyai peranan yang penting dalam pembentukan masyarakat terutama golongan belia kerana golongan tersebut merupakan yang banyak menghadapi masalah.

Menurut beliau, sebagai petubuhan yang sudah 'established' ABIM mampu memainkan peranan membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh generasi belia.

"Hanya dengan kerjasama tanpa kepentingan diri sahaja akan dapat mengangkat mertabat ummah di negara ini," tambah beliau lagi.

Watan
5.10.91/7

Islam boleh corakkan Wawasan 2020

Hanya gambar hiasan

TEMERLOH: Walaupun Wawasan 2020 tidak menitikberatkan ciri-ciri Islam secara langsung, namun umat Islam di negara ini boleh mencorakkannya dalam usaha membentuk sebuah masyarakat yang berakhlak dan mulia.

Menurut Presiden Pertubuhan Jamaah Islam (JIM), Encik Shaari Sungib, umat Islam tidak sepatutnya mendakwa wawasan tersebut mengesetipikan agama, tetapi mereka perlu mencorakkannya supaya selaras dengan Islam.

Bercakap kepada pemberita selepas forum Maal Hijrah di Dewan Tun Abdul Razak di sini baru-baru ini, beliau berkata:

“Terlalu banyak ruang yang boleh dimanfaatkan oleh aktivis-aktivis Islam dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang 2 bagi membentuk satu masyarakat mukmin yang berakhlak dan mulia.”

Dalam hal ini tegasnya, terserah kepada penggerak-penggerak Islam sendiri untuk bekerja dan berusaha dengan lebih gih dalam menghadapi era abad ke-21.

SEJARAH

Beliau juga mengajak rakyat melihat sejarah Korea Sela-



tan yang muncul sebagai salah sebuah negara maju selepas dijajah oleh Jepun selama 40 tahun.

“Dalam masa 20 tahun sahaja Korea yang telah hancur dapat bangkit semula dan bersaing dengan negara-negara maju yang lain,” tambah beliau.

Presiden JIM itu juga menyeru kepada semua ahli JIM dan aktivis Islam bekerjasama mengukuh dan menyebarkan Islam dengan lebih gigih bagi melahirkan generasi canggih yang bertaqwa kepada Allah.

Watan
31.7.91/3

Kembalikan wawasan 2020 kepada Islam

Kuala Terengganu: Rancamgam kerajaan Malaysia dalam Wawasan 2020 adalah merbahaya kerana ia tidak menyebut halal dan haram rancangan yang diatur menurut Islam dakwa Timbalan Yang Dipertua PAS Pusat Tuan Guru Abdul Hadi Awang ketika berucap di Binjai Rendah, 16 kilometer dari sini baru-baru ini.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Marang menegaskan wawasan tersebut bercanggah dengan Islam dan mesti ditentang.

“Ini kerana Islam sahaja yang menyelematkan manusia kalay tidak dengan Islam maka segala-galanya tidak selamat,” jelasnya.

Katanya, rancangan pembangunan yang dibuat oleh kerajaan pada masa lalu dikira dari hanya mengambil kira dari segi keuntungan kebendaan semata-mata. Beliau berkata, perkara ini menjadi punca pembangunan negara, diambil manfaat oleh puak-puak kapitalis dan kaya yang ada di dalam kerajaan.

“Mereka itulah yang beri duit yang banyak, dalam masa pilihanraya untuk beli undi dan lepas pilihanraya puak-puak inilah juga yang mendapat keuntungan yang banyak hasil dari projek yang dilaksanakan, sedangkan sebahagian besar rakyat tidak mendapat faedah yang sebanyak mana,” dakwanya.

Seterusnya Tuan Guru Abdul Hadi mendakwa kerajaan hanya mengira untuk membuat kilang sahaja dengan tidak mengambil berat nasib sebahagian besar dari rakyat negara ini ada lagi yang tidak mempunyai tanah.

Beliau menjelaskan bukan sahaja tanah untuk bercucuk tanam atau tempat tinggal bahkan tanah untuk kubur mereka tidak ada kerana kerajaan telah membekukan permohonan tanah.

“Oleh itu, kerajaan berkewajipan memberi peluang kepada rakyat supaya membuka tanah kepada rakyat yang tidak ada tanah bagi menyelesaikan masalah mereka,” tegasnya.

Sebaliknya yang maju hanya pemimpin-pemimpin UMNO, rakyat macam biasa juga tidak mempunyai tanah untuk tujuan tersebut.

Dalam perkembangan yang sama beliau mengingatkan pemimpin-pemimpin kerajaan memikul tanggungjawab kembalikan wawasan 2020 kepada Islam dan menjadikan kegagalan ideologi komunis dan kapitalis di Amerika serta Russia sebagai contoh betapa perkara itu perlu dilakukan.

Menyentuh Rancangan Malaysia Keenam beliau menegaskan pembangunan yang dirancangan kerajaan tidak banyak diperolehi oleh rakyat tetapi yang banyaknya diperolehi oleh pembesar dan pemimpin kerajaan terdiri dari pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN).

Perkara ini disebut juga dalam ucapannya di Sidang Parlimen baru-baru ini. (ST)

Harakah
12.8.91/7

Hanya gambar hiasan



جوج بوش



صدم حسين

Sarjana Islam perlu kemuka pelan

KUALA LUMPUR, Rabu - Cendekiawan dan sarjana Islam perlu mengemukakan pelan bertindak serta sistem pemikiran bersepadu berasaskan Islam sebagai penyelesaian terhadap sistem dunia yang ada hari ini.

Sehubungan itu, Timbalan Menteri Kewangan, Haji Abdul Ghani Othman, berkata mereka juga perlu mengkaji dan merujuk kepada asas al-Quran serta Hadis Nabi untuk membentuk masa depan tamadun Islam yang gemilang.

Menurutnya, umat Islam perlu menggunakan segala input yang ada secara optimum untuk pembangunan Islam.

"Dalam konteks ini juga, cendekiawan Muslim tempatan perlu menggunakan segenap peluang yang ada bagi mencapai matlamat menjayakan Wawasan 2020. Kesejahteraan dan kemajuan hidup rakyat Malaysia tidak hanya diukur di segi ekonomi tetapi berasaskan nilai murni tamadun Islam," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan persidangan antarabangsa Islam dan Pembangunan di Asia Tenggara di sini hari ini. Persidangan dua hari itu dianjurkan bersama oleh Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Akademi Islam Universiti Malaya serta Pusat Sumber dan Maklumat Singapura.


Haji Ghani berkata, cendekiawan Islam tidak seharusnya menyerap saja semua idea dan pemikiran yang datang dari luar, sebaliknya perlu membentuk dan menyusun paradigma sendiri untuk menghadapi segala cabaran yang dihadapi oleh umat hari ini.

"Cendekiawan dari latar belakang disiplin dan orientasi yang berbeza perlu berfikir sekaligus mengadakan proses pemikiran semula serta menyusun pelan bertindak secara bersepadu," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Haji Ghani berkata, pintu ijtihad yang ditutup sejak kurun ke-14, serta sikap takliq melulu menjadi satu daripada punca kemerosotan tamadun Islam.

Sehubungan itu, beliau mahu cendekiawan Muslim merangka semula sistem pemikiran Islam bersepadu sebagai alternatif terhadap sistem dunia yang begitu dominan sekarang ini.

26.9.91



UMNO juga kemudiannya menyebutkan bahawa ia juga menerima Islam sebagai addin. Ia menyebutkan bahawa ia juga mahu kepada Islam. Cuma setakat itu kita belum pernah mendengarnya mempercayai politik Islam.

Wawasan 2020: Pupuk nilai rohaniah

Saudara Pengarang,

Wawasan 2020 berupa satu gagasan besar yang memba-bitkan masa depan negara. Sekarang, semua orang bercakap dan membahaskan tentang dasar ini. Masing-masing memberi hujah dan pandangan dari pelbagai sudut.

Secara kasar, Wawasan 2020 suatu penujuan arah yang menjanjikan serba-serbi 'gemilang' dari segi rangka politik, pendidikan, ekonomi, sosio-budaya dan moral. Maju dan mantap dalam bidang ekonomi sesebuah negara itu belum lagi mencapai tahap sebenar.

Lebih dititik beratkan di sini ialah menggerakkan secara salur-salur (menyeluruh) pendidikan akhlak/moral pada generasi muda. Gerakan moral dan membenihkan rohaniah ke dalam diri angkatan muda (barisan pelapis) perlu diberi ruang yang terbuka. Pembangunan rohaniah fizikal semata-mata boleh mencatatkan pembangunan rohaniah insani. Kedua-dua aspek ini perlu diseimbangkan dalam satu rel.

Masyarakat negara Jepun, Jerman, Amerika Syarikat dan Britain mengalami tekanan moral yang paling kritis ekoran tempangnya pengisian nilai moral ke dalam diri insan. Garis tuju kehidupan mereka macam dan meraba-raba dalam kegelapan petunjuk.

Sewajarnya Wawasan 2020 digerakkan secara berkembar dengan mengisi corak pendidikan Islam. Mahukah kita melihat generasi akan datang kehilangan pedoman hidup? Atau mereka

dibiarkan terumbang ambing dalam arus alpa yang panjang? Kepincangan dalaman yang mengaitkan roh rohaniah dan kemanusiaan boleh meruntuhkan suatu pembangunan yang dirancang. Ini suatu petaka yang ditimpa oleh Allah.

Bayang-bayang Hitam kepada hiruk-pikuk suasana hidup di luar Islam makin menempel tanda dalam masyarakat kita. Puncanya bersebab tidak ada gugusan iman dan akhlak sebagai tembok menghalang kepada cabaran hidup di dunia yang lebih ditiup oleh bisik-bisik iblis, nafsu dan api ammarah.

HEZEMI RR.

Gong Petai, Jertih.

Mingguan Waktu

15.9.91/28

Hanya gambar hiasan



WAWASAN 2020 JADI AGENDA POPULAR

Oleh Idris Tulis

Semenjak kebelakangan ini ada beberapa perkara yang berlaku yang menarik perhatian rakyat dan yang menonjol sekali dan ada yang tidak boleh dinafikan ialah Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Ekoran dari itu boleh dikatakan tiap-tiap hari kita mendengar pemimpin-pemimpin negeri sama ada dari peringkat pusat ataupun negeri termasuk juga



Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

Duli-duli yang Maha Mulia Raja-Raja dalam ucapan-ucapan mereka telah menyeru rakyat supaya bersama-sama menjayakan Wawasan tersebut dan bagi memastikan semangat Wawasan 2020 ini benar-benar tersemat di hati rakyat, beberapa lagu pun telah digubah untuk didengar oleh rakyat melalui radio dan televisyen.

Sudah jelas kepada kita sekarang bahawa semangat Wawasan 2020 ini telah ditanamkan dalam hati rakyat supaya kita

tidak leka dan lengah lagi menuju ke arah tujuan yang mumi itu. Dan saya berasa yakin iaitu jika rakyat sanggup berkorban dan bekerja kuat serta berdedikasi hasrat ini akan tercapai. Tetapi kita tidak boleh membuang masa kerana masa itu kata pepatah Melayu adalah emas dan kita semua terpaksa mempunyai kepercayaan kepada diri sendiri dan kepada apa yang kita hendak tuju dan capai dan untuk ini semua kita mestilah gigih dan berani menempuh duri da ranjau. Dikalangan dewasa pula mereka mestilah memberi sokongan yang sepenuhnya untuk menanam dan menguatkan semangat baru kepada anak-anak mereka untuk menjadikan Malaysia negara maju.

Tetapi dalam kita menanamkan semangat kegigihan ini kepada rakyat, lebih-lebih lagi kepada generasi muda yang akan mendapat manfaat, apa yang membimbangkan ialah bagaimana pula orang-orang Melayu akan serta mendapat manfaat dan dapat terus bersaing dengan bangsa-bangsa lain dari sekarang? Kerajaan telah mengakui iaitu Dasar Ekonomi Baru telah tidak dapat mencapai tujuan atau matlamatnya yang sebenar kerana hanya segelintir sahaja orang-orang Melayu yang benar-benar berjaya biarpun berbagai-bagai kemudahan telah disediakan oleh kerajaan untuk membantu mereka, termasuklah mengujudkan Tabung Pemulihan Usahawan.

Memandangkan kepada kegagalan itu maka untuk mencapai kejayaan Wawasan 2020 ini orang Melayu mestilah bekerja dengan lebih gigih, lebih kuat dan lebih tekun dan cecal kerana kita semua tahu bahawa kita masih jauh ketinggalan di belakang dalam semua sektor jika dibandingkan dengan bangsa lain di negara kita yang tercinta ini. Saya agak di atas sebab-sebab inilah Majlis Tertinggi UMNO baru-baru ini telah memutuskan untuk meminta kerajaan supaya mengadakan Kongres Ekonomi Bumi-putra yang ke-3 pada bulan Disember nanti, dengan tujuan membincang dan mendapatkan buah fikiran tentang masalah-masalah yang timbul dan mencari jalan untuk mengeluarkan usahawan-usahawan yang berbakat sejajar dengan Dasar Pembangunan Negara (DPN).

Sudah tentu orang-orang Melayu amnya dan usahawan bumiputra khususnya akan mengalu-alukan hasrat UMNO ini kerana dipandang dari apa sudut sekalipun ia sangat penting untuk rakyat Malaysia dari semua kaum dan keturunan agar hidup damai dan harmoni. Oleh itu penglibatan dan penyertaan bumiputra dalam semua sektor juga amatlah penting dan mesti diberi keutamaan sebagaimana yang telah digariskan dalam Dasar Pembangunan Negara yang menggantikan Dasar Ekonomi Baru.

MENJAYAKAN

Bagaimanapun untuk menjayakan ini semua orang-orang Melayu sudah tentunya mengharapkan kepada pemimpin-pemimpin negara untuk memberi bimbingan dan sokongan kerana Perdana Menteri telahpun meletakkan batu landasan dan beliau sudah tentu mengharapkan orang-orang bawahannya menjalankan tugas-tugas yang boleh membantu beliau untuk mencapai hasrat Wawasan 2020. Dalam perkara ini, pemimpin-pemimpin mestilah cuba meringankan tanggungjawab Perdana Menteri yang sentiasa berfikir dan memikul tanggungjawab yang berat untuk kejayaan dan kebahagiaan rakyat, oleh itu tidak mungkin beliau boleh menjayakan apa yang diilhamkannya itu dengan seorang diri jika tidak ada kerjasama dan sokongan yang tidak berbelah bagi dari anggota-anggota kabinetnya dan pemimpin lain.

Mengenai 'dilema' orang-orang Melayu buat masa yang akan datang, jika kita mahu melihat orang-orang Melayu berjaya dan penyertaan mereka bertambah pemimpin-pemimpin kita lebih-lebih lagi pemimpin Melayu yang ada kuasa mestilah memberi kerjasama yang erat dan padu dan mereka juga mesti berani bertanggungjawab di atas apa yang mereka lakukan untuk kebaikan rakyat. Mereka mestilah jujur, amanah, cekap serta bersih dari segala segi kerana kita boleh lihat mengapa DEB tidak tercapai! Bukanlah saya hendak mengatakan pemimpin kita tidak bertanggungjawab semuanya tetapi mungkin ada segelintir yang takut membuat keputusan atau tidak ada kepercayaan kepada bangsanya sendiri. Alasan seperti "nanti apa orang lain kata jika

saya tolong awak" tidak boleh diterima lagi jika kita benar-benar mahu orang Melayu berjaya kerana dari sekarang sehingga tahun 2020 bangsa lain akan mencapai kejayaan yang lebih menonjol. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak boleh membiarkan mereka ini mencuba nasib mereka dengan tidak dibantu. Kita akui orang-orang Melayu sekarang tidak lagi seperti orang-orang Melayu 10 atau 20 tahun dahulu kerana sekarang ini ada yang lebih cekap dan bijak dari bangsa lain, namun begitu tidak ramai jumlahnya.

Dalam masa yang sama Perdana Menteri telah mula mengingatkan bank-bank supaya mereka lebih positif dalam kegiatan mereka dan telah menggariskan beberapa panduan untuk bank-bank memikirkannya dan yang utama sekali ialah mereka mestilah menjalankan tugas mereka 'with the highest integrity and prudence'. Peranan mereka ini sangat perlu dan penting untuk mengukuhkan ekonomi negara dan untuk mencapai matlamat Wawasan 2020. Mereka mesti sensitif kepada apa yang berlaku di sekeliling mereka dari sekarang kerana orang-orang pemiagaan mengharapkan bank-bank untuk membantu mereka terutama sekali bank-bank yang dibawah jagaan Kerajaan dan yang telah ditugaskan untuk membantu peniaga-peniaga bumiputra yang hauskan kepada kemudahan kewangan.

Berdasarkan kepada hasrat tersebut kita harapkan Kongres Ekonomi Bumiputra yang ke 3 dijangkan diadakan pada bulan Disember nanti akan menghasilkan satu matlamat yang benar-benar berkesan dan boleh meningkatkan taraf ekonomi orang-orang Melayu yang akan bersama-sama rakyat bukan bumiputra bekerja kuat menuju ke arah Wawasan 2020.

Tidak boleh dinafikan iaitu ramai di antara orang-orang muda sekarang tidak mengenal atau tidak faham langsung tentang pengorbanan yang telah dicurahkan oleh ketiga-tiga pemimpin untuk negara, bangsa dan agama. Bagi mengetahui jasa-jasa dan pengorbanan mereka itu saya cadangkan generasi muda membaca buku-buku bersabit dengan rakyat negarawan-negarawan tersebut dan mengetahui pengorbanan dan perjuangan mereka di masa silam. Hanya dengan berbuat demikian mereka ini akan memahami dan mengerti bagaimana kemerdekaan dapat dicapai dengan

tidak menumpahkan setitik darahpun. Oleh itu sangat kena pada tempatnya bagi Kerajaan mengenang pemimpin-pemimpin kita itu dengan mengeluarkan setem-setem yang memamparkan gambar mereka. Kita ucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana mengenang tokoh-tokoh tersebut dengan sangat berkesan.

Dalam hal yang sama saya suka juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan lebih-lebih lagi kepada Perdana Menteri kita kerana telah membuat keputusan yang tepat sekali untuk menjadikan Residency iaitu rumah kediaman YTM Tunku semasa beliau menjadi Perdana Menteri sebagai Muzium cara mengingati jasa-jasa pengorbanan dan perjuangan Tunku itu. Rumah itu juga mempunyai sejarahnya tersendiri kerana disitu jugalah jika saya tidak silap Tunku mengadakan banyak perbincangan dan pertemuan dengan menteri-menteri beliau untuk mengatasi masalah-masalah negara dengan mengadakan sarapan pagi bersama-sama mereka. Rakyat sudah tentu berterima kasih kepada Kerajaan dan Perdana Menteri kerana telah membuat keputusan yang sangat tinggi nilainya itu.

Saya percaya orang ramai dan lebih-lebih lagi keluarga Almarhum Tunku akan berasa sangat puas hati dan bangga di atas keputusan Kerajaan dibawah pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir yang dikatakan dahulu bermusuhan dengan Tunku. Tetapi tindakan Perdana Menteri untuk memperingati jasa-jasa Tunku dengan mengubah rumah tersebut kepada muzium sudah cukup bukti bahawa Dato' Seri Dr Mahathir sentiasa menganggap Tunku sebagai pemimpin yang ulung dan negarawan yang susah dicari ganti. Tunku, sewaktu hayatnya, saya tahu tidak pernah bermusuh secara peribadi dengan Dato' Seri Dr. Mahathir. Jika ada pun perselisihan kedua tokoh yang dihormati dan disegani itu mungkin terbit dari doktrin perjuangan politik yang berbeza. Itulah yang sebenarnya. Dalam hal ini bolehlah pembaca mendapatkan buku saya yang saya tulis bertajuk "Tunku Abdul Rahman - Dr Mahathir - Ke Arah Perpaduan" Namun demikian, lagi sekali Dr. Mahathir telah menunjukkan kepada rakyat bagaimana beliau tidak menaruh dendam apa-apa terhadap Tunku dan ini telah terbukti apabila Dr. Mahathir telah memberi penghormatan negara setimpal dengan seorang negarawan.

(Mingguan Waktu, 8.9.91/2)

VISI MAHATHIR UNTUK KEMAJUAN

Oleh Datuk Mohamed Sopicce



Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengambil satu lagi langkah penting ke arah menjadikan Persyarikatan Malaysia, sebahagian dari visinya untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju sepenuhnya, setanding dengan negara-negara lain menjelang tahun 2020.

Dr Mahathir mengumumkan tindakan tersebut ketika merasmikan Majlis Perdagangan Malaysia pada 28 Februari lalu.

Majlis tersebut dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri dan Timbalan Perdana Menteri menjadi timbalannya.

Majlis itu juga dijangkan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali setahun.

Tujuannya adalah untuk menyelaraskan pengaliran maklumat dan idea antara sektor awam dengan sektor swasta di samping mengatasi masalah-masalah yang ada hubungan dengan pembangunan perdagangan dan industri.

Ia juga bertujuan mengatasi halangan ke arah pertumbuhan ekonomi di samping mewujudkan dan meningkatkan

sefahaman yang lebih baik antara sektor awam dan swasta di samping mengenali dan meningkatkan bidang-bidang kerjasama antara kedua-dua sektor tersebut.

Majlis yang mempunyai 62 anggota itu yang telah ditugaskan untuk mengenali hasrat negara di samping menggubal dasar-dasar ekonomi serta strategi-strategi negara adalah seperti berikut:

- Sepuluh menteri kabinet selain dari Perdana Menteri dan Timbalannya ia juga dianggotai oleh menteri-menteri berportfolio berikut - Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kewangan, Pengangkutan, Tenaga, Telekomunikasi dan Post, Perusahaan Utama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Pertanian dan Pelajaran.
- Lapan pegawai tertinggi dan ketua-ketua agensi-agensi berkenaan - Ketua Setiausaha kepada Kerajaan Pusat, Gabenor Bank Negara, Pengerusi Lembaga Pembangunan Industri Malaysia, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan dan Perlaksanaan di Jabatan Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber-sumber Manusia, Ketua Setiausaha Kementerian Kerjaraya dan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Awam.
- Empat puluh satu tokoh-tokoh dalam bidang kewangan, industri, perdagangan, perusahaan perhubungan dan kegiatan-kegiatan ekonomi yang lain dan di atas sifat masing-masing:
- Seorang pemimpin kesatuan sekerja
- Pengarah eksekutif Instituti Penyelidikan Ekonomi Malaysia dan
- Ketua Pengarah Instituti Pengajian Strategi dan Antarabangsa.

Konsep Persyarikatan Malaysia berdasarkan perkongsian antara pihak kerajaan dengan sektor swasta, di mana kedua-dua sektor telah menunjukkan prestasi cemerlang bagi menentukan setiap bidang yang diceburi oleh negara akan memberi faedah kepada segenap lapisan rakyat di negara ini yang perlu memberikan sokongan dari semua parti politik di Malaysia.

Ia janganlah hendaknya dicemari dengan fahaman-fahaman politik yang sempit. Hasrat negara hendaklah dikongsi bersama oleh semua pihak di setiap peringkat.

Kertas kerja yang dibentangkan oleh Perdana Menteri di mesyuarat Majlis Perdagangan Malaysia Khamis lalu di mana beliau telah mengemukakan fikirannya untuk membawa Malaysia ke hadapan di mana idea tersebut telah disokong sebulat suara di mesyuarat tersebut hendaklah dijadikan inspirasi kepada semua warganegara yang patriotik di negara ini dengan mengetepikan perbezaan masing-masing dan bersatu padu bagi membolehkan kita mencapai matlamat yang ditetapkan oleh beliau kepada negara menjelang tahun 2020.

Oleh itu setiap warganegara yang sayangkan negara sudah tentu seperti saya berasa bangga dengan petikan kata-kata Perdana Menteri seperti berikut:

"Mesti diwujudkan sebuah negara yang bersatu padu di mana rakyatnya tinggal dalam harmoni dengan kerjasama dan perkongsian sepenuhnya secara adil bagi satu bangsa Malaysia yang menunjukkan taat setia dalam bidang politik dan dedikasi kepada negara."

Warganegara yang patriotik dan menunjukkan taat setia dan dedikasi kepada negara hendaklah mengatasi sokongan dan taat setianya kepada parti politik atau masyarakat.

Di dalam konteks sebuah negara yang bersatu yang di diami oleh pelbagai kaum di Malaysia, maka kita tidak boleh meneruskan berfikir sebagai Bangsa Melayu, Cina, India, Dayak, Kadazan atau Dusun dan sebagainya tetapi hendaklah berfikir sebagai satu bangsa Malaysia dan berusaha untuk mengekalkan perpaduan kebangsaan demi menjadikan Malaysia sebuah negara yang kuat dan makmur.

Ini adalah penting ke arah merealisasikan hasrat tersebut kerana ia adalah sesuatu yang biasa bagi sesiapa pun untuk berasa bangga bagi Negeri atau kampungnya.

Ia dianggap sebagai tidak cintakan tanahair sendiri atau bertentangan dengan kepentingan negara jika ada yang ingin meniupkan perasaan perkauman yang sempit demi mengejar cita-cita dan perjuangan kepentingan politik yang sempit.

Ada antara mereka, termasuklah mereka yang memegang jawatan penting dalam parti Perdana Menteri sendiri iaitu UMNO mungkin di dalam perbincangan politik mereka di negara ini menegaskan apabila perkataan bangsa itu diperkatakan dalam Bahasa Malaysia manakala mereka mungkin menganggap ia hanya ditujukan kepada orang Melayu dalam konteks keadaan politik negara.

Mereka mungkin menganggap orang-orang bukan Melayu sebagai bukan Warganegara Persekutuan negara ini.

Mereka mungkin menolak penggunaan Bangsa Malaysia kerana ia boleh menimbulkan kekeliruan dan dianggap berbahaya menggunakan ungkapan tersebut.

Disamping itu mereka juga menganggap bahawa kerajaan telah menyerah kepada slogan 'Malaysian Malaysia' seperti yang dituntut oleh DAP selama ini.

Mereka ini mungkin memperolehi maklumat yang salah meskipun mereka aktif dalam politik di dalam memenangi pilihanraya dan berperanan dalam parti tetapi gagal memahami perubahan-perubahan yang berlaku di dalam Perlembagaan UMNO (1987) dibandingkan dengan Perlembagaan UMNO asal (1985).

Salah satu cita-cita dan matlamat UMNO seperti terandung di dalam Perlembagaannya adalah untuk : "Melahirkan satu bangsa yang kuat dan bersatu."

Bagaimanapun bagi Perlembagaan UMNO 1987 fasal tersebut seperti yang menjadi cita-cita dan matlamat parti tersebut telah digantikan dengan berikut: "Mewujudkan kerjasama antara kaum bagi melahirkan satu bangsa Malaysia yang kuat dan bersatu."

Satu kajian teliti terhadap sesetengah peruntukan yang

lain seperti terkandung di dalam Perlembagaan UMNO 1987 akan memperlihatkan perubahan-perubahan tertentu yang menentukan pemikiran politik dan sikap kepimpinan parti di bawah pimpinan Dr Mahathir bagi UMNO memasukkan secara berperingkat-peringkat orang-orang bukan Melayu agar 'United Malays National Organisation' ditukar menjadikan United Malaysia National Organisation (Pertubuhan Kebangsaan Malaysia Bersatu) yang benar-benar bersatu.

Berapa lamakah ini akan berlaku bergantung sebahagian besar kepada sikap dan reaksi warga negara bukan Melayu di negara ini dan keupayaan mereka menyusun fikiran terhadap politik bagi memudahkan proses integrasi kaum dan kepentingan kebangsaan.

Bagaimanapun bagi pandangan peribadi saya, jika ada sesiapa yang berkemampuan menerajui UMNO untuk membawa masuk kesemua rakyat Malaysia (sama ada secara ahli individu atau dari parti-parti politik yang menjadi ahli gabungan UMNO) dalam tempoh beberapa tahun akan datang, maka tidak ada orang lain selain dari Dr. Mahathir.

Saya yakin dengan kejujuran dan ketegasan beliau yang mampu memenuhi apa yang menjadi impian Allahyarham Dato' Onn, bapa Nasionalis Malaysia gagal mencapainya 40 tahun lalu.

Secara tiba-tiba sahaja, Datuk Seri Samy Vellu mengumumkan bahawa Kerajaan memutuskan untuk mengeluarkan beberapa siri setem peringkatan sebagai menghormati tiga Perdana Menteri yang pertama Tunku Abdul Rahman, Tun Hussein Onn dan Tun Razak.

Tindakan ini sudah tentu disambut baik oleh orang ramai, lebih-lebih selepas pemergian Perdana Menteri kita yang pertama baru-baru ini iaitu Tunku Abdul Rahman yang disayangi.

Allahyarham Dato' Onn Jaafar juga perlu diberikan penghormatan yang sama sebagai Pengasas UMNO dan Bapa Nasionalisme Malaysia.

Barangkali kerajaan dapat memberikan pertimbangan ke arah tersebut.

(Watan, 7.3.94/19)

WAWASAN 2020
UJIAN KEPADA RAKYAT
Ramai Idam M'sia Maju

PERDANA Menteri Malaysia, Dato'Sri Dr. Mahathir Mohammad baru-baru ini telah mencabar rakyat Malaysia dengan Wawasan 2020 yang antara lain menyatakan hasrat beliau ingin melihat masyarakat Malaysia maju dan berkeyakinan terhadap diri sendiri dan berusaha ke arah kecermerlangan serta meletakkan nama negara setanding dan dihormati oleh negara-negara lain di dunia.



Dato' Sri Dr. Mahathir Muhammad

Apakah reaksi orang ramai terhadap perkara ini? Apakah mereka mengetahui dan benar-benar faham apakah yang dimaksudkan dengan Wawasan 2020 itu? PERDANA meninjau pendapat orang ramai sekitar ibukota mengenai perkara ini.

Fadzilah Abu Samah, pelajar Universiti Islam Antarabangsa (UIA) menyambut baik Wawasan 2020. Menurut beliau, rakyat Malaysia harus mempersiapkan diri menempuh alam baru yang serba mencabar untuk meletakkan negara sebagai sebuah

negara yang dihormati di dunia.

"Tibalah masanya kini kita lebihkan bertindak daripada bercakap, lebihkan berfikir daripada hanya membuang masa dengan bercakaran sesama sendiri. Kita harus menyahut cabaran PM dan membuktikan bahawa impian beliau melihat kemajuan Malaysia dengan rakyat berbilang kaum yang hidup secara harmoni, bekerjasama dan dedikasi terhadap negara terlaksana," ujar beliau penuh semangat.

"Belia memang wajar dipertanggungjawabkan untuk menjadikan Wawasan 2020 ini satu kenyataan. Ini kerana beliau merupakan tenaga muda yang peka terhadap perubahan, bersifat terbuka dan mempunyai semangat yang kental," jelas beliau.

Menurut beliau, golongan mahasiswa juga harus memainkan peranan kerana mereka adalah penggerak utama dalam masyarakat. "Merekalah kelak yang akan menyambung wadah perjuangan yang ada," tegas beliau.

Zailan Mohd Noor, 25, dari Pasir Mas, Kelantan tetapi bekerja di ibukota berpendapat sindrom negatif seperti kurang yakin terhadap diri sendiri, masyarakat dan negara perlu dihapuskan.

"Ini semua membawa kesan yang tidak baik Kita harus berfikiran terbuka dan mengganggap Wawasan 2020 sebagai satu cabaran yang memerlukan tugas serta tanggungjawab besar," jelas beliau.

"Rakyat harus membuktikan kepada tanahair sendiri bahawa kita mampu maju seperti negara-negara maju lain. Jika selalunya kita mengambil negara lain sebagai model, bukan mustahil jika satu masa kelak, negara kita pula dijadikan model oleh negara lain," terang beliau.

"Saya yakin Wawasan 2020 akan menjadi kenyataan jika ada kerjasama dari segenap lapisan masyarakat," terang beliau lagi.

"Mungkin ramai yang masih kabur mengenai perkara ini, Oleh itu saya berharap RTM dan TV3 menyalurkan Wawasan 2020 ini dalam program mereka agar rakyat di seluruh negara termasuk di luar bandar memahami dan sama-sama memainkan

peranan menjayakannya," tambah beliau lagi.

Fauzi Kahir, 20, pelajar Psat Persediaan (PPP), Shah Alam, menyokong Wawasan 2020 dan mencadangkan pelajar-pelajar turut mengambil bahagian agar hasrat PM menjadi kenyataan.

"Saya kira, para pelajar boleh memberi sumbangan dengan mengubah sikap iaitu jangan mengambil sikap sambil lewa terhadap apa yang mereka lakukan. Setiap perkara yang dibuat biarlah bermatlamat. Inisiatif untuk memajukan negara bermula dengan memajukan diri sendiri," tegas beliau.

"Tuhan tidak mengubah nasib manusia jikalau mereka sendiri tidak berusaha mengubahnya. Masa yang berlalu dan terbiar tanpa sebarang kerja yang berfaedah adalah sia-sia dan merugikan. Inilah perubahan sikap yang patut ada terutama di kalangan generasi muda," terang beliau.

Menurut beliau, walaupun Wawasan 2020 sudah mula diterima dan difahami oleh rakyat, beliau tidak menafikan ramai lagi yang tidak menerima atau belum memahaminya.

"Mungkin rakyat yang berpendidikan sedar dan memahami wawasan ini tetapi saya bimbang masyarakat di luar bandar, terutama kampung-kampung terpencil masih samar-samar terhadap wawasan ini," ujar beliau.

"Apapun, yang penting sekarang ialah jika kita ingin mencapai matlamat Wawasan 2020, kita perlu yakin, bersemangat dan bekerja keras ke arah itu," ujarnya lagi.

Sunil Kumar, 22, dari Bangsa pula berpendapat Malaysia kini semakin maju dan mempunyai masa depan yang cerah.

"Kita semakin dikenali di dunia dan jika rakyat mempunyai motivasi ke arah kemajuan, gagah menghadapi sebarang masalah dan berjiwa bebas, saya yakin wawasan PM akan mampu dicapai seperti yang dijangkakan," jelas beliau.

"Kalau kita lihat negara Jepun, kita dapati mereka boleh maju walaupun pernah mengalami masalah ekonomi dan musnah teruk akibat perang, tetapi kini mereka bukan setakat berjaya tetapi mampu berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju lain di dunia,"-jelas beliau lagi.

“Jadi bukanlah mustahil, Malaysia dengan ekonominya yang semakin berkembang dan tidak pernah dilanda perang berjaya maju pada masa hadapan,” tambahnya.

Entoni Zaini, 25, pekerja di sebuah syarikat swasta yang berasal dari Sarawak pula bersetuju bahawa setiap sesuatu saranan akan menimbulkan suara-suara sumbang.

“Suara-suara sumbang ini datangnya daripada orang-orang yang tidak memahami Wawasan 2020 ini. Jika mereka benar-benar faham, mereka akan sedar wawasan ini merupakan satu ‘suntikan’ yang akan menguji kemampuan rakyat negara kita untuk maju,” ujarnya.

23.6.91

Cerdik pandai negara perlu tampil pencetus idea pembangunan



Hanya gambar hiasan

ADAKAH golongan akademik, cerdik pandai negara ini sudah bersedia untuk tampil ke hadapan dan memimpin negara ini ke arah wawasan 2020? Ataupun mereka masih mahu terus "ditarik-tarik hidung" mereka?

Di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, golongan akademik merupakan pencetus idea-idea pembangunan. Tetapi, di Malay-

sia, golongan ini lebih suka menanti cue (isyarat) daripada ahli-ahli politik. Mereka lebih suka dipimpin kerana cara ini "lebih menguntungkan" kerjaya mereka.

Aspek utama yang memerlukan tumpuan berat jika kita mahu mencapai hasrat wawasan 2020 ialah pembangunan sumber manusia terutamanya di pusat-pusat pengajian tinggi.

Persediaan perlu dibuat bagi membentuk tenaga pekerja-

pekerja siswazah bersesuaian dengan keperluan untuk menjadi sebuah negara maju. Mereka harus lebih berani untuk mencetus idea-idea pembangunan.

Penampilan Sharp-Roxy Sales and Services Company (M) Sdn. Bhd. mendahului firma-firma lain, menawarkan dua kursus teknologi tinggi dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) dan Institut Teknologi MARA (ITM) menjadi pembuka era baru dalam pendidikan tinggi.

Sharp menganjur sepenuhnya kursus Senireka Industri (27 Jun 5 Julai) di ITM, Shah Alam dan Teknologi Optoelektronik (10-21 Jun) di USM kampus Seri Iskandar, Perak.

Sharp Corporation mempunyai 15 pusat dan makmal kejuruteraan di Jepun serta tiga pusat Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) di Amerika Syarikat dan di Britain.

Sharp Malaysia pula mempunyai kilang pengeluaran audio yang terbesar di dunia. Beberapa bulan yang lalu, ia telah mula mengeluarkan stereo mini-compo yang direka dan dibuat dalam negara. Radio-radio itu kini berada di pasaran antarabangsa termasuk Jepun.

Kursus-kursus yang ditawarkan itu akan memperkenalkan secara lebih mendalam teknologi Sharp oleh pakar jurutera dan pereka industri Sharp di Jepun. Bahan-bahan kursus juga akan dibawa dari Jepun.

Sharp berharap kursus-kursus yang ditawarkan itu satu hari nanti akan dapat dijadikan kursus pilihan optional course di USM ataupun ITM kerana pakar jurutera optoelektronik dan pereka industri tempatan masih kekurangan.

Dengan adanya kursus-kursus seperti ini, dapatlah kita berharap kepada pemindahan teknologi yang lebih produktif dan bermakna bagi usaha-usaha ke arah wawasan 2020.

Ikutilah temubual Utusan denga Pengurus, Bahagian Pengurusan Am, Sharp-Roxy di Sungai Petani, Encik Akashah Ismail yang bertanggungjawab terhadap kursus-kursus tersebut.

SOALAN: Apakah yang telah mendorong Sharp untuk menawarkan dua kursus teknologi tinggi itu?

ENCIK AKASHAH: Sharp telah berkembang dengan pesat di Malaysia. Pada hari ini, kita mempunyai 5,500 kakitangan di

seluruh negara, malah Malaysia merupakan negara pengilangan terbesar di luar Jepun.

Perkembangan pesat ini tidak mungkin berlaku tanpa sokongan kerajaan dan rakyat Malaysia. Oleh itu, kami rasa terhutang budi dan ingin membuat sesuatu.

Cara yang terbaik ialah menerusi pendidikan. Seperti pepatah lama yang berbunyi: "Jika anda beri ikan kepada orang ramai, mereka akan makan ikan itu dan lupa, tetapi jika anda ajar mereka memancing, mereka akan hidup selama-lamanya."

Setelah itu, kami memikirkan kursus apa yang hendak diajar yang mempunyai teknologi Sharp dan memberi keuntungan jangka panjang. Kursus-kursus yang dipilih itu melibatkan kepimpinan Sharp dalam senireka industri dan teknologi opto-elektronik.

SOALAN: Apakah kita sedang menyaksikan bentuk baru pemindahan teknologi yang menitikberatkan pemindahan ilmu teknologi dan bukan peralatan canggih semata-mata?

ENCIK AKASHAH: Malaysia sedang bergerak ke arah matlamat perindustrian di bawah wawasan 2020.

Ini bermakna kita perlu menyediakan rakyat kita bukan sahaja dengan kemahiran membuat, tetapi juga mencipta barangan yang dapat diterima oleh dunia. Kita hendaklah menyediakan rakyat kita dari segi fizikal dan mental.

Oleh itu, kami berpendapat, kedua-dua kursus yang ditawarkan oleh Sharp akan memberi sumbangan besar kepada wawasan 2020.

Dan di Sharp, apabila kita bercakap mengenai rekacipta, ia meliputi aspek bahan-bahan mentah hinggalah kepada barang itu sampai ke tangan pengguna-pengguna. Banyak yang terlibat.

SOALAN: Apakah kita juga sedang melihat perkembangan baru dalam peranan sektor swasta dalam bidang P&P di institusi-institusi pengajian tinggi?

ENCIK AKASHAH: Di negara-negara maju, hubungan syarikat-syarikat swasta dengan institusi-institusi pengajian sangat rapat. Kerjasama ini penting kepada kedua-dua pihak.

Bagaimanapun, ini boleh berlaku di Malaysia jika syarikat-syarikat yang terlibat dalam kegiatan perindustrian mempunyai pusat-pusat rekacipta (design centres). Sharp telahpun lama menubuhkan pusat rekaciptanya sendiri.

Pusat-pusat itu akan membuat rekacipta barangan, manakala universiti-universiti pula akan melakukan semua P&P terhadap barangan baru dan membuat cadangan-cadangan sebelum barang tersebut dipasarkan kepada orang ramai.

SOALAN: Apakah lagi yang boleh dibuat oleh sektor swasta dan universiti bagi membantu ke arah menjadikan negara ini sebuah negara industri?

ENCIK AKASHAH: Banyak perkara yang boleh dilakukan. Selain mengadakan hubungan kerjasama, institusi-institusi pengajian tinggi merupakan pembekal terpenting tenaga-tenaga pekerja mahir. Institusi-institusi tersebut perlu memenuhi keperluan negara bukan sahaja dalam segi kuantiti tetapi juga kualiti.

Ini boleh dilakukan dalam banyak cara. Salah satunya ialah menerusi daya usaha Sharp dengan menawarkan dua kursus pendek teknologi tinggi bagi memenuhi keperluan industri.

Satu lagi ialah dengan mewujudkan Panel Penasihat (Advisory Panel) antara universiti dan sektor industri. Panel ini akan bertemu setiap masa bagi membincangkan keperluan masa depan untuk membolehkan mereka membuat persediaan bagi pelajar-pelajar.

Sharp telahpun dilantik menganggotai Panel Penasihat dalam USM dan Politeknik Sultan Abdul Halim (POLIMAS) di Jitra, Kedah.

4.7.91/6

BAHAGIAN 3

- * Wawasan 2020 kepintaran Bacon mengatasi plato.
- * 2020
- * Persidangan sektor ekonomi dan sosial:
PELBAGAI PIHAK SOKONG KUAT WAWASAN 2020
- * Wawasan 2020 bukan igauan buruk.
- * Masyarakat perihatin dan kemiskinan.
- * Antara pembangunan dan kemiskinan.
- * Penyertaan dalam DPN.

Wawasan 2020 Kepintaran Bacon mengatasi Plato

Oleh Samsuri Roslan

SETIAP pemimpin besar mempunyai wawasannya sendiri. Ia mudah dikesan melalui ucapan, tulisan, cara bertindak dan menganalisis sesuatu permasalahan. Umpamanya, untuk membangunkan negara, cara berfikir dan bekerja rakyat Rusia, Presiden Mikhail Gorbachev meletakkan wawasan 'glasnost dan perestroika' sebagai tunjang idea pembaharuan negara tersebut.



Dato' Seri Dr Mahathir

Pelbagai bentuk perubahan dan pembangunan sedang dirancang dan dianalisis oleh para pemimpin pelbagai lapisan rakyat di negara itu. Perubahan ini termasuklah sistem kepartian bebas yang berasaskan demokrasi, pemberian kuasa yang lebih kepada negara-negara di bawah naungannya, penerimaan terbuka kehidupan sosial barat dan ekonomi pasaran bebas.

Sungguhpun 'glasnost dan perestroika' mempunyai kesan negatif dan positif, gabungan cara berfikir para intelektual dan pemimpin pelbagai lapisan negara itu terus disatu dan diselarakan. Usaha-usaha ini mulai diarah kepada kumpulan sasaran - masyarakat ramai, agar bersedia menerima pembaharuan itu.

Dengan itu perkara pokok yang paling besar dalam merubah pemikiran adalah bergantung kepada perancangan cara bercakap, bekerja sama ada sesuatu pembaharuan itu praktikal atau sebaliknya.

BERTINDAK

Seorang pemikir masyarakat Islam yang terkemuka, Dr Ali Syariati dalam bukunya 'Sociology in Islam' telah menyebut adalah silap jika kita berkata, 'kata sudah cukup banyak bercakap sekarang, kita mesti bertindak. Beliau merujuk pemimpin besar Rasulullah SAW:- baginda tidak pernah membahagikan kehidupan menjadi dua peringkat, yang pertama cuma terdiri dari bercakap semata-mata, dan yang kedua terdiri dari bertindak semata-mata.

Apa yang kita lakukan selama ini hanyalah meratap, mengkritik dan menangis dengan banyaknya dan perkara ini itu mesti dihentikan. Sebaliknya kita mesti bercakap tentang penderitaan itu sendiri dan bercakap secara saintifik.

Memandangkan keadaan di atas, Dr. Ali Syariati yakin bahawa tugas kita yang paling besar dan penting pada hari ini ialah untuk bercakap-cakapan dengan betul, bercakap dari rasa penderitaan namun secara yang tepat dan saintifik adalah dengan menganalisis penyakit-penyakit yang kita hadapi.

Menurut Dr. Ali Syariati lagi, ramai yang telah memulakan usaha, baik di negaranya mahupun di mana sahaja dalam dunia Islam dengan penuh harapan ingin melaksanakan sesuatu, namun sebaliknya usaha mereka tidak banyak mengeluarkan hasil, malah Undang-undang tidak dihasil sama sekali. Puncanya ialah, sewaktu mereka memulakan usaha mereka tidak tahu apa yang perlu mereka lakukan dan selagi kita tidak tahu apa yang dikehendaki selagi itulah kita tidak tahu apa yang perlu dilakukan. Mereka keliru dengan kaedah yang mahu dibawa dan sentiasa di dalam keadaan kucar kacir.

Sudah nyata bahawa soal kaedah membawa implikasi yang luas dalam menentukan kemajuan atau kemunduran. Apa

yang paling utama ialah kaedah selidikan dan bukan bergantung semata-mata kepada ada atau tiadanya orang-orang cerdik yang boleh menyebabkan masyarakat tidur dalam kegelapan atau maju dan membangun.

TERDAPAT

Sebagai contoh, kira-kira pada abad ke empat atau lima belas sebelum Nabi Isa Alaihissalam lahir telah terdapat ramai orang-orang atau tokoh-tokoh di abad ke empat belas, lima belas atau enam belas. Tiada siapa pun yang boleh meragukan bahawa Aristotle jauh lebih cerdik dari Francis Bacon. Manakala Plato pula adalah jauh lebih cerdik dari Roger Bacon. Tetapi mengapakan Francis Bacon dan Roger Bacon berjaya menjadi faktor kemajuan sains walaupun mereka tidak secerdik orang-orang seperti Plato; sebaliknya orang-orang seperti Plato telah menyebabkan Eropah tidur selama seribu tahun sepanjang zaman pertengahan. Dalam kata lain mengapakah orang-orang yang verdik menyebabkan dunia beku dan orang yang biasa otaknya menghasilkan kemajuan sains dan kebangkitan dunia?

Jawapannya ialah orang-orang yang biasa otaknya itu telah mendapat kaedah berfikir yang betul. Oleh itu orang yang sederhana kecerdikannya pun dapat menemui kebenaran dan kejayaan. Sebaliknya orang-orang yang terlalu cerdik sekalipun, jikalau mereka tidak mengetahui cara yang betul untuk melihat dan memikirkan sesuatu masalah mereka tidak akan dapat memanfaatkan kecerdikan otaknya.

Sejarah tamadun Yunani telah menyaksikan berkumpulnya berpuluh-puluh orang cerdik pandai dalam abad ke empat dan lima. Hingga hari ini sejarah manusia masih lagi dari dahulu sehingga sekarang berada di bawah pengaruh mereka. Namun seluruh penduduk kota Athens di Yunani tidak mampu hendak mencipta walau hanya sebiji roda sekalipun, sedangkan di zaman Eropah moden seorang juruteknik biasa yang tidak memahami hasil karya Aristotle atau muridnya menghasilkan berpuluh-puluh ribu ciptaan.

KECERDIKAN

Contoh yang paling baik ialah Edison, orang yang menemui arus elektrik. Kecerdikan Edison adalah lebih rendah tahapnya dari kecerdikan murid-murid kelas tiga Aristotle. Sungguhpun demikian sumbangan Edison dalam penemuan alam semula jadi menguntungkan manusia. Pembinaan industri adalah jauh lebih besar dari sumbangan seluruh cerdik pandai yang dilatih mengikut sistem Aristotle yang berjalan selama 2,400 tahun. Edison telah menghasilkan lebih dari seribu macam ciptaan, kecil dan besar.

Cara berfikir yang betul adalah seperti cara kita berjalan. Orang yang capek dan tidak dapat berjalan dengan pantas, tetapi tahu jalan yang betul akan sampai ke tempatnya yang dituju jika dibandingkan dengan jagoh lumba lari yang mengikuti jalan yang bruruk dan berbengkok-bengkok. Biar bagaimana laju sekalipun jagoh itu berlari dia akan sampai lambat itupun jika ditakdirkan dia sampai.

Kerana itu, golongan cerdik pandai dan sesetengah pemimpin pelbagai pertubuhan dan politik perlu menganalisis dengan tepat dan wawasan 2020 yang dipelupori oleh Perdana Menteri, Dato Seri Dr Mahathir Mohammad. Wawancara ini boleh dicapai sekiranya masyarakat bekerja dengan betul dan bersistematik di samping intelektual masakini menganalisis dengan tepat. Kita tidak mahu wawasan 2020 hanya dibincangkan dalam kertas kerja yang 'berserabut' dan cakap-cakap kosong oleh para intelektual sedangkan Perdana Menteri bersusah payah untuk menggerakkan cara berfikir itu.

Watan
24.7.91/9

WAWASAN 2020 DR. MAHATHIR

LEBIH kurang 30 tahun lagi sampailah usia kematangan wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang disebutnya sebagai Wawasan 2020.

Ketika itu, walaupun masih bernafas, Dr. Mahathir sudah menjangkau usia hampir seabad. Bayangkan sahaja rupa fizikal Dr. Mahathir ketika itu. Kalau mengikut adat (kelaziman) orang Asia yang hidup di tengah-tengah hotdog, burger, kotoran sampah sarap sekitar Kuala Lumpur, pencemaran lorong-lorong Haji Taib, Chow Kit Road, kondom, Aids dan lain-lain, usia 90-an tidak lagi boleh dibuat tiang tempat bersandar. Orang 90-an biasanya sudah berselewah atau bersememeh.

Bagaimanapun, ini satu andaian sahaja. Dr. Mahathir tidak demikian. Barangkali Dr. Mahathir yang dapat bersandar di dalam limosin, diapit oleh polis trafik sepanjang masa; ke masjid, ke majlis makan malam atau ke tandas sekalipun, tidak mungkin mengalami ketegangan lalulintas di Jalan Cheras, Jalan Sungai Besi, Jalan Tun Razak atau Jalan Kuching.

Dengan pengawalan makanan - tidak makan gula dan lemak berlebihan, di samping mengamalkan senaman - Dr. Mahathir boleh mengelakkan kerosakan saraf yang berpunca daripada kimia makanan. Tentu sahaja dia tidak memakan Twisties, Chikadees atau Tora-Tora, walaupun kerajaan pimpinannya membenarkan penghasilan makanan ringan itu.

TERDEDDAH

Tanpa rokok - baik rokok batang mahpun rokok nipah - paru-paru Dr Mahathir tidak terdedah kepada ancaman barah. Giginya juga tidak mengalami kekaratan sebagaimana yang berlaku pada gigi menteri-menteri lain yang sentiasa mengepit kotak Marlboro atau Dunhill. Apatah lagi, kerana dia sendiri doktor gigi.

Giginya sentiasa bersih dan inilah yang memungkinkan dia sentiasa mengukir senyum hingga menarik perhatian pengiklan Colgate atau Darlie, agaknya. Kalau diadakan pertandingan senyuman di kalangan menteri Kabinet, tidak syak lagi Dr Mahathir lah pemenangnya, tempat kedua Datuk Seri Sanusi Junid dan ketiga Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir juga bukan peminum arak, malah mencicipnya pun rasanya memang tidak pernah. Itulah sebabnya dia tidak sibuk-sibuk membimbangi kesan penagihan arak di kalangan rakyat Malaysia, hinggakan di Pulau Langkawi harga arak boleh dimurahkan. Malah mungkin juga dia tidak berhajat untuk melarang Lembaga Tabung Angkatan Tentera daripada terus memegang syer dalam syarikat Carlsberg dan Guinness.

Risiko amalan seks bebas pun tidak dibimbangi oleh Dr. Mahathir. Kalau orang takut akan siplis atau gonorrhea, atau takut akan sistem saraf menjadi lemah akibat terlalu cenderung ke arah gejala ini, Dr Mahathir tidak terlibat sama sekali kerana imannya kukuh serta kasih sayang isteri melimpah sepanjang masa.

Barangkali itulah sebabnya dia tidak awal-awal lagi mengumumkan bahawa hukuman lebih berat akan dikenakan ke atas pembawa pelacur yang menghidap Aids ke negara ini (kalau setakat membawa pelacur yang "free from Aids", hukuman lebih ringanlah).

Bersih daripada segala gejala yang memungkinkan seseorang hidup uzur dalam usia hampir seabad, Dr Mahathir mungkin berpeluang menyaksikan pencapaian negara dalam tahun 2020 nanti. Tetapi berpeluang jugakah dia melihat negara bersih daripada Aids, alkoholik, siplis dan keruntuhan moral?

Persidangan sektor ekonomi dan sosial Pelbagai pihak sokong kuat Wawasan 2020

Oleh Datuk Mohamed Sopicie



Datuk Seri Dr. Mahathir

DUA persidangan yang akan diadakan bulan ini membayangkan sokongan kuat masyarakat awam kepada Perdana Menteri dari beberapa kumpulan dan pertubuhan yang mewakili sektor-sektor ekonomi dan sosial di negara ini ekoran wawasan beliau menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020.

Persidangan Persatuan Pemaju-Pemaju Perumahan dan Perusahaan Harta akan diadakan di Hotel Hyatt Saujana & Country Club, Subang pada 16-17 September ini bertemakan 'Perumahan yang mampu - Konsep Baru, Pendekatan dan Cabaran-Cabaran Menjelang tahun 2000'.

Persidangan tersebut akan dirasmikan pembukaannya oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba manakala upacara penutup oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr. Ting Chew Peh.

MATLAMAT

Matlamat perumahan yang di tetapkan di bawah Ranca-

ngan Malaysia Keenam yang telah diluluskan dalam Persidangan Dewan Rakyat baru-baru ini ialah pembinaan 573,000 unit rumah kediaman menjelang 1995 di mana 174,000 akan dibina oleh sektor awam manakala 399,000 oleh sektor swasta.

Dalam soal ini adalah penting bagi sektor awam dan swasta bekerjasama dalam semangat Persyarikat Malaysia demi mengatasi beberapa isu bersama untuk membantu kerajaan bukan sahaja untuk mencapai matlamat tersebut tetapi juga memenuhi cabaran bagi menentukan harga rumah adalah di dalam lingkungan kemampuan semua lapisan rakyat.

Antara beberapa perkara yang akan dibincangkan dalam persidangan kebangsaan selama dua hari ini termasuklah:

- Perumahan yang mampu-aliran sekarang dan masa depan;
- Dasar-dasar Kerajaan - kaji semula dasar-dasar kritikal untuk perumahan yang termampu;
- Perlunya konsep-konsep pembaharuan di dalam perancangan bandar, reka bentuk bangunan, pembinaan dan kemajuan masyarakat;
- Peranan industri pembinaan di dalam mencapai matlamat perumahan yang termampu.
- Kesan pembangunan antarabangsa ke atas scenario perumahan di Malaysia dan;
- Perbandingan kajian terhadap dasar-dasar dan strategi bagi faedah masyarakat keseluruhannya.

Persidangan ini bertujuan melahirkan kesedaran, tindak balas yang pragmatik bukan sahaja dari para pemaju perumahan tetapi juga kakitangan awam dari beberapa jabatan berkenaan seperti pihak bank, arkitek, jurutera, juru ukur, perancang bandar, penilai, kontraktor, pengeluar bahan-bahan binaan dan pembekal terutama sekali pihak pengguna.

Persidangan seperti ini adalah tepat dengan masanya memandangkan aliran ke arah inflasi yang semakin nyata sekarang dan pengiktirafan kerajaan terhadap keperluan untuk menyusun semula rancangan bagi meningkatkan lagi prestasi sektor swasta dalam sektor ini.

Antara mereka yang akan memainkan peranan penting di

dalam persidangan tersebut adalah Presiden Persatuan-Persatuan Pemaju Perumahan (HDA), Teo Chiang Kok, Dr. Goh Ban Lee (Fellow Penyelidikan Pusat dari Penyelidikan Dasar, Universiti Sains Malaysia). Dato' Haji Ahmad Hassan (Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Encik Lawrence Chan Kek Tong (Timbalan Presiden HDA), Encik Chooi Mun Sou (peguam), Tuan Haji Hajeedar Abdul Majid (Pengerusi Syarikat Pembinaan Pemas), Dato' Kington Loo (BEP Arkitek).

Encik Hong Lee Phee (Naib Presiden, Persatuan-persatuan Pembinaan Rumah), Dr. Shamsuddin Kassim, (Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Encik Hamdan Adnan, (Presiden Persekutuan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia).

Encik Alan Tong Kok Mau (Bendahari Kebangsaan Persatuan-Persatuan Pemaju Perumahan Negara), Encik T. Mahesan (Presiden Institiut Perancangan Malaysia), Tan Sri Dato' R.V. Navaratnam (Ketua Eksekutif Pegawai/Pengarah, Bank Buruh).

KONVENSYEN

Encik Foo Sheh Loon (Pengurus Pemasaran dan Runcit, Bank Standard Chartered) serta 10 anggota lain termasuklah dari Jabatan Hasil Dalam Negeri, Biro Kajian Dasar Ekonomi Negara serta dari Institiut Kajian Strategi Antarabangsa (ISIS).

Mereka yang bukan ahli HDA juga diundang menyertai persidangan tersebut. Pertanyaan dan pendaftaran bolehlah dihubungi melalui telefon 03-2442057 (Ruby, Grace, Agatha) atau melalui Fax 03-2445461.

Sementara itu Persatuan Ekonomi Malaysia juga akan mengadakan Konvensyen Dua Tahun Sekali yang Kesebelas di Hotel Shangri La di Kuala Lumpur dari 24 hingga 26 September ini. Tajuk konvensyen kali ini adalah Rancangan Malaysia Keenam.

Persatuan tersebut telah menganjurkan beberapa siri konvensyen dengan objektif untuk menghimpunkan pakar-pakar ekonomi terkemuka di Malaysia dan juga dari seberang laut bagi membincangkan isu-isu ekonomi semasa dan dasar-dasar demi kepentingan negara.

Pada tahun ini persatuan berkenaan telah memilih 'Rancangan Malaysia Keenam: Menuju Ke Arah Sebuah Negara Maju' sebagai tema konvensyen tersebut memandangkan pentingnya rancangan tersebut sebagai yang pertama di dalam enam siri rancangan pembangunan yang menjadikan negara ini sebuah negara maju menjelang 2020 seperti yang terkandung di dalam wawasan Dato' Seri Dr. Mahathir.



Datuk Seri Anwar

Konvensyen tiga hari itu dianjurkan dalam enam sesi meliputi rangka makroekonomi dan alam sekitar antarabangsa, pelaburan, simpanan dan kewangan serta perancangan-perancangan sektor dan isu.

Ia juga meliputi perbahasan berhubung dengan tajuk-tajuk semasa yang mempunyai kepentingan masa kini seperti, flexi-wage, pengurusan alam sekitar dan peranan sains dan teknologi dalam pertumbuhan ekonomi.

Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan merasmikan pembukaan konvensyen tersebut.

Persidangan tersebut juga akan mengumpulkan para pakar dari Malaysia dan penceramah-penceramah antarabangsa yang bukan sahaja mahir dalam bidang masing-masing tetapi juga biasa dengan pengalaman-pengalaman di Malaysia.

Mereka termasuklah Tan Sri Dato' Lin See Yan (Presiden Persatuan Ekonomi Malaysia dan Timbalan Bank Negara Malaysia).

Encik Nicholas Vanaton (Ketua Perdagangan dan Pelaburan Luar, Jabatan Ekonomi dan Statistik,



Tan Sri Mahsudin

OECD, Paris), Datuk Ali Abul Hasan Sulaiman (Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri).

Dr. Homi Khara Ketua Bahagian Ekonomi, Bank Dunia bagi Rantau Asia, Washington D.C.), Dato' Mohd. Sheriff Kassim (Setiausaha Agung, Kementerian Kewangan).

Dato' Malik Merican (Pengerah Urusan Malaysia Mercant Bank/Timbalan Presiden Persatuan Ekonomi Malaysia) dan beberapa tokoh terkemuka yang lain dalam bidang kewangan dan ekonomi.



Tan Sri Ghazali Shafie

CERAMAH

Mereka ini adalah penceramah-penceramah utama yang akan membentangkan kertas kerja dan memimpin perbincangan dalam persidangan tersebut.

Sementara itu Pengerusi Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN), Tan Sri Ghazali Shafie, akan memberikan ucapan berhubung dengan 'Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara'.

Bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah akan memberikan ucapan bertajuk 'Dasar Pembangunan Negara: Satu Ulasan.'

Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin akan turut berucap berhubung dengan 'Pembangunan Wilayah: Perspektif Johor'.

Konvensyen tiga hari akan berakhir dalam satu perbincangan



Tengku Razaleigh Hamzah

panel berkenaan 'Politik dan Perancangan' di mana penceramah-nya, Dr. Affifuddin Omar (Pegarah Urusan Juwana Holdings), Dr. Kua Kia Soong (Pegarah Biro Politik, DAP) dan Dr. Chandra Muzaffar (Presiden Aliran akan menjadi penceramah utama).

Konvensyen ini terbuka kepada semua ahli persatuan berkenaan dan mereka yang diundang. Pendaftaran sebanyak \$850 seorang untuk ahli dan \$1,000 seorang untuk bukan ahli. Bayaran tersebut adalah untuk kertas kerja dan makan.

Bilangan tempat untuk \$1,000 bagi satu meja adalah terhad. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi pihak sekretariat 03-7560075 atau 03-7554111 sambungan 247 atau Fax 03-7563139.

Tempahan awal melalui telefon hendaklah dibuat sebelum 17 September ini.

Watan
14.9.91/8

Wawasan 2020 bukan igauan buruk

Oleh Osman Id Isa

RENCANA bertajuk Igauan Menjelang 2020 dalam ruangan Surat Dari Desa oleh Budi Rusindah dalam Utusan Pengguna terbitan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) September ini, menarik perhatian untuk dianalisis.

Ringkasnya, penulis rencana ini menyifatkan 30 tahun akan datang akan wujud ramai orang jahat, tenaga kerja dibanjiri robot-robot Jepun, sewa kondominium \$5,000, pertumbuhan industri ringan dan berat, tidak ada lagi sawah, ladang getah dan dusun durian, kampung-kampung akan lenyap, bukit-bukit meng-hijau pupus, pencemaran memenuhi angkasaraya, manusia tidak lagi makan nasi sebaliknya pil-pil vitamin, buah-buahan tempatan kurang dan harganya mahal - \$15 sepotong buah betik dan tanah perkuburan ranap kerana dimajukan.

Demikian jauh dan dalamnya pemikiran pesimistik penulis rencana itu dalam membuat penilaian terhadap visi 2020 yang dicetuskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Parlimen bulan lalu, hingga tidak ada langsung sudut pembangunan rakyat dalam visi 2020 itu.

Gambaran kebimbangan penulis berkenaan seolah-oleh negara kita akan ditimpa satu kecelakaan atau malapetaka besar yang tidak dapat dielak dalam tahun 2020, jika kerajaan masih bertekad untuk berusaha ke arah mencapai objektif itu.

Sebenarnya sebelum negara kita mencapai kemerdekaan dan selepas kemerdekaan malah hingga sekarang sesudah 34 tahun usia kemerdekaan negara, orang tua berusia 70 tahun sepertimana yang disimbolikkan oleh penulis, juga berfikiran pesimistik ter-

hadap kemampuan intelek manusia mahupun masyarakat Melayu sendiri.

Dulu orang-orang tua berumur 70 tahun ini menganggap manusia pergi ke bulan adalah mencabar Tuhan kononnya, orang Melayu tidak mampu membuat sebatang jarum, segala yang datang dari Barat adalah kafir, dunia biar direbuti oleh orang kafir dan cukup orang Islam mengambil balasan di akhirat, menyerah secara dogmatis kepada nasib, belajar di sekolah-sekolah Inggeris adalah Kristian dan banyak lagi contoh - pemikiran atau sikap jumud atau pesimistik di kalangan orang tua 70-an, dan orang-orang Melayu umumnya.

BERTAMBAH KRONIK

Wacana intelek dan spiritual rakyat sebelum dan sesudah negara mencapai kemerdekaan menjadi bertambah kronik dan kacau-bilau, apabila ia dipalitkan dengan fikiran-fikiran dogmatis terhadap falsafah kebudayaan spiritual saintifik Islam sehingga doktrin Islam itu terbayang tidak begitu bertenaga, ampuh, mujarab atau canggih dalam membina tamadun manusia sejagat.

Tetapi apa yang sudah terbukti dan terjadi dalam dekad di mana sains dan teknologi moden menuju langit dan menembus tujuh petala bumi, serta suara-suara gerakan Islam bergema di merata pelosok dunia hingga yang dulunya dianggap mustahil kini terbukti di depan mata menerusi media cetak dan media elektronik?

Kita harus mengerti dan menyedari dengan sebenarnya bentuk pemikiran zaman lampau adalah fikiran yang "diajar oleh penjajah" yang menjadi punca bangsa kita mundur, beku dan ortodoks hingga tidak sedar tanah-tanah kita tergadai kepada penjajah.

Sekarang kita hidup di kurun 21 yang sudah hampir memasuki era baru tahun 2000 kemudian akan memasuki ambang tahun 2000 yang dilihat dari kepemimpinan politik sebagai tahun di mana Malaysia harus menjadi bangsa bertamadun tinggi.

Lantaran itu Dasar Pembangunan Negara (DPN) disusun sebagai langkah ke arah era pembangunan tahun 2020. DPN

menitikberatkan kepada pertumbuhan ekonomi seimbang dan agihan saksama, peningkatan saham bumiputera, sektor perindustrian akan melahirkan banyak peluang pekerjaan, kemiskinan dapat diminimumkan, pengurusan zakat akan diperbaiki, integrasi ekonomi Sabah, Sarawak dan Semenanjung dipertingkatkan dan memastikan DEB memperkukuhkan ketahanan ekonomi negara.

Ini termasuk menjadikan sains dan teknologi sebagai teras dalam perancangan dan pembangunan sosioekonomi, usaha masa depan untuk mempertingkatkan kecekapan modal, eksport barangan kilang di Malaysia meningkat, sumber dalam negeri akan dipasti cukup membiayai pelaburan awam dan swasta, corak guna tenaga akan disusun semula dan banyak lagi perkara-perkara lain yang berkeupayaan mengangkat martabat bangsa kita di gelanggang dunia.

Bagaimanapun kita tidak menafikan kemungkinan timbulnya pelbagai kemelut 30 tahun akan datang memandangkan pembangunan yang dijangka di masa depan adalah lebih pesat. Ini wajar berlaku dan tidak dapat dielak oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekalipun.

Apa yang perlu, sama-samalah kita dan pihak-pihak tertentu membantu kerajaan untuk kepentingan pembangunan rakyat di tahun 2020 nanti. Bukan membayangkan kemajuan di tahun 2020 itu seumpama "malaikat yang mempunyai dua sayap yang saiz sayapnya akan menggelapkan alam sejagat".

Watan
2.10.91/11

Masyarakat prihatin dan kemiskinan

SOAL kemiskinan sudah diperkatakan di negara ini sejak sebelum merdeka. Tetapi kemiskinan sudah wujud sejak manusia mengenal erti tamadun.

Persoalan yang ditimbulkan sejak sebelum merdeka adalah kemiskinan orang-orang Melayu. Ia disebut oleh semua parti politik pimpinan Melayu pada awal-awal negara mencapai kemerdekaan, baik UMNO, PAS atau Parti Rakyat. Soal kemiskinan adalah modal politik. Tetapi kemiskinan bukan saja wujud di kalangan orang-orang Melayu, ia wujud pada semua bangsa di dunia.

Golongan yang dianggap termiskin di negara ini sejak sebelum merdeka adalah golongan nelayan dan petani. Ia telah menjadi bahan kajian oleh ahli-ahli akademik. Golongan nelayan dan petani ini disebut sebagai "peasant society". Golongan ini terdapat di hampir kesemua negara Asia yang tidak maju.

Kemudian dilancarkan usaha untuk mengatasi kemiskinan ini. Istilah "eradication of poverty" digunakan. Istilah ini diterjemahkan menjadi "membasmi kemiskinan". Sama ada "eradication" dan "membasmi" itu mempunyai makna yang sama atau tidak, itu boleh dibincangkan dalam forum yang lain. Tetapi apa yang mahu disebut di sini adalah istilah itu membawa gambaran bahawa kemiskinan boleh dihapuskan sepenuhnya.

Lanjutan daripada itu, ia menjadi modal politik untuk mendapatkan undi dan mengekalkan kuasa. Bagaimanapun, tidaklah dinafikan bahawa usaha telah dilakukan untuk mengatasi kemiskinan dan hasilnya pun ada. Sungguhpun umum diperkenalkan dengan konsep kemiskinan, garis kemiskinan dan membasmi kemiskinan tetapi di kalangan mereka yang merancang terdapat istilah kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Mereka semua

tahu bahawa kemiskinan relatif iaitu perbezaan miskin-kaya tidak akan dapat terhapus. Bagaimanapun, kemiskinan mutlak boleh dihapuskan. Tetapi ia bergantung kepada di mana diletakkan garis kemiskinan. Dan garis kemiskinan itu dirahsiakan oleh pihak berkuasa. Dan masyarakat umum mendapat tanggapan bahawa kemiskinan (sama ada mutlak atau relatif) boleh dihapuskan. Persoalan yang pada awalnya merupakan masalah ekonomi telah menjadi politik apabila perkara membasmi kemiskinan dikaitkan dengan menyusun semula masyarakat melalui Dasar Ekonomi baru (DEB). Sudah tentu perkara ini menjadi modal besar dalam pengekalan kuasa golongan yang sedia memerintah. Ia mengikat rakyat untuk suatu jangka masa yang panjang.

Apabila DEB berakhir dan Angkatan Perpaduan Ummah menang di Kelantan, arena politik negara tergegar apabila Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat menyatakan bahawa membasmi kemiskinan adalah mustahil dilakukan kerana akan terus wujud perbezaan miskin dan kaya. Maksud Menteri Besar Kelantan itu adalah mengenai kemiskinan relatif. Beliau selanjutnya menyatakan bahawa selama ini rakyat dipancing dengan slogan "membasmi kemiskinan" sedangkan usaha membasmi kemiskinan relatif adalah mustahil.

Seolah-olah dikejutkan dengan realiti ini, kerajaan dan masyarakat mula memperkatakan tentang kewajaran istilah "membasmi kemiskinan". Ada yang membincangkannya dari sudut politik, ada pula yang membincangkannya dari sudut ekonomi, malah terdapat pula yang membincangkannya dari sudut teologi. Bagaimanapun, umum mula mengiktiraf bahawa kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif (nisbi) adalah dua perkara yang jauh berbeza.

Bagaimanapun, kerajaan lihat perkara ini dari sudut lain. Ia lihat perkara ini sebagai satu peluang baginya untuk memburuk-burukkan Parti Islam, PAS. Pemimpin-pemimpin kerajaan menggambarkan seolah-olah PAS menentang usaha mengatasi kemiskinan, perkara ini menjadi bahan kempen semasa pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Bayu di daerah

Baling, sebuah daerah yang terkenal dengan kemiskinannya.

Pihak kerajaan mendapat bahan baru untuk memburuk-burukkan PAS apabila Tuan Guru Nik Abdul Aziz menjelaskan tentang cara Islam mengatasi kemiskinan. Penentang-penentang PAS memutar-belitkan kenyataan beliau dengan menggambarkan seolah-olah PAS melepaskan diri daripada tanggungjawab untuk mengatasi kemiskinan.

Bagaimanapun, Tuan Guru Nik Abdul Aziz mengutarakan satu cadangan praktikal bagi mengatasi kemiskinan. Menurut beliau, pada asasnya tanggungjawab membantu mereka yang susah adalah di peringkat keluarga. Keluarga hendaklah membantu ahli keluarganya yang miskin. Sekiranya tidak mampu, sesebuah kampung itu (masyarakat setempat) hendaklah membantunya pula. Sekiranya kampung itu juga tidak mampu, barulah pihak kerajaan yang memberi bantuan. Inilah konsep masyarakat prihatin yang diajar oleh Islam. Zakat, sedekah, hadiah dan pinjaman adalah cara mengatasi kemiskinan. Tetapi perkara ini perlu penyusunan oleh pihak berkuasa dan penglibatan rakyat.

Tetapi, hanya sebuah kerajaan yang prihatin terhadap Islam akan mengambil berat tentang cara Islam mengatasi kemiskinan.

Harakah
1.7.91/4

Antara pembangunan dan kemiskinan

Oleh Ramli Abd Samad

DALAM ucapan dasar Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah pada 24 September 1991 dulu ada menyentuh banyak aspek termasuk isu kemiskinan. Mengikuti beliau semasa kepimpinan negara antara 1984 hingga 1990 kadar kemiskinan hanya diturunkan sebanyak 1.4 peratus berbanding pada zaman Tun Razak dan Tun Hussein Onn kadar kemiskinan diturunkan sebanyak 21 peratus.

Nampaknya golongan miskin sama ada miskin relatif mahupun miskin hakiki akan tetap menjadi satu ciri dalam sistem ekonomi kita yang dikemudikan mengikuti orientasi pasaran bebas atau 'laissezfair'. Dalam suasana yang begitu hiruk-pikuk dengan slogan Wawasan 2020 maka sebahagian rakyat langsung tidak dapat menghayati kewujudan gejala kemiskinan yang hidup bersama-sama dengan sebahagian besar warganegara kita.

Strategi pembangunan selalu bergantung sangat pada pelaburan asing. Masalah negara sedang membangun sememangnya banyak. Hendak menanganinya bukanlah satu usaha yang mudah. Namun di dalam setiap laporan tahunan tentang kemajuan negara isu kemiskinan seharusnya dapat dikurangkan secara progresif, bukan sekejap turun, dan sekejap lagi naik.

Sebenarnya isu kemiskinan menjadi salah satu agenda penting yang kerap disuarakan oleh parti pembangkang khususnya Parti Rakyat dan sekarang kita dapati Parti Semangat 46 turut menggarapi isu ini.

Sejak kepimpinan negara mengenal sumbangan pelaburan asing sebagai salah satu kaedah bagi menyelesaikan masalah negara, ia terus diimbau dengan pelbagai rangsang, kemudahan dan senyum mesra. Pada hakikatnya kita turut tidak boleh menafikan sumbangannya.

Tapi kalau masalah kemiskinan, peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi hendak diselesaikan sahaja melalui pelaburan asing, maka rakyat yang dahulu sangat meyakini pemikiran demikian, sekarang justeru Tengku Razaleigh melihatnya sebagai satu gejala yang meresahkan.

Mengikut Tengku Razaleigh lagi pihak kerajaan tidak akan menyusun semula equiti dalam syarikat-syarikat baru kerana pemodal asing dibolehkan memilikinya 100 peratus. Dengan itu orang Melayu mahupun rakyat Malaysia amnya tidak lagi dapat mengumpulkan asas kewangan mereka seperti di zaman DEB dulu.

Malahan salah satu sebab pesatnya perkembangan industri dan ekonomi adalah kerana kemasukan pelaburan asing. Pelaburan asing pula banyak tertumpu di kawasan bandar atau kota yang turut menyumbang ke arah masalah lain seperti kesesakan Lalulintas, pencemaran udara dan keadaan berserabut di sana sini yang boleh menakutkan kepada perkembangan anak-anak kita.

Keadaan ini mungkin bertambah buruk dan jika kita tidak mengambil langkah-langkah drastik tragedi paling hebat akan menanti rakyat kita seperti yang sekarang berlaku di kotaraya Bangkok, Jakarta mahupun Manila - penuh sesak dengan lautan manusia, pengangkutan, pencemaran, jenayah, kemasukan bu-daya pop Amerika dan keterasingan yang banyak melanda rakyat miskin.

Adalah benar kemiskinan benar hadir dalam masyarakat kita dan kemiskinan ini terutamanya terasa baik di desa ataupun di kota-kota besar. Bayangkan golongan miskin yang sentiasa berdepan dengan kenaikan kos hidup mahupun inflasi. Kuasa pembelinya selalu merosot.

Kerajaan menyedari benar realiti itu dan berusaha keras untuk mengatasinya. Mungkin untuk itu diperlukan waktu serta konsistensi dasar yang membuka diri terhadap masukan, kritik dan pembetulan dari pandangan-pandangan seperti dari parti-parti pembangkang.

Oleh falsafah kerajaan janganlah semata-mata melahirkan pelbagai manusia billionaire tapi harus menangani persoalan kemiskinan dengan kemahuan dan kepekaan yang lebih lagi, lebih efektif dan mengambil pelajaran dan pengalaman selama ini. Kita

tidak mahu melihat pertumbuhan pembangunan menghasilkan kesan yang tidak diinginkan yakni tampaknya bertambah para rakyat yang berada di bawah garis kemiskinan atau jurang antara yang berada dan tidak berada bertambah lebar.

Jika demikian halnya proses pembangunan ala Malaysia kini boleh membawa padah yang rakyat meyakini segala sisi-sisi keburukan dari hasil pembangunan itu bukanlah satu kebangkrapan kaedah ekonomi malahan merupakan bahagian dari kemajuan yang harus diterima oleh golongan miskin.

Pembangunan cuma untuk mereka yang kaya-raya, berketrampilan, berkuasa sementara rakyat miskin tak ubah seperti kuli-kuli untuk proses pengeluaran negara. Sikap membiarkan buah membusuki kerana tidak dipetik bukanlah jalan berfikir yang baik di alam materialis. Pembangunan seharusnya membawa kesejahteraan dan keselesaan rakyat terbanyak.

Dalam keadaan sekarang di mana kepimpinan kerajaan dilihat sebagai amat kuat dan berkuasa adalah perlu sekali pihak-pihak pencinta keadilan bersatu menunjukkan kepada kerajaan dan rakyat adanya gejala yang tidak sihat itu dibanteraskan. Ini bererti menuntut perubahan orientasi pemikiran.

Refleksi yang tulus tampaknya menjadi syarat kerana renungan serta simpati moral terhadap golongan yang tidak bernasib baik adalah satu sikap dan tanggungjawab yang berat yang harus dipikul, bukan sahaja oleh pihak pemerintah tapi golongan rakyat.

Akhirnya di samping kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi dan ekonomi industri yang menghiasi budaya moden itu segi hitamnya tidak boleh disembunyikan. Kaum pencinta demokrasi dan sesiapa jua yang prihatin hendaknya memikirkan lebih banyak mengenai tema-tema yang boleh mengetuk hati nurani dan rasa tanggungjawab ke atas kesejahteraan rakyat Malaysia. Kita tidak mahu melihat 'kuli-kuli' negara yang terperuk di kilang-kilang cuma dapat menelan air liur kegemerlapan segelintir billionaire yang dihasilkan oleh sistem ekonomi kita.

Watan

16.10.91/8

Penyertaan dalam DPN

SEBAGAI warganegara Malaysia, ahli-ahli PAS akan sentiasa berhubung dan terlibat dengan apa jua undang-undang, peraturan, rancangan dan dasar negara.

Ahli-ahli PAS adalah juga pembayar cukai dan penerima perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan. Ahli-ahli PAS dikehendaki membayar cukai walaupun ia tidak mengundi menyokong kerajaan yang memerintah. Begitu juga dalam soal undang-undang. Ahli-ahli PAS adalah tertakluk pada undang-undang yang digubal oleh Parlimen sungguhpun institusi itu dikuasai oleh kumpulan manusia yang tidak disokong olehnya.

Begitu juga dalam soal peraturan-peraturan kerajaan yang digubal untuk melicinkan sistem bernegara. Ahli-ahli PAS hendaklah mematuhiinya dan hidup dengan sistem yang disediakan oleh kerajaan.

Perkara ini juga berlaku dalam soal dasar-dasar kerajaan. Ahli-ahli PAS sebagai warganegara Malaysia juga bukan saja perlu memahami dasar-dasar kerajaan tetapi harulah juga menyertai program-program kerajaan asalkan ia tidak bertentangan dengan Islam.

Dalam soal ini, termasuklah penglibatan ahli-ahli PAS dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan sebarang rancangan kerajaan yang dibuat atas nama memenuhi Wawasan 2020.

Ini kerana ahli-ahli PAS adalah juga pembayar cukai dan berhak menerima dari perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan walaupun banyak perkara yang kerajaan lakukan tidak disetujui oleh ahli-ahli PAS. Walaupun tidak disukai oleh Barisan Nasional membenci PAS tetapi PAS adalah sebuah parti politik yang sah dari segi undang-undang yang

digubal sendiri oleh Barisan Nasional. Ahli-ahli PAS pula adalah anggota masyarakat Malaysia yang tidak ada siapa boleh memencikannya.

Tambahan pula, ahli-ahli PAS adalah juga manusia yang hidup zaman moden dalam suasana negara yang berkembang, maka mereka tidak harus ketinggalan dalam apa-apa perkembangan kebendaan dan pendedahan kepada kemajuan masyarakat.

Ini bermakna, ahli-ahli PAS mesti mempersiapkan diri dan mendalami bidang masing-masing supaya muncul sebagai seorang manusia moden cemerlang yang dapat menghadapi sebarang cabaran moden dan mengatasi serangan-serangan golongan yang mahu mengeneipikan Islam.

Pendek kata, kalau seseorang ahli PAS itu adalah seorang ulama, ia hendaklah menjadi ulama yang cekap. Kalau seseorang ahli PAS itu adalah seorang ahli politik, ia hendaklah menjadi seorang ahli politik yang pintar. Kalau ia seorang usahawan, hendaklah ia menjadi seorang usahawan yang dapat mengatasi usahawan-usahawan lain. Begitu jugalah dalam bidang-bidang lain, termasuklah sebagai seorang buruh dan petani.

Dengan pemikiran yang teguh dan kemahiran yang lancar, ahli-ahli PAS akan dapat berperanan selaku pejuang Islam yang dapat bergerak secara berkesan dalam sistem moden yang kini dikuasai oleh pihak kapitalis Barat yang juga akan merangkumi Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020.

Bagaimanapun, terdapat perbezaan besar di antara seorang ahli PAS dengan orang-orang lain dalam peranan mereka menyertai rancangan-rancangan kerajaan.

Kalau orang lain, mungkin pertimbangan mereka hanyalah hawa nafsu kebendaan untuk dirinya dan keluarganya sahaja, tetapi bagi ahli-ahli PAS, pertimbangan agama adalah yang paling utama. Ahli-ahli PAS hanya menyertai dalam program-program yang tidak bercanggah dengan Islam. Dan penyeritaan dalam mana-mana program pun dibuat atas pertimbangan perjuangannya untuk menegakkan Islam. Umpamanya, ahli-ahli PAS tidak dapat menerima Perlembagaan Malaysia secara total kerana perlembagaan itu dibuat tidak berasaskan pada Islam.

Bagaimanapun, ahli-ahli PAS menyertai sistem yang lahir dari perlembagaan itu kerana ada perkara dalam perlembagaan itu yang tidak bercanggah dengan Islam. Dan penyertaan ahli-ahli PAS dalam perkara-perkara itu, umpamanya pilihanraya dibuat atas tujuan untuk menegakkan Islam. Begitu juga dalam soal Dasar Pembangunan Nasional. Ahli-ahli PAS tidak dapat menerima sebarang dasar yang tidak diasaskan dengan Islam. Bagaimanapun ahli-ahli PAS akan menyertainya dalam perkara-perkara yang tidak bercanggah dengan Islam dan penyertaan mereka adalah semata-mata untuk menegakkan Islam.

Perlu ditegaskan bahawa ahli-ahli PAS juga hendak maju tetapi kemajuan yang hendak dicapai adalah kemajuan bersama Islam.

Biarlah Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2020 tetapi biarlah ia menjadi sebuah Negara Islam yang maju.

Bagi PAS, yang diambil kira hanyalah Islam. Segala usaha kebendaan ahli-ahli PAS, baik untuk kesenangan dirinya atau keluarganya dan kelangsungan perjuangannya adalah semata-mata bagi mencari keredhaan Ilahi.

Harakah
28.6.91/4

BAHAGIAN 4

- * Wawasan 2020 Dr. Mahathir.
- * Wawasan 2020 dengan konsep 'Baladatun Taiyabatun'.
- * Cabaran pertama
- * Cabaran kedua
- * Cabaran ketiga

KE ARAH WAWASAN 2020

Kajian yang positif dan adil menunjukkan bahawa "Wawasan 2020" ilham Dr. Mahathir itu boleh dikatakan sudahpun mencapai taraf antarabangsa sejajar dengan fikiran-fikiran tokoh-tokoh terkemuka di Amerika seperti Stan Davis dan Bill Davidson yang secara bergu menerbitkan sebuah buku "2020 VISION" pada tahun 1991 sama semasa dengan lahirnya "Wawasan 2020 Dr. Mahathir".

Dalam Wawasan 2020-nya, Dr. Mahathir telah mengemukakan beberapa cabaran menuju ke tahun 2020 nanti. Di antara cabaran-cabaran tersebut ialah usaha bagi mewujudkan "sebuah masyarakat yang harmoni dan mempunyai etika sepenuhnya di mana rakyatnya adalah berpegang kuat kepada agama dan nilai-nilai rohani dan taraf etika yang tertinggi".

Cabaran ini menyelamatkan umat Malaysia dari falsafah keharmonian yang berpandukan gambaran "dua ekor babi di dalam perut seekor ular sawa" seperti yang dibincangkan oleh Stan Davis dan Bill Davidson dalam buku mereka "2020-VISION" tadi. Etika, pegangan kepada agama dan nilai-nilai rohani yang diilhamkan oleh Dr. Mahathir itu amatlah besar dan agung ertinya jika kita tafsirkan secara ikhlas, positif dan membina. Saya kira sudah sampai masanya wujud sebuah badan yang mengkaji hal ini dengan tujuan memperjelaskan jika ada kekaburan di dalam "Wawasan 2020" Dr. Mahathir itu.

Ideoloji "Baldatun Taiyibatun wa Rabbun Ghafur"

(بلدة طيبة ورب غفور) membawa erti "Sebuah negeri yang aman lagi makmur di bawah ri'ayah Tuhan Maha Pengampun". Wawasan 2020 Dr. Mahadir, dengan cabaran kerohanian, etika dan nilai-nilai tinggi seperti yang disebutkan sebelum ini adalah menuju ke arah ideoloji **Baldatun Taiyibatun** tadi. Malangnya visi yang baik ini tidak pernah diperjelaskan secara yang meyakinkan.

Sdr. Nazri Abdullah patut dipuji apabila beliau menulis sebuah makalah di dalam akhbar **BERITA HARIAN** (12 Mac, 1991) yang menekankan: "Pemimpin yang berjaya adalah yang banyak belajar daripada sejarah. Dr. Mahadir mengakui banyak membaca buku sejarah dan falsafah. Strategi dan Falsafah Peter The Great dan Sun Tzu adalah antara bahan yang menjadi kegemarannya. Tentu sekali beliau juga peminat Colingwood dan H.E. Carr yang melihat sejarah sebagai jambatan menghubungkan masa lalu dengan kini."

Malangnya sdr Nazri Abdullah terlupa menyebut persamaan pendekatan dalam Wawasan 2020 Dr. Mahadir dengan pendekatan Vision 2020 Stan Davis dan Bill Davidson. Dan sdr Nazri juga terlupa menyebut bacaan Dr. Mahadir akan Muqaddimah Ibnu Khaldun kerana Ibnu Khaldunlah yang mencetuskan Falsafah Kemakmuran Negara dan penyusunan masyarakat yang beretikakan agama. Saya kenal Dr. Mahadir dan beliau memang suka mendengar fikiran orang lain dan mengalu-ngalukannya akan tetapi beliau tidak semudah yang disangka boleh disogokkan dengan serbanika nasihat dan pujukan jika semuanya itu datang dari orang-orang yang lebih banyak bersifat "Penglipur lara di Balai Istana" (Court Jester) sahaja.

Satu hal yang patut diberi pujian kepada Dr. Mahadir ialah kebijaksanaannya dalam mengemukakan falsafah HARMONI-nya dalam mana beliau cuba mencari jalan menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, budaya, bahasa dan agama ke

dalam sebuah negara yang bersatu padu. Rasanya elok juga dipeturunkan cabaran-cabaran yang diutarakan oleh Dr. Mahadir dalam Wawasan 2020nya supaya dapat kita bersama-sama menyumbang fikiran sekadar yang terdaya oleh masing-masing diri:

CABARAN-1:

Mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bersatu dengan matlamat yang sama, sebuah negara yang aman dengan penyatuan kaum dan wilayah, tinggal dalam harmoni dengan perkongkisan kekayaan negara secara adil dan sepenuhnya terdiri dari satu bangsa Malaysia dengan keadilan politik dan didikasi kepada negara.

CABARAN-2:

Mewujudkan kebebasan psikologi, selamat dan sebuah masyarakat yang maju, keyakinan dengan dirinya, berbangsa dengan apa yang ada, apa yang telah dicapai, mempunyai daya ketahanan untuk menghadapi segala halangan, dan mewujudkan satu rumpun bangsa yang terkenal dengan cita-cita tinggi, menyedari sepenuhnya potensi tanpa tunduk kepada mana-mana pihak dan dihormati oleh rakyat negara-negara lain.

CABARAN-3:

Mewujudkan sebuah masyarakat yang dinamik yang mengamalkan kata sepakat, demokrasi yang berorientasikan masyarakat **ala Malaysia** yang boleh dijadikan model kepada kebudayaan negara sedang membangun yang lain.

CABARAN-4:

Mewujudkan sebuah masyarakat yang matang lagi lebral dan bertolak ansur di mana rakyat Malaysia dari semua warna kulit dan kepercayaan adalah bebas untuk menganut dan mengamalkan istiadat, kebudayaan dan kepercayaan agama masing-masing tetapi boleh merasakan mereka adalah dari sebuah negara yang bersatu.

CABARAN-5:

Mewujudkan sebuah masyarakat yang maju dan saintifik yang mampu mengalami perubahan dan memandang ke hadapan yang bukan sahaja dalam teknologi pengguna tetapi juga sebagai penumbang ke arah tamaddun sains dan teknologi pada masa akan datang.

CABARAN-6:

Mewujudkan sebuah masyarakat dan kebudayaan yang penyayang - satu bentuk sistem sosial di mana masyarakat lebih diutamakan dari kepentingan diri di mana kebijakan rakyat akan berkisar bukan kepada pemerintah atau individu tetapi kepada sistem kekeluargaan yang kukuh dan mempunyai daya ketahanan.

CABARAN-7:

Mewujudkan sebuah masyarakat yang adil dalam ekonomi, terdapat pembahagian kekayaan negara dengan saksama dengan kemajuan ekonomi negara dikongsi sepenuhnya - masyarakat tersebut tidak boleh diwujudkan selagi terdapat penganayaan kaum melalui fungsi-fungsi dan kemunduran ekonomi.

CABARAN-8

Mewujudkan sebuah masyarakat yang makmur dengan kedudukan ekonomi yang mempunyai daya saing, dinamik, kukuh dan mempunyai daya ketahanan.

CABARAN-9:

Mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni dan mempunyai etika sepenuhnya di mana masyarakat adalah berpegang kuat kepada agama dan nilai-nilai rohani dan taraf etika yang tertinggi.

ULASAN:

Miskipun susunan kata dalam tiap-tiap cabaran tadi mustahak disusun semula (rephrase) namun tujuan dan maksudnya amatlah nyata dan jelas. Oleh itu kita boleh membuat kesimpulan-

Miskipun susunan kata di dalam cabaran di atas itu masih perlu diperbaiki dan diubah-suai namun isi kandungannya adalah nyata dan terang. Falsafah yang luas dan longgar itu boleh diisi dengan dasar dan program yang tertentu, jika mahu apalah salahnya kalau kita isikan dengan dasar dan program konsep “**Baladun Taiyibatun Wa Rabbun Ghafur**”, malah saya percaya Dr. Mahadzir amat gembira jika beliau diberi sokongan dalam bentuk teguran-teguran membina. Bagi saya, kita sudah membuat kesimpulan dari saranan dan cabaran tersebut seperti berikut:

- 1 - mewujudkan satu “Bangsa Malaysia” yang bersatu;
- 2 - mewujudkan sebuah negara Malaysia yang aman lagi makmur dalam mana rakyatnya diberi hak untuk hidup dalam harmoni serta berkongsi kekayaan negara;
- 3 - memelihara penyatuan kaum dan wilayah; dan
- 4 - mewujudkan sebuah negara yang mengamalkan keadilan politik dan demokrasi suara dalam membuat keputusan- keputusan nasional.

Dibaca bersama dengan cabaran-cabaran yang lain lagi di dalam falsafah WAWASAN 2020 itu, kita berhak dengan bebas mentafsirkan beberapa kata-kata atau istilah-istilah yang terbiar tanpa pengertian yang khusus.

1.1 SEBUAH NEGARA MALAYSIA

Biasanya tidak mungkin terlintas di akal fikiran yang waras wujudnya sebuah negara tanpa bangsa walaupun oleh satu-satu sebab pernah terdapat satu bangsa tanpa negara. Fasal 13 dari Perisytiharan Hak-Hak Manusia, Paris 1948 memperuntukkan:

Fasal 13:

- (a) Setiap orang berhak untuk bergerak dan memilih tempat tinggalnya secara bebas dalam batas-batas setiap negara, dan
- (b) Setiap orang berhak untuk meninggalkan setiap negeri, termasuk ke negerinya dan kembali lagi ke negerinya itu.

Manakala fasal 15 pula memperuntukkan:

Fasal 15:

- (a) Setiap orang berhak untuk mempunyai satu kebangsaan atau kewarganegaraan; dan
- (b) Tiada seorang jua pun boleh dicabut secara sewenang-wenang kebangsaan atau kewarganegaraan, atau disangkal haknya untuk mengganti kebangsaan atau kewarganegaraanya itu.

Pandangan Islam:

Maksud yang tersurat serta yang tersirat di dalam Cabaran Satu Wawasan 2020 Dr. Mahadzir adalah sejajar dengan kehendak peruntukan Perisytiharan Hak Asasi Maunyisa Fasal 13 dan juga Fasal 15. Ini bererti bahawa konsep "Negara Bangsa" (Nation State) adalah diakui di muka bumi ini. Konsep ini tidak lari dari ajaran Islam sendiri walaupun pentafsirannya mungkin terbuka kepada perbincangan.

Firman Tuhan di dalam Quran:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ
شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَمُ إِنَّ اللَّهَ

Surah al-Hujurat-59 :13, ertinya:

عَلِمَ خَيْرٌ

(Wahai umat manusia! sesungguhnya telah Kami cipta kamu dari lelaki dan perempuan, dan telah Kami jadikan kamu berbagai bangsa dan puak (qabilah - suku bangsa) supaya kamu berkenalan serta berbaik-baik. Sesungguhnya orang yang paling

mulia dari kamu pada sisi Allah itu ialah orang yang paling bertakwa dari antara kamu).

Sudah begitu nyata dan jelas bahawa Islam mengakui konsep "Bangsa" dan "Negara Bangsa" seperti yang baru dicari-cari oleh PBB di Paris pada tahun 1948 itu. Apa yang berbeda ialah Islam dengan jelas dan tegas menilai manusia dengan takwanya dan bukan dengan keturunan, warna kulit, iklim dan pangkat atau kedudukan sosial seseorang di dalam masyarakatnya. Konsep TAKWA inilah yang jadi ukuran, asas dan tempat pegangan bagi umat manusia di muka bumi ini. saya menamakan konsep ini "Kebangsaan Ala Islam", iaitu sebuah kebangsaan yang lengkap dengan negara dan dasar-dasar keharmonianya. Jika "Negara Malaysia" Kita diisikan dengan konsep takwa dan programnya nescaya cita-cita pengujudan sebuah negeri "Baladun Taiyibatun wa Rabbun Ghafur" akan tercapai di tanah air kita. Konsep Kebangsaan Ala Islam seperti ini, pada dasarnya, sudahpun meliputi penyatuan kaum dan wilayah serta pengalaman demokrasi dan suara bagi menjamin nikmat bersama dalam suasana yang aman dan harmoni.

Konsep "Kebangsaan Ala Islam" ini menjamin hak manusia untuk:

- (a) bergerak dengan bebas dalam batas-batas negara;
- (b) memiliki harta serta berkongsi kekayaan;
- (c) mempunyai bahasa perantaraan (Lingua Franca) dan bahasa resmi negara; dan
- (d) kebebasan berfikir dan berpolitik dalam batas-batas berdasarkan nilai-nilai suci.

Islam mengakui wujudnya perbezaan warna kulit menurut iklim tempatan dan bahasa masing-masing seperti firman Tuhan di dalam Quran:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ إِذَا
 أَنْتُمْ بَشَرٌ تَنْتَشِرُونَ ﴿٣٠﴾ وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا
 لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ
 يَعْقِلُونَ ﴿٣١﴾ وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافُ
 أَلْسِنَتِكُمْ وَالْوَالِدَاتُ لِآبَائِكُمْ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِلْعَالَمِينَ ﴿٣٢﴾

Surah al-Rum - 30: 20-22, artinya:

(Dari antara tanda-tanda kekuasaannya (Allah) itu ialah Dia telah mencipta kamu dari tanah kemudian kamu menjadi umat manusia yang berbiak. Dan dari tanda-tanda kebesarannya (Allah) juga ialah Dia telah mencipta dari diri kamu sendiri akan pasangan-pasangan supaya kamu bersenang-senang di samping mereka; dan Dia wujudkan perasaan kasih sayang dan belas di antara sesama kamu, sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda bagi kaum (umat) yang mahu berfikir. Dan dari antara tanda-tanda kekuasaannya (Allah) lagi ialah bahawa Dia telah mencipta petala langit dan bumi dan feri berlainannya lidah (bahasa) kamu dan warna kulit kamu; sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat banyak tanda bagi orang-orang yang mahu mengetahui).

Dari firman di atas kita boleh mendapat pengajaran bahawa konsep "Kebangsaan Ala Islam" mengakui:

- (a) wujudnya berbagai umat manusia di muka bumi;
- (b) Wujudnya konsep masyarakat penyayang;

- (c) Wujudnya berbagai bahasa pertuturan; dan
- (d) Wujudnya berbagai rumpun manusia yang berlainan warna kulit.

BAHASA RESMI:

Islam mengakui wujudnya berbagai bahasa dan Islam juga mengakui wujudnya bahasa resmi bagi setiap bangsa dan kaum (umat). Hal ini ialah bagi memudahkan perhubungan dan penyampaian isi hati yang tersurat dan yang tersirat. Pengakuan ini

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ فَيُضِلَّ اللَّهُ
 مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٤﴾

Surah Ibrahim - 14 : 4, ertinya:

(Kami tidaklah mengutuskan seseorang Rasul itu melainkan dengan bahasa kaumnya supaya dia dapat menerangkan kepada mereka) akan perutusan dari Tuhan kepada umat manusia. Tuhan mengutus Rasul-rasul dengan menggunakan bahasa masing-masing kaum dan umat, dan bahasa inilah dikatakan "bahasa resmi" bagi kaum atau umat yang berkenaan. Jelaslah sudah bahawa konsep "Kebangsaan Ala Islam" itu adalah lengkap lagi meliputi bagi kebaikan dan kebajikan umat manusia di muka bumi ini.

BAHASA SEJAGAT

Sebagai agama yang lengkap lagi menyeluruh, Islam mengajar kita supaya memiliki suatu bahasa sejagat (universal) di kalangan umat manusia; iaitu bahasa Quran yang membawa wahyu dan pengajaran dari tuhan. Konsep universal ini terkandung di dalam firman Tuhan di dalam Quran:

الرَّزِيلِكْ ءَايَاتُ الْكِتَابِ الْمُبِينِ ﴿١﴾ وَإِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ
 تَعْقِلُونَ ﴿٢﴾

Surah Yusuf -12: 1-2, ertinya:

(Allah, Maha Mengetahui, lagi Maha Penyayang - itu adalah ayat-ayat Kitab yang nyata. Sesungguhnya Kami turunkannya berbentuk Quran berbahasa Arab supaya kami dapat mengertinya).

Ini bererti bahawa dengan tidak menafikan wujudnya berbagai bahasa biasa dan bahasa resmi sesuatu umat atau bangsa itu Islam menyuruh kita umat manusia mempelajari bahasa Quran iaitu bahasa wahyu dan kitab suci dari Allah sendiri. Jika kita mampu menguasai bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris, Jepun, Belanda, Prancis, Cina, Spanyol dan sebagainya maka tidak ada sebab maka mengapa kita tidak mampu mempelajari bahasa Quran yang menjadi bahasa petunjuk dan hidayat dari Tuhan sendiri. Ini hanyalah berbangkit dari sikap dan perasaan masing-masing. "Jika mahu, seribu daya; jika tak mahu, seribu helah". Insan yang waras boleh menerima hujjah yang waras.

KERAKYATAN ATAU KEWARNEGARAAN

Konsep "Kerakyatan" atau "kewarganegaraan" di dalam "Kebangsaan Ala Islam" bagi sesebuah negara tidaklah terhenti hanya kepada orang-orang Islam sahaja akan tetapi meliputi juga penganut agama-agama lain seperti Yahudi dan Kristian malah orang-orang kafir musyrikin pun diterima menjadi rakyat negara Islam. Hal ini dapat dilihat dengan jelas di dalam SAHIFAH MADINAH atau Piagam Madinah iaitu Piagam Sulung bagi negara Islam di Madinan pada zaman Nabi Muhamad s.a.w. dahulu. Misalnya terdapat peruntukan seperti berikut:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

هذا كتاب من محمد النبي ، رسول الله ، بين المؤمنين والمسلمين من قريش ، وأهل يثرب ، وامن تبعمهم ، فلحق بهم ، وحاهد معهم .

FASAL 1.

Dengan nama Allah Maha Pemurah lagi Penyayang: Inilah Kitab (Piagam Bertulis) dari nabi Muhammad, Pesuruh Allah demi bagi orang-orang yang beriman dan orang-orang yang memeluk Islam dari Quraisy dengan penduduk-penduduk Yathrib dan orang-orang yang bersama mereka lalu masuk ke dalam golongan mereka dan berjuang bersama-sama mereka.

أنهم أمة واحدة من دون الناس .

FASAL 2.

Bahawa mereka adalah satu Umat (Bangsa - Nation) berbeza dari manusia-manusia yang lain.

المهاجرون من قريش على ربّعتهم^(١) ، يتماقلون^(٢) بينهم ، وهم يفتدون عانيهم^(٣) بالمعروف والقسط بين المؤمنين .

FASAL 3.

Golongan Muhajirin dari Quraisy tetaplah di atas pegangan lama mereka: mereka saling tanggung-menanggung membayar dan menerima wang tebusan (diyat) di antara sesama mereka dalam mana mereka menebus sesiapa yang tertawan dengan cara yang berkebijaksanaan dan adil di kalangan orang yang beriman.

BANGSA DAN PERLEMBAGAAN:

"MELAYU" sebenarnya adalah sebuah gugusan kepulauan yang amat besar lengkap dengan berbagai suku-bangsa, masing-masing dengan lughatnya sendiri tetapi kembali kepada pokok dari satu rumpun yang sama. Oleh itu, misalnya, di dalam Perlembagaan Negara Malaysia kira terdapat peruntukan penafsiran seperti berikut:

Perkara 160(Pentafsiran) - MELAYU ertinya seseorang yang menganut agama Islam, lazim bercakap Bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan:

- (a) lahir, sebelum Hari Merdeka, di Persekutuan atau Singapura atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura, atau pada Hari Merdeka itu, ia adalah berdomisil di Persekutuan atau di Singapura; atau
- (b) ia adalah keturunan seseorang yang tersebut".

Jadi, dengan demikian maka MELAYU bukan lagi satu perkataan biasa tetapi sudah menjadi istilah undang-undang dalam Perlembagaan Malaysia. Ini bererti bahawa MELAYU bukan lagi satu kaum (race) seperti kaum-kaum lain yang mendatang yang sudah diterima menjadi rakyat negara ini. Saya kira sudah sampai masanya Dr. Mahadzir menerima konsep "Kebangsaan Ala Islam" ini serta mengisytiharkan sebagai salah satu aspek falsafah "WAWASAN 2020"-nya itu.

Abu Bakar Hamzah

Ahad 7hb Jun, 1992 KUALA LUMPUR

pada musim itu hawanya panas dan (b) ke negeri Sham musim panas kerana di negeri Sham pada musim itu mempunyai musim sejuk. Rombongan-rombongan dagang Quraisy selalu diserang hendap ketika dalam perjalanan pergi dan pulang, oleh itu telah disediakan langkah-langkah keamanan supaya mereka merasai kebebasan psikologi dan keselamatan di dalam diri dan jiwa masing-masing.

Perkara 2 MASYARAKAT MAJU

Perkara yang kedua di dalam - 2 berhasrat mewujudkan sebuah masyarakat yang maju, yakin kepada diri sendiri, berbangga dengan apa yang ada, apa yang telah dicapai, mempunyai daya ketahanan untuk menghadapi segala halangan. Memanglah Islam menyuruh umatnya maju dan mempunyai sifat-sifat (qualities) yang murni cuma Islam melarang manusia terlalu berbangga dengan pencapaian-pencapaian mereka disamping melarang mereka berputus asa jika tersua dengan kegagalan kerana semua kegagalan itu hanyalah sebagai proses ke arah kejayaan. Tuhan berfirman di dalam Ouran, Surah al-Syura:

وَأَنَّا إِذَا دَقْنَا إِلَى الْإِنْسَانِ

رِثَارَ حِمَّةٍ فَرِحَ بِهَا وَإِنْ تُصِيبُهُمْ سَيِّئَةٌ رِيْمًا قَدَّمْتَأُنُودِهِمْ

Surah al-Syura - 42 - 48, ertinya:

فَإِنَّ الْإِنْسَانَ كُمُورٌ ﴿٤٨﴾

(Sesungguhnya jika Kami (Tuhan) memberi kepada manusia itu sesuatu rahmat dari Kami maka mereka pun berbangga dengannya akan tetapi jika mereka ditimpa sesuatu kecelakaan atau keburukan gara-gara amalan mereka sendiri maka manusia itu menjadi kufur atau lupakan rahmat). Oleh itu Tuhan mengajar kita dengan firmanNya seperti yang berikut:

لَكِنَّا لَا سَوْءَ أَعْلَىٰ مَآفَاتِكُمْ وَلَا نَفْرَحُ

بِمَاءِ اتِّسَاكُمْ ۗ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿١٣﴾

Surah al-Hadid - 57: 23, artinya:

(Agar kamu tidak berputus asa kerana sesuatu yang telah terlepas dari kamu tetapi janganlah berbangga dengan sesuatu yang telah Allah anugerahkan kepada kamu dan Allah tidak suka kepada setiap orang yang ditimpa perasaan lagi bermegah-megah).

Bercakap dari hal budi "bangga, takbur, timpa perasaan dan bermegah-megah" terdapat beberapa jenis "bangga" yang dilarang oleh Islam:

- (1) berbangga kerana sempat mengelakkan diri dari turut berjuang untuk menegakkan Shariat Allah;
- (2) bangga dengan ilmu yang ada diri sendiri;
- (3) bangga di muka bumi dengan kepalsuan dan kebatilan;
- (4) bangga dengan kejayaan yang dicapai dalam ekonomi; dan
- (6) bangga dengan sesuatu yang dibuat oleh satu-satu puak dan jamaah.

Sekarang marilah kita dengan sabar cuba memerhatikan firman-firman Tuhan mengenai tiap-tiap satu jenis "bangga" yang dilarang

(1) - Bangga Kerana Tidak Turut Memperjuangkan Hukum Islam

Orang-orang yang bukan beragama Islam boleh ditangguhkan perbincangan kita mengenai mereka akan tetapi umat Islam itu sendiri mestilah memeriksa diri masing-masing. Hal ini mustahak disemak kerana ada terdapat orang-orang Islam yang merasa "bertuah" dan mereka berbangga kerana mereka "bijak" melepaskan diri dari berjuang untuk menegakkan Shari'at Islam di muka bumi. Mereka berbangga dengan ideologi-ideologi ciptaa manusia. Firman Tuhan:

فَرِحَ الْمُخَلَّفُونَ بِمَقْعَدِهِمْ خِلَافَ رَسُولِ اللَّهِ وَكَرِهُوا
 أَنْ يُجَاهِدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَقَالُوا
 لَا تَنْفِرُوا فِي الْحَرِّ قُلْ نَارُ جَهَنَّمَ أَشَدُّ حَرًّا لَوْ كَانُوا
 يَفْقَهُونَ ﴿٨١﴾ فَلْيَضْحَكُوا قَلِيلًا وَلْيَبْكُوا كَثِيرًا لَّجَزَاءً
 بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٨٢﴾

Surah al-Taubah - 9: 81-82 ertinya:

(Orang-orang yang tinggal di belakang yang duduk dan tidak turut serta bersama Rasulullah dan mereka merasa benci hendak berjuang dengan harta benda mereka dan jiwa raga mereka pada jalan Allah, dan mereka berkata pula "janganlah kamu pergi dalam kepanasan hawa"; katakanlah: "Api neraka jahanam itu lebih kuat kepanasannya jika mereka mahu mengerti; oleh itu hendaklah mereka ketawa sedikit sahaja tetapi hendaklah menangis lebih banyak sebagai suatu balasan ke atas apa-apa yang telah mereka usahakannya).

Hanya gambar hiasan



(2) **Bangga Ilmu Dan Kepandaian
 Yang Sedia ada**

Seseorang individu, persatuan atau sebuah kerajaan tidak berpada dengan ilmu dan kepandaian yang sedia ada malah tidak patut berpada serta berbangga dengan institusi-institusi yang sedia ada akan tetapi kerajaan

khasnya masih patut menerima teguran dan sumbangan dari rakyat jelata jua. Teguran membenaini terkandung di dalam firman Tuhan:

فَلَمَّا جَاءَهُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَسْفَلِ السَّمَاءِ قَالُوا لِمَ جَاءَنَا بِآيَاتٍ مِّنْ سَمَوَاتٍ مَّا كُنَّا بِلِقَاءِ رَبِّنَا أَحْسِبُونَ ﴿٨٢﴾
فَلَمَّا رَأَوْا بَأْسَنَا قَالُوا آمَنَّا بِاللَّهِ وَحَدُّهُ وَكَفَرْنَا بِمَا كُنَّا بِهِ مُشْرِكِينَ

Surah Ghafir - 40: 83-84, ertinya:

(Maka apabila datanglah kepada mereka rasul-rasul mereka membawa keterangan-keterangan maka mereka berbangga dengan ilmu yang sedia ada pada sisi mereka akan tetapi mereka juga terperangkap dengan apa-apa yang dahulunya mereka ejek-ejekkan. Apabila mereka tersua dengan kekuatan kita (Allah) mereka pun mengaku: "sekarang kami beriman dengan Allah sahaja dan kami tidak lagi percaya kepada apa yang dahulunya kami menyekutukan)

Oleh itu dalam konteks ini apalah salah jika Kerajaan sudi melayan pendapat rakyat yang ingin menyumbang dengan jalan memberi teguran-teguran yang membina iaitu: "jangan sangat berbangga dengan ilmu yang sedia ada pada Kerajaan dan pada institusi-institusi yang diwujudkankannya itu.

(3) Bangga Dengan Kepalsuan Di Muka Bumi

Konsep "sebuah masyarakat yang berbangga dengan apa yang ada dan apa yang telah dicapai", jika tersilap langkah, boleh membawa kepada perangai suka berbangga dengan dasar-dasar sendiri walau dasar-dasar tersebut adalah salah dan sekurang-kurangnya masih perlu diperbaiki. Perangai "timpa perasaan dan takbur" seperti itu boleh mendedahkan insan dan umah kepada tahap melanda orang lain walau dengan berhijjah kepada kepalsuan dan kebatilan. Dan inilah yang ditegah oleh Islam. Firman Tuhan:

الْكٰفِرِيْنَ ۝٧٠ ذٰلِكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَفْرَحُوْنَ فِي الْاَرْضِ بِغَيْرِ
الْحَقِّ وَّبِمَا كُنْتُمْ تَمْرَحُوْنَ ۝٧١

Surah Ghafir - 40: 75 artinya:

(Itulah dia (balasan) kepada apa yang kamu telah berbangga dengannya di muka bumi tanpa kebenaran dan akibat apa yang kamu dulunya telah beria-ia).

Hanya gambar hiasan



(4) Berbangga Dengan Pencapaian Dalam Ekonomi

Salah satu luang untuk manusia berbangga ialah pencapaian dalam bidang ekonomi terutama ketika sesebuah negara itu kurang berhutang dari luar negeri apatah lagi negara-negara yang langsung tidak berhutang apa jua dari luar negeri. Walau bagaimana pun Malaysia kita bukanlah sebuah negara yang kurang berhutang malah semakin banyak berhutang dari luar negeri dari setahun ke setahun. Berbangga dengan pencapai ekonomi boleh mendedahkan umah kepada perangai "lupa daratan. Tuhan berfirman:

فَلَمَّا جَاءَ سُلَيْمَانَ قَالَ أَتُمِدُّوْنَ بِمَالِ فِرْعَانَ اتِّخَذَ اللَّهُ
 خَيْرٌ مِّمَّا آتَاكُمْ بَلْ أَنْتُمْ بِهَدْيِكُمْ تَفْرَحُونَ ﴿٣٦﴾

Surah al-Naml - 27: 36 ertinya:

(Apabila (pesuruh - wakil Raja Balkis) tiba dihadapan Nabi Sulaiman maka Sulaiman bertitah: "apakah kamu hendak memberi kepadaku sesuatu yang berbentuk harta kekayaan, kerana apa yang telah pun diberikan oleh Tuhan (Allah) kepadaku adalah lebih baik dari apa yang diberikannya kepada kamu malah adalah berbangga dengan hadiah kamu itu).

(5)- Bangga Dengan Politik

Agama dan polotik adalah dua jodol yang amat sensitif, Seperti mana perangai taksub berlaku dalam kepercayaan agama maka begitulah juga taksub berlaku dalam politik. Dalam agama terdapat panduan untuk mengelakkan diri dari taksub akan tetapi dalam politik tidak terdapat sempadan atau batasan untuk mengelakkan seperti itu. Itulah sebabnya Islam menggambarkan perangai taksub dalam kepartaian sebagai suatu perangai yang tercela. Tuhan berfirman:

﴿٥١﴾ وَإِنَّ
 هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاتَّقُونِ ﴿٥١﴾ فَتَقَطُّوا
 أَمْرَهُمْ بَيْنَهُمْ زُبُرًا كُلُّ حِزْبٍ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ ﴿٥٢﴾ فَذَرَهُمْ
 فِي غَمَرَاتِهِمْ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿٥١﴾ أَيَحْسَبُونَ أَنَّمَا نُمِدُّهُم بِهِ مِن
 مَّالٍ وَبَيْنٍ ﴿٥٠﴾ نَسَارِعُ لَهُمْ فِي الْخَيْرَاتِ بَلْ لَا يَشْعُرُونَ

Surah al-Mu'aminun - 23: 53-56, artinya:

(Sesungguhnya agama ini ialah agama (ikutan) kamu sendiri yang satu(tunggal) sedangkan Akulah Tuhan kamu maka hendaklah kamu bertaqwa kepadaku. Tetapi mereka pula menjadikan urusan mereka berpuak-puak di kalangan sesama sendiri dalam mana setiap gulungan (hizb) berbangga dengan apa yang ada pada sisi mereka masing-masing. Oleh itu biarkanlah mereka berada di dalam keadaan mereka itu untuk satu ketika yang tertentu. Apakah mereka menyangka apa yang kami berikan kepada mereka dalam bentuk harta dan anak buah itu sebagai langkah kami menyegerakan kebaikan kepada mereka akan tetapi mereka tidak menyedarinya).Firman Tuhan:

وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ
مِنَ الَّذِينَ فَرَّقُوا دِينَهُمْ وَكَانُوا شِيعًا كُلُّ حِزْبٍ بِمَا
لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ ﴿٢٢﴾

Surah al-Rum - 31-32 artinya:

(...dan janganlah kamu jadi seperti orang-orang musyrikin. Iaitu dari orang-orang yang memecah belahkan agama mereka lalu menjadi berpuak-puak dalam mana setiap golongan (parti) itu berbangga dengan apa yang ada pada sisi mereka masing-masing).

(6) Berbangga Dengan Jamaah

Perangai suka berbangga dengan golongan atau jemaah sendiri sehingga tidak menghormati golongan lain adalah tercela dan dilarang oleh Islam. Di dalam Quran terdapat satu permisalan satu golongan menaikki kapal layar kemudian terkena angin topan. Firman Tuhan.

هُوَ الَّذِي يُسَيِّرُكُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ
حَتَّىٰ إِذَا كُنْتُمْ فِي الْفُلِكِ وَجَرَنتُ بِهِمْ يَمْحُطِبُكُمْ وَقِيلُوا

بِهَاجًا تَهَارِجُ عَاصِفٌ وَجَاءَهُمُ الْمَوْجُ مِنْ كُلِّ مَكَانٍ
 وَظَنُّوا أَنَّهُمْ أُحِيطَ بِهِمْ دَعَوُا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ
 لَئِن أُنجَيْنَا مِنْ هَذِهِ لَنَكُونَنَّ مِنَ الشَّاكِرِينَ ﴿٢٣﴾ فَلَمَّا
 أَنْجَاهُمْ إِذَا هُمْ يَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ يَا أَيُّهَا النَّاسُ
 إِنَّمَا بَغَيْتُمْ عَلَى أَنْفُسِكُمْ مَتَاعَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ثُمَّ إِلَيْنَا
 مَرْجِعُكُمْ فَنُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٢٤﴾

(Dia - Tuhanlah - yang memberi daya belayar kepada kamu di darat dan di laut sehingga apabila kamu berada di dalam kapal dan kapal-kapal itu berjalan dengan tiupan angin yang enak maka mereka pun berbangga dengannya lalu tiba-tiba datang angin yang kuat dan ombak pun mengepungi mereka dari segenap sudut dan mereka menyangka diri mereka telah terkepung maka mereka berdoa dengan ikhlasnya kepada Allah: kalaulah Engkau (Tuhan) menyelamatkan kami dari keadaan ini nescaya kami akan menjadi dari orang-orang yang bersyukur. Tetapi apabila kami (Allah) menyelamatkan mereka tiba-tiba berlaku curang di muka bumi tanpa kebenaran hak. Maka, oleh itu hai manusia ! sesungguhnya kejahatan kamu itu adalah ke atas diri kamu sendiri sebagai suatu perhiasan di dunia yang rendah ini, kemudian kepada Kami lah jua tempat kembali kamu lalu Kami terangkan kepada kamu apa-apa yang kamu dulunya kerjakan itu).

KESIMPULAN

Dalam konteks wawasan 2020 kita itu sepatutnya kita gantikan kata-kata "berbangga dengan apa yang ada, apa yang telah dicapai" kepada kata-kata "masyarakat yang jemu, bersyukur kepada Tuhan tentang nikmatnya" supaya dengan demikian Tuhan tambahkan lagi pencapaian kita. Saya kira jika kita mempunyai kesedaran seperti ini nescaya kita boleh menjadi contoh yang baik menuju ke arah cita-cita tinggi di dunia ini.

PERKARA 3

Perkara 3 dalam Cabaran 2 berbunyi seperti berikut: *"mewujudkan satu rumpun bangsa yang terkenal dengan cita-cita tinggi, menyedari sepenuhnya potensi tanpa tunduk kepada mana-mana pihak dan dihormati oleh rakyat negara lain"*.

Penulis kira Dr. Mahadzir tidak perlu gondah sangat dari "satu rumpun bangsa" kerana ianya bukan ciptaan manusia akan tetapi ia adalah anugerahan Tuhan. Apa yang menjadi kewajipan ke atas kita ialah menyatu padukan rumpunan dengan itu dengan sebuah ideologi. Sebenarnya kita sudahpun mempunyai satu "rumpun bangsa" iaitu "rumpun bangsa Melayu" yang sejak dulu lagi dikenal dengan nama "Gugusan Pulau-pulau Melayu (Malay Archipelago) yang mana pada satu masa tidak lama dulu diperjuangkan oleh Dr. Burhanuddin Hilmy dan Ishak Haji Muhammad (Pak Saku) sebagai Gagasan Melayu Raya. Walau bagaimanapun perjuangan "Geopolitics" tidak akan membawa kita ke satu matlamat yang berfaedah. Sejarah menceritakan bagaimana kerajaan-kerajaan besar zaman dulu telah hancur ditelan zaman.

Tuhan berfirman:

أَوَلَمْ يَعْلَم أَنَّ اللَّهَ قَدْ أَهْلَكَ مِنْ قَبْلِهِ مِنَ الْقُرُونِ مَنْ هُوَ أَشَدُّ مِنْهُ قُوَّةً وَأَكْثَرَ جَمْعًا وَلَا يَسْتَلْ عَنْ ذُنُوبِهِمُ الْمُجْرِمُونَ

Surah al-Qasas - 28: 78^certinya:

(Apakah dia tidak mengetahui bahawa Allah telah pernah memusnahkan sebelumnya umat-umat yang lebih kuat daripadanya dan lebih besar rumpunnya dan selepas itu tidak siapapun hatta orang-jahat bertanyakan khabar mengenai mereka).

Lagi firman Tuhan:

فَلَوْلَا كَانَ مِنَ الْقُرُونِ مِنْ قَبْلِكُمْ أُولُوا بَقِيَّةَ يَبَنَهُونَ عَنِ
الْفَسَادِ فِي الْأَرْضِ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّنْ أَنْجَيْنَا مِنْهُمْ ۗ وَاتَّبَعَ
الَّذِينَ ظَلَمُوا مَا آتَرَفُوا فِيهِ وَكَانُوا مُجْرِمِينَ ﴿١١٦﴾ وَمَا كَانَ رَبُّكَ

لِيُهْلِكَ الْقُرَىٰ بِظُلْمٍ وَأَهْلِهَا مُصْلِحُونَ ﴿١١٧﴾ وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ
لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً ۗ وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ ﴿١١٨﴾ إِلَّا مَن
رَحِمَ رَبُّكَ ۗ وَلِذَلِكَ خَلَقَهُمْ ۗ وَتَمَّتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ لِأَنَّ لَدُنَّ
جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١١٩﴾ وَكَلَّا نَقْضُ عَلَيْكَ
مِنْ أَنْبَاءِ الرُّسُلِ مَا نَشِئْتُ بِهِ فُؤَادَكَ وَجَاءَكَ فِي هَذِهِ
الْحَقُّ وَمَوْعِظَةٌ وَذِكْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢٠﴾

Surah Hud - 11:116-120, artinya:

(Kalau terdapat di antara umat-umat yang terdahulu dari kamu itu masih mempunyai sedikit sebanyak - dari kewarasan - lalu mereka itu melarang umatnya dari berbuat bencana di muka bumi ini tetapi hanyalah sedikit sahaja yang begitu iaitu dari orang-orang Kami selamatkan, dan mereka tadi mengikut jejak langkah orang-orang zalim dalam cara hidup kemewahan dan sebenarnya berlaku jahat. Tuhan kamu tidaklah sekali-kali hendak memusnahkan negeri-negeri (umat-umat) dengan zalim sedangkan penduduknya membuat pembaharuan. kalaulah Tuhan kamu berkehendak menjadikan umat manusia itu semua sebagai

satu "rumpun bangsa" nescaya Tuhan berbuat demikian akan tetapi tidak begitu dan mereka masih terus menerus berselisih. Melainkan orang-orang yang Tuhan kamu berikan rahmat; dan dengan kaedah seperti itulah Dia (Tuhan) mencipta mereka; dan sudah jelaslah bahawa keputusan Tuhanmu itu bahawa "Aku - Tuhan - akan memenuhi neraka jahannam itu dengan jin dan manusia semuanya. Setiap hal itu Kamu ceritakan kepadamu dari berita-berita mengenai para Rasul sesuatu yang Kami memperteguhkan hatimu; dan sudahpun datang kepadamu dalam cerita ini kebenaran dan ianya merupakan suatu nasihat dan peringatan bagi orang-orang yang beriman).

Penulis kira sudahlah mencukupi dengan pembentangan ayat-ayat suci Quran mengenai hal "rumpun bangsa" yang disebut oleh Dr. Mahadzir dalam Wawasan 2020nya. Dan apa yang mustahak kita mengkaji sekarang ialah hasrat Dr. Mahadzir mahukan supaya "rumpun bangsa" kita menjadi satu umat (rumpun bangsa) yang mempunyai cita-cita tinggi, tanpa tunduk kepada sesiapa, dan dihormati oleh rakyat negeri-negeri lain.

Hasrat cita-cita tinggi ini boleh dikaitkan oleh fiman Tuhan:

كُنْتُمْ خَيْرَ
 أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْنَ عَنِ
 الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ تِلْكَ صِلَاتُ مَنْ أَهْلَ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا
 لَّهُمْ مِنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Surah Ali-Imran - 1: 110, ertinya:

(Kamulah sebaik-baik umat yang diterbitkan untuk manusia iaitu kamu menyuruh berbuat kebaikan dan kamu melarang berbuat kejahatan dan kamu beriman dengan Allah, dan kalaulah

orang-orang Ahlil-Kitab itu beriman seperti itu tentulah yang demikian itu lebih baik bagi mereka; kerana di antara mereka itu terdapat orang-orang yang beriman dan kebanyakan mereka adalah fasik).

Hasrat cita-cita tinggi ini boleh dicapai melalui program yang ditetapkan oleh Tuhan: menyuruh kebaikan dan melarang kemungkaran. Jika dua fungsi ini kita laksanakan nescaya kita akan dihormati oleh bangsa-bangsa lain kerana kita telah berusaha menjadikan diri kita sebagai umat yang menyaksikan umat-umat lain berlaku di dunia ini. Tuhan berfirman:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا
شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا وَمَا جَعَلْنَا
الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَتَّبِعُ الرَّسُولَ مِمَّنْ يَنْقَلِبُ
عَلَى عَقْبَيْهِ ۗ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ ۗ
وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِلَّكُمْ ۗ إِنَّا أَنزَلْنَا بِاللَّهِ بِالنَّاسِ لِرَأْفِ وَرَحِيمٍ

Surah al-Baqarah - 2:143 ertinya:

(Begitulah Kami jadikan kamu sebagai umat pertengahan supaya kamu menjadi saksi kepada seluruh umat manusia dan Rasul s.a.w. pula menjadi saksi ke atas kamu. Dan tidaklah Kami jadikan qiblat yang engkau berpandukannya sekarang ialah kerana Kami hendak menguji sesiapa yang sebenarnya menurut Rasul berbanding dengan orang bertunggang-langgang (kepala ke bawah dan kaki ke atas) walaupun hak itu tentulah berat melainkkan ringgin bagi orang-orang yang Allah berikan pertunjuk; dan Allah tidak sekali-kali mempersia-siakan iman

kamu; sesungguhnya Allah itu Maha Bertimbang rasa lagi Maha Penyayang kepada manusia).

Itulah dia program Islam untuk mencapai cita-cita tinggi, tanpa tunduk kepada mana-mana pihak dan dihormati oleh rakyat negara-negara lain.



Hanya gambar hiasan

WAWASAN 2020 DENGAN KONSEP "BALDATUN TAIYIBATUN"

Cabaran - 3 dalam Wawasan 2020 Dr. Mahathir itu memperuntukkan seperti berikut:

"mewujudkan sebuah masyarakat yang dinamik yang mengamalkan kata sepakat, demokrasi yang berorientasikan masyarakat ala Malaysia yang boleh dijadikan model kepada kebudayaan negara sedang membangun yang lain."

Biarkanlah penulis dengan bebas menyusun semula kata-kata dalam cabaran ini seperti mana yang penulis telha lakukan dengan cabaran-cabaran Satu dan Dua terdahulu dari ini:

1. mewujudkan sebuah masyarakat:
 - a) yang dinamik;
 - b) yang mengamalkan kata sepakat;
 - c) yang mengamalkan demokrasi yang berorientasikan masyarakat ala Malaysia; dan
 - d) demokrasi yang boleh dijadikan model kepada negara-negara membangun yang lain.

Dr. Mahathir tidak meraba-raba ketika beliau mengemukakan cabaran ini kerana penulis sendiri mengetahui benar-benar

niat serta hasratnya. Apa yang perlu kita bersama-sama lakukan ialah memberi sumbangan yang lebih berkesan. Dalam konteks ini biarlah penulis menarik perhatian Dr. Mahathir dan orang-orangnya kepada ajaran Islam yang terkandung di dalam kitab Quran yang menjadi idaman serta hasrat beliau sendiri!

a) masyarakat yang dinamik

Tuhan berfirman,

وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ ① فَإِنَّ
مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ② إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ③ فَإِذَا
فُرِغْتَ فَأَنْصَبْ ④ وَلِلَّهِ رَبِّكَ فَارْغَبْ ⑤

(Dan kami - Tuhan - telah angkat nama baikmu. Sesungguhnya di samping kepayahan itu ada kemudahan. Sesungguhnya di samping kepayahan itu terdapat kemudahan. Oleh itu, apabila engkau selesai - mengenai sesuatu - maka hendaklah engkau menghadapi - sesuatu yang lain pula. Dan hendaklah engkau sentiasa suka kepada Tuhanmu).

Ini bererti bahawa nama baik seseorang atau sesuatu bangsa itu boleh dicapai dengan jalan "sifat dinamik" iaitu dengan mencuba kepayahan demi kepayahan sambil berkeyakinan penuh bahawa di sebalik setiap kepayahan itu Tuhan menyediakan kemudahan dan kesenangan. Dengan kepercayaan seperti ini kita mestilah tidak berdiam diri selepas menyelesaikan satu-satu program malah kita mestilah menyambung kegiatan kita dalam program-program baru pula.

Firman yang berbunyi: ()
itu bererti: apabila engkau rasa kosong dari kerja maka hendaklah engkau cari kerja yang baru agar kegiatan anda itu sentiasa berkesinambungan dan dinamik.

b) kata sepakat

Dalam soal kata sepakat ini Tuhan berfirman di dalam Quran:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ
الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَإِذَا كَانُوا مَعَهُ عَلَىٰ أَمْرٍ
جَامِعٍ لَّمْ يَذْهَبُوا حَتَّىٰ يَسْتَأْذِنُوهُ، إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَأْذِنُونَكَ
أُولَٰئِكَ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ، فَإِذَا أَسْتَأْذَنُوكَ
لِيُغِضَ شَأْنَهُمْ فَأَذَنَ لِمَن شِئْتَ مِنْهُمْ وَاسْتَغْفِرَ لَهُمُ
اللَّهُ، إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١١﴾

Surah al-Nur - 24: 82 ertinya:

(Hanya sanya orang-orang mukminin itu ialah orang-orang beriman kepada Allah dan RasulNya; dan jika mereka berada bersamanya kerana sesuatu urusan kata sepakat maka mereka tidaklah pergi keluar dari situ sehinggalah terlebih dahulu mereka meminta izin daripadanya; kerana orang-orang yang meminta izin daripadamu (hai Rasulallah) itu ialah mereka yang beriman kepada Allah dan Rasulnya; maka jika mereka meminta izin daripadamu untuk sesuatu hal maka berikanlah izin kepada sesiapa yang engkau mahu memberinya dan pohonlah ampun untuk mereka dari Allah jua kerana sesungguhnya Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang).

Iniilah kaedah berpegang kepada kata sepakat yang diajar oleh Islam sejak lebih 15 kurun dulu lagi.

c) demokrasi ala Malaysia.

Islam mempunyai dasarnya sendiri dalam menghormati suara ramai. Boleh juga kita pinjam kata-kata dari luar seperti kata-kata "demokrasi" akan tetapi hakikat ertinya tentulah tidak sama sepenuhnya kerana "demokrasi" adalah ciptaan manusia manakala dasar Syura Islam pula adalah cipta Tuhan.

Jika Dr Mahathir sudi menerima "Kebangsaan Ala Islam", dan saya yakin beliau sudi berbuat demikian itu, maka tidak ada satu sebab yang menghalang Dr. Mahathir daripada menerima "Demokrasi Ala Malaysia". Kalau sudah begitu maka Dr. Mahathir sudah maju setapak lagi ke hadapan; dan dalam konteks ini penulis ingin mengemukakan firman Tuhan:

قَبِمَارْحَمَةٍ
مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْتَضَوْا مِنْ
حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ
فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Surah Ali-Imran - 3: 159 ertinya:

(Maka dengan rahmat dari Allah engkau berlembut dengan mereka; dan kalaulah engkau seorang yang kasar bahasa dan kasar hati nescaya mereka mengundur diri dari sekelilingmu; oleh itu maka maafkanlah mereka dan pohonlah ampun untuk mereka, dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam perkara itu; jika engkau sudah berazam maka bertawakallah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah itu sayang kepada orang-orang yang bertawakkal).

Lagi firman Tuhan:

﴿٥٨﴾ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ
 وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ
 إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Surah al-Nisa - 4:59 artinya:

(Hai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu taati Allah dan taati akan Rasul dan orang-orang yang memegang urusan dari antara kamu; apabila kamu berbalah mengenai sesuatu perkara maka hendaklah kamu merujukannya kepada Allah dan Rasul jika kamu benar-benar beriman dengan Allah dan Hari Kemudian; yang demikian itu adalah lebih baik dan lebih elok pentafsirannya).

Dalam bidang kehakiman, Malaysia kita sedang menuju ke arah mempunyai satu "Common Law" sendiri untuk menggantikan tempat "Common Law of England"; oleh itu "Demokrasi" juga mustahak ditukar dari "Demokrasi ala Barat" kepada "Demokrasi Ala Islam" sejajar dengan "Nasionalisme Ala Islam" kita. Mengenai bidang kehakiman, Yang Arif Tan Sri Prof. Ahmad Ibrahim dengan jelas dan tegas menyatakan bahawa Hukum Syara' boleh dijalankan di Malaysia manakala Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Omar pula menyatakan bahawa Undang-undang Inggeris patut digantikan dengan Undang-undang Islam maka tidak ada sebab maka kita orang-orang politik masih teragak-agak membuat pernyataan bahawa demokrasi yang dibawa masuk dari Barat seperti yang ada sekarang di Malaysia ini mesti ditukar dan diganti dengan "Demokrasi Ala Islam". Hal ini sesuai dengan firman Tuhan:

الْحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةَ يَبْغُونَ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ

Surah al-Maidah - 5:50 ertinya:

(Apakah hukum Jahilliyah mereka mahukan sedangkan siapakah pula lebih baik hukumnya dari Allah sendiri bagi kaum yang maha berkeyakinan).

Lagi firman Allah:

﴿١٣٧﴾ فَإِنَّ آمَنُوا بَمِثْلِ مَا آمَنْتُمْ بِهِ فَقَدْ اهْتَدَوْا وَقَدْ تَوَلَّوْا
فَأَنَّمَا هُمْ فِي شِقَاقٍ فَسَيَكْفِيكَهُمُ اللَّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ
صِبْغَةَ اللَّهِ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ صِبْغَةً وَنَحْنُ لَوَاعِبِدُونَ

Surah al-Baqarah - 2:137-138 ertinya:

(Jika mereka itu beriman seperti mana kamu beriman maka berertilah mereka juga telah mendapat pertunjuk - dari Allah tetapi jika mereka berpaling tadah maka jelaslah mereka berada di dalam keadaan perpecahan maka Allah akan mencukupkan kamu sedang Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. Itulah dia CORAK dari Allah sedang siapakah pula yang lebih baik CORAKnya daripada Allah sendiri sedangkan kita semua menyembahNya).

Dr. Mahathir lebih arif bahawa perbuatan beriman dengan sebahagian kitab tetapi berkufur dengan sebahagian yang lainnya pula adalah tidak diterima oleh Islam kerana perbuatan tersebut merupakan ejekan dan mainan dan ianya bukan kepercayaan dan pegangan. Hal ini tersebut di dalam firman Tuhan:

أَفْتَوُْمِنُونَ
بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ فَمَا جَزَاءُ مَنْ يَفْعَلُ ذَلِكَ مِنْكُمْ
إِلَّا خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يُرَدُّونَ إِلَيْنَا أَسْفَلَ
الْعَذَابِ ۗ وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٨٥﴾

Surah al-Baqarah - 2:85 ertinya:

(Apakah kamu beriman dengan sebahagian kitab tetapi berkufur pula dengan sebahagian yang lainnya; maka tidak ada balasan ke atas orang-orang yang beriman sedemikian itu dari antara kamu melainkan kehinaan di penghidupan dunia ini dan pada hari Qiyamat pula akan dikembalikan kepada sepedih-pedih azab keseksaan sedangkan Allah tidaklah bersifat pelupa terhadap apa-apa yang kamu lakukan).

CONTOH KEPADA NEGARA LAIN

Penulis yakin Dr. Mahathir akan berjaya dengan Wawasan 2020nya itu selagi beliau mendasarkan wawasan tersebut di atas konsep "Baladatul Taiyibatun wa Rabbu n Ghafur" (*بلدة طيبة ورب غفور*) dan selama mana programnya berdasarkan kebangsaan ala Islam, rumpun bangsa ala Islam dan demokrasi ala Islam serta program pula sesuai dengan ajaran Islam. Kita akan bersama dengan Dr Mahathir menhayati firman Tuhan:

﴿٢٠﴾ لَقَدْ

كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Surah al-Ahzab - 33:21 ertinya:

(Sudah pun ada bagi kamu pada Rasulullah itu suatu panduan yang baik bagi sesiapa yang mengharapkan pertemuan dengan Allah dan hari kemudian dan yang berzikirkan Allah dengan banyaknya).

Lagi firman Tuhan:

قَدْ كَانَتْ لَكُمْ آسْوَةٌ حَسَنَةٌ فِي إِبْرَاهِيمَ وَالَّذِينَ مَعَهُ
إِذْ قَالُوا الْقَوْمِ هُمُ الْبَارُونَ وَأَمَّا كُمْ وَمِمَّا تَعْبُدُونَ مِنْ
دُونِ اللَّهِ كَفَرْنَا بِكُمْ وَبَدَا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ الْعَدَاوَةُ
وَالْبَغْضَاءُ أَبَدًا حَتَّى تُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَحَدُّهُ ۚ إِلَّا قَوْلَ إِبْرَاهِيمَ
لِأَبِيهِ لَا يَبِيهَ لَأَسْتَغْفِرَنَّ لَكَ وَمَا أَمْلِكُ لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ شَيْءٍ ۗ
رَبَّنَا عَلَيْنَا نُوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَنبَأْنَا وَإِلَيْكَ الْعَصِيرُونَ ﴿٤﴾

Surah al-Mumtahinah - 60:4

(Telah pun terdapat untuk kami suatu panduan yang baik pada Nabi Ibrahim dan orang-orang yang bersama dengannya ketika mereka berkata kepada kaum mereka: "Sesungguhnya kami adalah tidak ada kena mengena dengan kamu dan dengan apa yang kamu menyembahnya selain dari Allah; kami tidak lagi percaya dengan kamu dan telah pun mula kelihatan di antara kamu dan kami perseteruan dan dengki hati terus menerus sehinggalah kamu beriman kepada Allah sahaja kecuali kata-kata Nabi Ibrahim kepada bapanya: Akan aku pohon ampun untukmu sedangkan kamu tidak memiliki dari Allah sesuatu apa pun: Ya Tuhan kami! kepa Mu lah kami menyerah diri dan kepada Mu jualah kami kembali dan kepada Mu sahajalah tempat kesudahan).

Dengan mengambil contoh dan panduan dari Nabi Muhammad s.a.w dan juga dari Nabi Ibrahim maka Wawasan 2020 Dr. Mahathir akan direstui Allah akan tetapi jika kita menyeleweng dari jalan Allah maka sudah tentu Dr. Mahathir sendiri tidak senang dengan perbuatan corang kita kerana CORAK atau SIBGHAH () ciptaan manusia tidaklah setanding dengan SIBGHAH ciptaan Tuhan. Tuhan mencipta manusia dan Tuhanlah yang lebih mengetahui falsafah dan program yang sesuai dengan kebahagiaan manusia di muka bumi menuju ke akhirat kelak.

Hanya gambar hiasan



YUSOF Zaky yang dianugerahkan sebagai Tokoh Buku Kelantan '92 menerima hadiah daripada Menteri Besar, Nik Aziz Nik Mat di kediamannya JKR 10, Kota Baharu malam semalam.

BAHAGIAN 5

- * Mencari pendakwah peka wawasan 2020
- * Wawasan 2020 hapus mentaliti feudal

Mencari pendakwah peka Wawasan 2020

Oleh;
Hasbullah Abdul Rahman

GERAKAN dakwah harus berikhtiar menukar cabaran Wawasan 2020 menjadi satu peluang. Ruang-ruang yang wujud seharusnya dimanfaatkan semaksimum mungkin bagi memastikan generasi akan datang tidak menganggapnya satu kegagalan tidak akan berulang. Gerakan dakwah harus turun ketengah masyarakat menangani isu semasa bukan dengan teori-teori ideal yang tidak berpijak di bumi nyata. Permasalahan perekonomian dan sosio-budaya masyarakat harus menjadi wadah utama di dalam menyampaikan mesej dakwah.

Perkara utama yang harus ditekankan oleh gerakan dakwah ialah menyakinkan masyarakat bahawa Islam mampu menangani setiap masalah. Jawapan Islam mestilah boleh diterjemah dalam bentuk pratikal. Ia juga mengembeling tenaga membebaskan psikologi masyarakat dari belunggu pembaratan supaya berkuranglah masyarakat Islam yang menjadi pengkagum daif masyarakat Barat hingga menganggap segala yang datang dari Barat itu baik dan benar. Gerakan dakwah perlu berusaha mendidik masyarakat supaya pandai menyaring tamadun Barat dengan hanya menerima yang baik dan meninggalkan yang buruk.

Dalam usaha ini gerakan dakwah juga harus menekan proses keilmuan sebagai asas pembinaan tamadun ummah. Tradisi ilmu perlu disuburkan agar wujud kecenderungan menyelidik dan menganalisis dengan menggunakan panca indera secara adil,

seimbang dan harmonis. Dengan itu al-Quran dan al-Hadis akan diterima sebagai sumber utama mengasingkan antara haq (benar) dan batin (palsu).

Setiap dai haruslah insaf bahawa tradisi keilmuan kini kebanyakannya diwarisi dan dipaksa diterima menerusi tamadun Barat. Ini menyebabkan tradisi keilmuan kini masih banyak diseliputi fahaman sekularisme, dualisme dan liberalisme. Justeru itu dalam mengembangkan budaya ilmu, konsep keilmuan perlulah merujuk kepada ilmu yang berpaksikan konsep tauhid.

Apabila krisis pemikiran yang diwarnai fenomena dualisme dan sekular dalam sistem pendidikan ini dapat dihapuskan, mudahlah mendidik generasi supaya melahirkan masyarakat ikram, harmoni dan seimbang. Jika tidak akan merebaklah keruntuhan akhlak, salah guna dadah, pelacuran, penyakit otak, pengabaian anak, menyendiri dan terencil, penyisihan, keruntuhan nilai budaya, kehidupan kekeluargaan yang tidak aman dan pelbagai lagi.

Di seluruh dunia cabaran pendidikan ini dibicarakan dengan realiti bahawa semua negara Islam di dunia pernah ditawan oleh pendidikan liberal sekular. Sejak rintihan Harold Titus dalam *Living Issues in Philosophy* yang menyatakan sistem pendidikan Barat telah kehilangan warisan kerohaniannya hinggalah Allan Baloom melalui bukunya *The closing of American Mind* mengemukakan bagaimana sistem pendidikan gagal mengajar demokrasi dan menjadikan pelajar Amerika semakin susut akal budinya.

Kegagalan pendidikan dan pembangunan masyarakat Barat digambarkan oleh Ali Mansor Aman di dalam *Bingkisan Dari London* (BH 25/8/91) di Britain yang mencatatkan sindrom kecewa dan bunuh diri semakin serius dan meningkat. Pejabat pertubuhan sukarela yang menyediakan perkhidmatan membantu mereka menghadapi masalah, tidak pernah lengang kerana setiap minit ada sahaja panggilan daripada mereka yang mahu bunuh diri. Ada setengah pertubuhan sukarela, dikatakan menerima 6,000 panggilan setiap hari daripada mereka yang terlalu kusut fikiran dan diambang maut. Apa yang menyedihkan sesetengah kes membunuh diri hanya berpunca daripada putus kasih atau kerana masalah beban hutang.

Gerakan dakwah juga harus terbabit secara langsung dengan pembangunan sosial dan kemasyarakatan ummah. Oleh itu ia perlu benar-benar mendalami ilmu dan persoalan mengenai geografi, sains politik, ekonomi, sosiologi, antropologi sosial, psikologi sosial, pendidikan, sejarah dan sebagainya. Setiap dai perlu memahami mengenai manusia serta laku perbuatannya sebagai seorang individu dan sebagai masyarakat, kerana gabungan laku perbuatan manusia akhirnya akan melahirkan fenomena dan kebudayaan bagi sesebuah masyarakat.

Sayugia diingat bahawa perkembangan ilmu pengetahuan terlau pesat dan pantas di zaman teknologi canggih. Namun semua teknologi itu harus dikuasai sepenuhnya oleh gerakan dakwah ini bagi memudahkan penyampaian mesej dakwah kepada masyarakat.

Ilmu psikologi sosial contohnya perlu dikuasai se-maksimum mungkin kerana ia menyumbang kepada perubahan dan pembangunan yang amat besar di dalam sesebuah masyarakat. Perubahan dan pembangunan dalam sesebuah masyarakat memerlukan kemampuan anggotanya membuat perubahan kualiti hidup, cara berfikir, skima membuat keputusan serta bersikap mandiri. Keadaan ini perlu disedarkan oleh pengurusan gerakan dakwah, supaya keterlibatan individu di dalam gerakan dakwah mempunyai kesedaran dan kualiti sebagai agen perubahan masyarakat. Oleh itu adalah penting untuk 'perkerja dakwah' mengetahui kepelbagaian ragam dan sikap manusia siapakah pencetus perubahan; yang bersikap positif terhadap penerimaan perubahan; kelompok yang anti (penentang) perubahan dan kelompok yang statik (golongan yang bersikap tunggu dan lihat).

Apa yang perlu difahami kebangkitan Islam tidak harus selama-lamanya bersifat eksklusif dalam batas lingkungan sesama Muslim, sedang mereka yang di luar Islam (masyarakat bukan Islam) tidak manafaat apa-apa selain rasa cemas dihantui oleh gambaran seram yang selalu diberikan oleh media barat terhadap fenomena kebangkitan Islam. Adalah amat malang andainya kebangkitan Islam tidak dapat membawa misi rahmat yang menyejagat, andainya masyarakat bukan Islam tetap tidak tertarik untuk mene-

rima Islam kerana kita masih juga tidak dapat menampilkan Islam dalam wajahnya yang murni dan memikat. Gerakan dakwah seharusnya mampu mengundang khalayak yang lebih luas meliputi kalangan bukan Islam sehingga kebangkitan ini nanti tidak cuma bererti pembinaan internal atau pengentalan dalaman tetapi sekaligus suatu gelombang pemerataan dakwah di kalangan manusia seluruhnya - meratai manusia pelbagai warna, bangsa, miskin, kaya, mulia berpangkat dan sebagainya. Dalam menangani masyarakat bukan Islam, gerakan dakwah harus tahu dan memahami beberapa permasalahan yang sering dihadapi oleh mereka yang memerlukan keprihatinan kita. Antara permasalahan yang sering dihadapi oleh mereka ialah:

- Masalah sosial - ramai Muslim 'baru' yang merasa tersisih di kalangan kawan lamanya dan tidak pula diterima kesepenuhnya oleh masyarakat Islam. Keadaan ini menjadikan mereka tidak tenteram dan kecewa. Ini boleh menyebabkan mereka meninggalkan Islam. Sebagai gerakan dakwah kita harus memahami hakikat ini dan perlu mendampingi mereka dan memberi tunjuk ajar dengan rasa tidak jemu.

- Bahasa dan kebudayaan - Ini adalah isu sentitif. Kita harus memahami bahawa setiap individu bangga dengan bangsa, bahasa dan kebudayaannya. Jadi tidak perlulah kita menimbulkan prasangka terhadap mereka kerana Islam menerima apa juga bangsa, bahasa dan kebudayaan selagi ia tidak bertentangan dengan Islam. Adalah tidak bijak jika kita memaksa 'saudara baru' untuk menerima bahasa Melayu atau kebudayaan Melayu.

Kita juga harus bersikap terbuka, boleh diajak berbincang, mesra dan sentiasa memberikan ruang untuk mereka berbincang dengan kita.

- Selain itu, gerakan dakwah juga perlu sedaya mungkin menjaga kebajikan sama ada dalam aspek ekonomi, sosial, pendidikan dan keperluan lain golongan ini. Dakwah begini dirasakan lebih berkesan di kalangan masyarakat bukan Islam.

Dalam usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara industri, gerakan dakwah harus menyediakan diri dengan isu-isu yang bersabit dengan kepelbagaian jenis industri, sebagai jawapan kepada sistem perekonomian masa kini.

Gerakan Islam juga perlu mempunyai strategi jangka panjang demi manfaat masyarakat Islam. Strategi ini harus bukan sekadar polemik yang berbentuk teoritikal sama ada kemiskinan dapat dibasmikan ataupun tidak. Kita harus membina sistem perekonomian yang kuat serta mampu mengekal survivalnya.

Dalam hubungan ini tarbiah bukan lagi sekadar untuk membina masyarakat yang baik sahaja tetapi untuk membina umat yang dinamik dan yang berdaya maju. Matlamat kita bukan sahaja melahirkan manusia yang bijak tetapi tidak bermoral, usahawan yang lupa daratan atau hanya berfikiran untuk mengaut keuntungan yang semaksimum mungkin tanpa etika dan tanpa rasa kemanusiaan. Ini pernah disentuh dengan panjang lebar oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Majlis Makan Malam Institusi-institusi Kewangan antaranya beliau berkata: "Istilah negara maju barangkali akan mengingatkan ramai orang terhadap model Barat sebagai negara industri dengan pendapatan perkapita yang tinggi. Apa yang hendak kita capai bukan sekadar pendapatan tetapi masyarakat yang seimbang antara kemajuan kebendaan dengan intelektual dan nilai moral."

Saranan Perdana Menteri itu adalah cabaran kepada gerakan dakwah untuk memberi jawapan yang konkrit kepada permasalahan yang timbul. Usaha mencari penyelesaian bagi masalah masa kini dan hadapan menghadapi rintangan sejak tiga abad yang lalu. Dua faktor utama ialah kekurangan pemikiran dan pemahaman intelektual Islam dan hubungan baik-benci dengan peradaban Barat. Penutupan pintu Ijtihad pada abad 14 dan 15 oleh golongan yang khuatir pada pembaharuan yang tidak bermoral dalam agama menyebabkan berlakunya kemerosotan intelektual bagi peradaban Islam.

Berita Harian
24.1.92/10

Wawasan 2020: Hapus mentaliti feudal

Oleh Ahmad Nazri Abdullah

contoh sejarah yang dikemukakan semalam amat besar maknanya bagi kita memahami dan menghayati Wawasan 2020. Kerana feudalisme, China gagal memajukan rakyat dan negaranya hingga sekarang. Sebaliknya negara-negara Eropah muncul sebagai bangsa yang maju dan kuat selepas kejatuhan feudalisme dan kemunculan Wawasan 3G. Jadi apakah iktibar kedua-dua contoh ini untuk bangsa Melayu? Apakah bangsa Melayu benar-benar merdeka daripada ikatan feudalisme? Kalau Gospel boleh mendorong kebangkitan Kristian Eropah, apakah al-Quran dan Sunnah Nabi tidak mampu membangun umat Islam menjadi kuat dan maju seperti bangsa Eropah? Sejajar dengan hasrat Wawasan 2020, kita tidak seharusnya takut untuk mengupas kedua-dua tajuk ini secara terbuka, jujur dan bertanggungjawab. Walaupun ia sensitif, kita terpaksa mengakui bahawa bangsa Melayu masih dibelenggui nilai-nilai feudal dan pemahaman Islam yang sempit sedikit sebanyak menghalang kemajuan mereka.

Walaupun bangsa Melayu sudah 34 tahun merdeka, nilai-nilai feudal yang diperturunkan melalui institusi beraja masih menebal dalam sanubari bangsa Melayu. Taat setia, kasih sayang, khidmat bakti, takut dan hormat yang dicurahkan kepada institusi diraja sudah membelenggui pemikiran dan nilai hidup bangsa Melayu. Konsep daulat dan limpah kurnia menular ke institusi agama dan politik, sehingga sistem nilai masyarakat Melayu menjadi keliru dan kacau.

Tanpa disedari, ciri-ciri feodalistik ini turut menyebabkan bangsa Melayu malas berfikir, tidak kritis, takut, segan, malu, sentiasa mengharap ihsan dan anugerah orang lain. Raja dilihat sebagai institusi yang kudus, tidak boleh ditegur, disentuh dan segala kehendak raja mesti dipenuhi kerana raja bukan saja mempunyai daulat tetapi juga sebagai Ketua Agama Islam. Pemimpin politik dilihat sebagai orang yang paling berkuasa dan boleh memberi bermacam 'limpah kurnia' - pangkat, kontrak, wang ringgit dan sebagainya. Oleh itu sesiapa yang rapat dengan istana dan pemimpin politik di percayai mudah mendapat kontrak dan habuannya. Begitu juga dengan pemimpin agama, asal saja boleh berhujah memetik Hadis dan al-Quran maka Tok Gurulah beliau, dan pendapatnya tidak boleh ditegur. Maka setiap tahun zakat dan fitrah mesti dibayar kepada Tok Guru walaupun Tok Guru memiliki tanah berpuh hektar.

Hormat dan taat setia seperti ini bukan saja tidak kena pada tempatnya, tetapi juga tidak ikhlas. Sokongan dan taat setia kepada raja, anak-anak raja dan orang politik bukanlah kerana menghormati mereka, tetapi kerana mengharapkan limpah kurnia. Hakikat ini paling ketara di kalangan pemimpin politik. Sokongan yang diberi kepada seseorang Menteri, Timbalan Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri atau calon-calon yang bertanding dalam pilihanraya atau parti, adalah dengan harapan mendapat habuan tertentu. Kalau pun tidak lesen balak, tanah, saham, permit teksi dan AP, sekurang-kurangnya upah menampal poster dan duit saku diminta juga.

Barangkali tidak ada wakil rakyat yang tidak pernah menghadiri kenduri di kawasannya. Setiap kali ada kenduri atau kematian, wakil rakyat mesti dijemput kerana ada limpah kurnianya. Kalau tidak seratus, lima puluh ringgit dihulur juga. Jadi jemputan itu tidak ikhlas dan kedatangan wakil rakyat juga tidak ikhlas. Setiap kali persatuan belia atau badan sukarela mengadakan projek, wakil rakyat dan orang politiklah tempat meminta derma, sehingga untuk membeli jersi bola pun terpaksa meminta kepada wakil rakyat.

Bagi memenuhi pengharapan dan tuntutan sistem nilai yang tidak ikhlas ini, maka pemimpin politik juga menjadi tidak

ikhlas. Mereka terpaksa berlagak sebagai dermawan, kalau tidak mungkin ada calon lain yang bertanding Ketua Bahagian. Dengan itulah maka tidak semua pemberian subsidi, projek, tender, bantuan dan sebagainya ikhlas. Ada projek yang baru diperingkat perbincangan, tender belum dikeluarkan tetapi kontraktor sudah siap dengan kertas cadangannya. Kelayakan mendapat bantuan dan projek seringkali mengutamakan orang yang menyokongnya daripada orang yang benar-benar layak. Kata-kata 'politician think for the next general election, statesman think for the next generation' banyak kebenarannya dalam masyarakat yang masih tebal dengan nilai-nilai feodal.

Oleh kerana nilai-nilai ini sudah diterima sebagai sebahagian daripada budaya Melayu, maka tanpa disedari ianya diperkukuhkan melalui sistem pendidikan. Ibu bapa sentiasa menuntut supaya didirikan sekolah yang lengkap dengan bilik sumber dan kemudahan sukan untuk anak-anak mereka, seolah-olah bangunan dan padang bola lebih penting daripada buku. Mereka terlupa yang penting dalam proses pendidikan ialah tiga perkara iaitu guru, buku dan pelajar, bukannya tempat. Mereka megah melihat bangunan sekolah, maktab, kolej dan universiti yang indah, tetapi tidak bersedih dengan kekurangan buku-buku ilmu yang baik untuk pelajarnya.

Seorang peserta di ceramah Wawasan 2020 meminta kerajaan mendirikan lebih banyak pusat membina semangat bagi menampung berjuta belia yang akan dibina semangatnya dalam tempoh lima tahun akan datang. Kerana hendak memupuk semangat Wawasan 2020 maka kita terpaksa menambah kem dan pusat membina semangat. Permintaan seperti ini mengutamakan kem, bukannya produk. Untuk menyiapkan kem-kem ini akan memakan masa sekurang-kurangnya setahun, jadi tempoh lima tahun tadi akan menjadi enam tahun. Kita sudah rugi dua tahun, tambah dengan enam tahun lagi maka lapan tahun masa kita, dihabiskan untuk membina semangat.

Kita sudah mempunyai banyak kem dan pusat latihan yang boleh digunakan untuk maksud Wawasan 2020. Kita juga mempunyai banyak kem tentera yang boleh ditumpangi kemudahannya

dan sesuai sekali dengan bentuk latihan yang hendak dijalankan. Pengambilan rekrut baru tidak sekerap tahun 60-an, dan kebanyakan kem ini mempunyai kelapangan masa untuk dipinjamkan bagi latihan belia. Yang mustahak hanyalah tempat untuk tidur dan makan sahaja, kerana sebahagian besar daripada masa kursus akan digunakan untuk ceramah, latihan kawat, sukan, kembara dan sebagainya.

Kesedaran untuk melatih anak-anak di sekolah rendah berdikari sudah wujud tetapi caranya masih feudah. Kegiatan jogathon adalah antara yang paling popular sekarang dan anak-anak kecil dikerah memungut derma dari rumah ke rumah membawa borang jogathon. Di universiti juga perkara yang sama berlaku. Bermacam persatuan pelajar ditubuhkan tetapi setiap kali hendak menjalankan sesuatu projek, mereka juga turut meminta derma melalui jualan iklan buku cenderamata, jamuan makan dan sebagainya. Gambaran ini amatlah memalukan - orang Melayu hanya pandai meminta dan mengharapkan belas kasihan orang lain!

Budaya meminta dan mengharapkan belas ihsan orang lain ini adalah budaya masyarakat yang malas berfikir dan berusaha. Apakah salahnya kalau sekolah atau persatuan mengeluarkan sedikit modal bagi menghasilkan barangan mudah laku untuk dijual kepada orang ramai daripada mengedarkan borang kosong? Membuat baju T, payung, pen, dan bermacam barang kegunaan harian yang lain bukanlah terlalu mahal, sedangkan keuntungan lebih daripada mencukupi untuk membiayai jogathon atau seminar. Cara ini bukan saja lebih mulia tetapi juga melatih pelajar-pelajar Melayu asas perniagaan sejak di sekolah rendah. Begitu juga dengan pelajar institusi pengajian tinggi. Tentulah lebih terhormat jika pelajar Melayu menemui pengurus-pengurus syarikat meminta membeli barangan syarikat mereka pada harga kos untuk dijual bagi mencari keuntungan membiayai projek tertentu, daripada menghulurkan borang kosong meminta derma secara tunai!

Pemimpin-pemimpin politik tentulah lebih arif dalam hal ini. Cuma mereka yang mempunyai kekuatan nilai-nilai murni tadi saja yang berani menungkah arus untuk merevolusi mentalkan pemikiran bangsa Melayu, supaya nilai-nilai ikhlas, disiplin,

amanah, jujur dan tanggungjawab tadi digunakan kena pada tempatnya. Apabila nilai-nilai ini tidak disalahgunakan, kita yakin budaya dan pemikiran bangsa Melayu akan berubah menjadi dinamik dan progresif.

Seorang pemimpin politik Melayu yang ikhlas tidak akan menggunakan kuasanya untuk mencari lebih banyak kuasa, kerana kuasa yang dimilikinya ialah amanah untuk ditunaikan dengan penuh tanggungjawab. Seorang ahli politik yang ikhlas pada dirinya tidak akan menyimpan perasaan dendam dan bertindak balas memburuk-burukkan orang lain kerana dirinya juga tidak terlepas daripada kesilapan. Ahli politik yang ikhlas dan amanah tidak akan menyembunyikan kemungkarannya, sebaliknya sedia menghadapi kenyataan dan mendedahkan kebenaran. Apabila diri sendiri sudah ikhlas dan amanah, mereka tidak takut untuk mengambil tindakan ke atas sesiapa saja yang tidak beramanah dan menyeleweng.

Begitu juga dengan pemiagaan. Seorang ahli pemiagaan Melayu yang ikhlas pada dirinya tidak akan tamak membolot semua peluang. Peniaga Melayu yang ikhlas akan bermiaga mengikut kemampuannya dan bukan menurut nafsu dan mengharapkan belas ihsan orang lain. Kalau modalnya cuma \$10,000 beliau tidak akan meminta projek \$100,000, kerana beliau sedar kemampuannya cuma untuk bermiaga dengan modal \$10,000. Kalau kemampuannya sekadar membina bangunan dua tingkat tentulah tidak ikhlas jika dia memohon projek bangunan sepuluh tingkat.

Malangnya ramai peniaga Melayu yang tidak ikhlas pada dirinya sendiri, pada keluarganya, bangsanya dan negara. Modalnya cuma \$10,000 tetapi memikirkan projek bernilai \$1 juta. Istilah Ali-Baba adalah pernyataan kepada ketidakikhlasan ahli pemiagaan Melayu. Mereka berlumba-lumba merebut semua peluang untuk disubkontrakkan kepada peniaga bukan Melayu. Mereka hidup di atas komisen dan apabila komisen sudah habis, mereka melobi projek yang lain pula. Oleh kerana pemikiran mereka masih lagi feodal, maka mereka tidak malu untuk 'menghemokkan' diri dengan Perdana Menteri dan menteri, dengan harapan mendapat belas ihsan. Ahli pemiagaan seperti ini biasanya pandai bercakap tetapi tidak pandai buat kerja. Lagak dan gaya

sudah ada tetapi apabila memohon pinjaman, tidak ada bank yang percaya. Sepanjang tahun 1985-87, beratus daripada mereka ini diisytiharkan mufliis kerana tidak mampu membayar hutang bank. Seandainya ahli perniagaan Melayu memiliki sifat-sifat amanah, ikhlas, berdisiplin dan bekerja kuat, tempoh dua puluh tahun Dasar Ekonomi Baru sudah mencukupi untuk melahirkan usahawan dan ahli perniagaan Melayu yang berdaya maju dan berdaya saing. Kerajaan sudah memberikan bermacam bantuan dan galakan, tetapi peniaga Melayu tidak memanfaatkannya secara ikhlas, amanah dan bertanggungjawab. Kerajaan tidak boleh dipersalahkan jika orang Melayu terus gagal dalam perjuangan ekonomi, sebaliknya menyalahkan diri mereka sendiri kerana tidak amanah dan ikhlas.

Selain kurangnya nilai-nilai murni tadi, sifat tamak dan iri hati di kalangan peniaga Melayu juga turut melemahkan mereka. Sikap ini mestilah dihapuskan segera kerana ia tidak menguntungkan orang Melayu keseluruhannya. Orang Melayu mestilah berbangga melihat orang Melayu yang lain maju dan berjaya dalam perniagaan. Walau apapun caranya seseorang Melayu itu mendapat kejayaan dan kekayaan, orang Melayu yang lain tidak patut memendam rasa benci dan iri hati terhadapnya, asalkan kekayaan itu bukan diperolehi dengan merompak hak orang lain. Baiklah orang Melayu yang kaya tadi bersikap hidung tinggi, asalkan kekayaannya itu tidak digunakan untuk memusnahkan orang Melayu yang lain, kita tidak wajar memusuhinya.

Jika ahli perniagaan Melayu mengamalkan sikap ikhlas dan amanah pada diri dan perniagaan mereka, mereka akan berusaha melengkapkan diri masing-masing dengan pelbagai ilmu perniagaan dan pengurusan yang baru. Mereka sentiasa peka dengan perkembangan di sekeliling dan sentiasa berusaha ke arah perubahan. Mereka tidak akan membiarkan orang lain berfikir dan membuat keputusan untuk mereka, sebaliknya mereka sendiri yang akan berfikir dan membuat keputusan. Jika mereka menjalankan projek usahasama dengan bukan Melayu, mereka akan bekerja lebih kuat daripada rakan kongsinya. Kalau rakan kongsinya bekerja 12 jam sehari, mereka mestilah bekerja 14 jam sehari.

(Berita Harian, 14.1.92)

BAHAGIAN 6

- * Jangan takut tolak tafsiran Islam yang ortodoks - Dr. M.
- * Bincang wawasan 2020

JANGAN TAKUT TOLAK TAFSIRAN ISLAM YANG ORTODOKS

- DR. M

UCAPAN Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad di majlis pelancaran Institut Kefahaman Islam Malaysia dan perasmian Kongres Menjelang Abad 21 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada hari Jumaat, 3 Julai 1992 pukul 8.25 pagi.

SAYA mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya ke Majlis Pelancaran Institut Kefahaman Islam Malaysia dan Perasmian Kongres Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020, yang dianjurkan sempena pelancaran institut ini.

Institut Kefahaman Islam Malaysia telah disyorkan kerana terdapat banyak kekeliruan di kalangan orang Islam dan bukan Islam mengenai agama Islam sehingga berlaku salah faham dan sengketa bukan sahaja di antara orang Islam dengan bukan Islam tetapi juga di antara orang Islam dengan orang Islam.

Sama ada kita suka atau tidak, ramai bukan Islam yang berpendapat bahawa Islam adalah agama yang dikait rapat dengan kemunduran, kemiskinan dan kelemahan. Kebelakangan ini pula Islam sering dikaitkan dengan keganasan dan irrationality - iaitu tindakan atau pemikiran yang tidak berprinsip.

Kita kecewa dengan pandangan serong terhadap Islam dan orang Islam. Tetapi hakikatnya ialah orang Islam dan negara-negara Islam memang ketinggalan, lemah dan bergantung kepada negara asing dan orang asing untuk berbagai-bagai keperluan hidup di dunia moden ini.

Di masa yang sama orang-orang Islam sukar bekerjasama dan bersepakat. Mereka mudah membiarkan diri mereka diperalatkan untuk kepentingan asing.

Mereka juga tidak mampu dan kadang-kadang tidak mahu menolong sesama sendiri. Perpecahan dan permusuhan antara mereka jelas terlihat dan mereka sering bersengketa sesama sendiri.

Pemerintahan negara-negara Islam di zaman ini biasanya lemah, ketinggalan, dan kerap kucar-kacir dan tidak tertib. Tidak ada negara Islam yang boleh dianggap sebagai kuasa besar yang disegani oleh dunia.

Semua negara Islam di anggap sebagai negara membangun walaupun ada yang kaya raya. Ini adalah kerana daripada segi teknologi dan kecanggihan, negara Islam tidak berkemampuan.

Tetapi keadaan ini bukanlah selalunya begitu. Islam dan umat Islam telah melalui zaman-zaman kegemilangan yang panjang, di waktu mana orang Islam, agama Islam dan negara-negara Islam dihormati dan dimuliakan.

Kita tahu dari sejarah bahawa selepas wafat Nabi Muhammad s.a.w penganut Islam telah mara dari Semenanjung Arab ke Utara, Timur dan Barat. Dalam jangkamasa yang pendek mereka telah berjaya mengembangkan Islam dari Sepanyol di Barat hingga ke negeri China di Timur.

Sebuah empayar yang terbesar dalam sejarah dunia telah didirikan oleh orang Islam melalui tindakan dakwah, ketenteraan dan pemerintahan yang cekap. Negara-negara Islam muncul dan terkenal dengan tamadun yang tinggi dan canggih.

Di wilayah-wilayah Islam terdapat cerdik-pandai yang cekap dalam bidang pentadbiran, pembangunan, pertanian, industri, kejuruteraan, pertahanan, ilmu sains dan hisab tinggi, ilmu falak dan pelayaran, perubatan dan bermacam-macam lagi ilmu selain daripada agama Islam, hukum-hakam dan tafsirannya.

Institusi-institusi pelajaran tinggi bertaburan dari Sepanyol hingga ke Asia Tengah, lengkap dengan khutub-khanah dan makmal. Ilmu-ilmu lama dari tamadun yang telah luput seperti Greek dan Rome dikaji, ditokok-tambah dan dibukukan secara teratur.

Orang daripada suku-kaum Turki di Asia Barat dan Asia Tengah telah menerima agama Islam dan sekali lagi mereka telah menjadi bangsa yang maju dan dapat memperluaskan wilayah Islam di Eropah Timur.

Ditakluki

Wilayah yang ditadbir oleh mereka dibangunkan dengan pesat, lengkap dengan jalan-jalan, saluran air, bangunan, tembok dan menara, pusat membeli-belah, rumah tumpangan dan berbagai-bagai lagi kemudahan yang menandakan tamadun yang tinggi.

Kemudian satu persatu wilayah-wilayah Islam ini jatuh ke tangan bangsa Eropah. Sepanyol direbut balik oleh bangsa Sepanyol dan Eropah Timur oleh bangsa-bangsa di situ. Di Asia Tengah negara-negara Islam yang diduduki oleh suku-kaum Turki dan Parsi telah jatuh ke tangan Russia.

Akhimya semua wilayah Islam ditakluki oleh kuasa Barat. Hanya yang tinggal ialah Turki dan padang pasir yang mengelilingi Mekah dan Madinah.

Soal yang perlu ditanya ialah kenapakah sebuah empayar yang begitu besar dan kuat akhirnya menjadi lemah dan ditakluki oleh orang lain?

Apakah bezanya di antara orang Islam dalam abad-abad selepas wafat Nabi Muhammad S.A.W. yang begitu berjaya mengembangkan wilayah dan ajaran Islam serta menguasai berbagai-bagai ilmu dunia dengan orang Islam yang datang kemudian yang tidak dapat mempertahankan wilayah-wilayah yang mereka warisi, kurang berilmu dan lemah dalam serba-serbi?

Kita yakin bahawa penganut-penganut agama Islam dari zaman Nabi Muhammad S.A.W. dan abad-abad yang berikutan memiliki semangat keislaman yang tulen. Di samping itu ajaran baginda masih terang dan jelas dalam hati mereka.

Tidak ada kekeliruan di kalangan mereka tentang ajaran Islam kerana belum ada pentafsir-pentafsir yang berpolemik tentang hukum-hakam Islam dan lain-lain ajaran Islam.

Agama Islam pada zaman itu adalah agama yang mudah yang tidak membebaskan penganutnya dan sudah tentu tidak menghalang kemajuan mereka. Ajaran bahawa dunia dan kemajuan di dunia tidak penting tidak menakluki fikiran orang Islam di abad-abad awalan Islam berkembang.

Justeru itu mereka berusaha menguasai semua ilmu dan mengejar kebahagiaan di dunia. Hasilnya ialah satu tamadun yang mengimbangi dunia dan akhirat.

Kejayaan orang Islam dalam semua bidang ilmu, serta kecekapan dan kemajuan mereka adalah begitu tinggi sehingga mereka dapat mengatasi penganut-penganut agama lain.

Oleh kerana umat Islam cekap dan pandai dan dapat mendirikan negara-negara yang kukuh dan kuat maka agama Islam dan orang Islam dihormati. Bagi orang Islam dakwaan bahawa agama Islam adalah agama yang benar mudah diterima. Walau bagaimanapun bagi orang yang bukan Islam dakwaan oleh orang Islam tidak mempunyai kesan.

Yang berkesan kepada mereka ialah kelihatan secara nyata bahawa penganut-penganut agama Islam jelas maju, kuat dan cekap dalam bidang-bidang yang mereka sendiri menceburi. Demikian kejayaan tentang Islam menewaskan tentera bukan Islam lebih meyakinkan mereka akan kebesaran Islam daripada dakwaan bahawa orang Islam yang kalah, mati syahid dan memperoleh kemenangan.

Ada daripada kalangan orang Islam yang berpendapat sama ada orang lain menghormati orang Islam atau agama Islam tidak penting. Yang penting ialah iman orang Islam dan akhirat.

Bagi mereka yang terlindung daripada tekanan orang asing pandangan ini mungkin mudah diterima. Tetapi hari ini ramai orang Islam di seluruh dunia yang ditindas dan ramai juga yang dipisahkan daripada agama mereka, sedangkan tidak ada satu pun negara Islam yang mampu memberi perlindungan atau pertolongan.

Penindasan

Penghormatan orang bukan Islam terhadap agama Islam adalah penting, kerana ia akan menjamin penindasan tidak akan berlaku kepada umat Islam. Dan orang Islam pula tidak akan mudah kecewa, dan dengan itu tidak akan mudah dipisahkan daripada agama mereka.

Walau apapun hasil daripada penghormatan kepada agama Islam, hakikatnya ialah tidak ada sesiapa yang suka agama mereka dipandang rendah dan dihina.

Jika Islam pada satu masa dahulu dapat membawa tamadun yang gemilang, apakah Islam pada hari ini tidak mungkin mewujudkan sekali lagi satu tamadun yang sama kegemilangannya? Mereka yang berfikiran waras tentu yakin bahawa ini bukanlah sesuatu yang mustahil. Pencapaiannya sudah tentu tidak mudah.

Sudah tentu ia akan mengambil masa. Tetapi sesuatu matlamat itu tidak akan tercapai tanpa permulaan. Segala-galanya bermula dengan langkah pertama.

Setiap orang Islam tentu berminat untuk mengembalikan zaman kegemilangan Islam. Masalahnya ialah bagaimana kita dapat menjayakan matlamat ini.

Sudah tentu jika kita teruskan amalan sekarang, jika kita tidak mengambil usaha tertentu ke arahnya, kejayaan tidak akan datang dengan sendirinya. Sebaliknya, besar kemungkinan kita akan ditinggal lebih jauh ke belakang.

Langkah pertama yang perlu diambil ialah menentukan matlamat, iaitu mendefinisikan apa yang dimaksudkan dengan kemajuan dan kegemilangan.

Walaupun terdapat banyak negara yang ditakrif sebagai negara maju, kita juga tahu bahawa kemajuan mereka daripada segi intelek dan fizikal telah diiringi dengan keruntuhan moral dan akhlak yang ketara. Sudah tentu ini bukanlah contoh kemajuan dan kegemilangan yang kita haru kejar.

Namun kita masih perlu mengimbangi negara-negara maju daripada segi penguasaan berbagai-bagai ilmu, iaitu kecekapan dalam bidang-bidang sains dan teknologi, ciptaan, per-

ubatan, pentadbiran, sosial, ekonomi dan politik dan lain-lain bidang yang boleh menjadikan negara Islam kukuh, kuat dan mampu menangkis segala ancaman.

Dan kita perlu imbangi negara-negara maju dalam bidang-bidang ini tanpa keruntuhan moral dan akhlak dan pegangan kita kepada agama kita.

Pemerintahan Islam yang cekap adalah sesuatu yang amat penting dalam membawa kejayaan dan kemajuan. Di zaman empayar Islam pemerintahan yang kemas dan adil terbukti.

Rakyat yang terdiri daripada bukan Islam bukan sahaja menerima pemerintahan Islam tetapi orang Yahudi, apabila ditindas oleh masyarakat Kristian di Eropah, sering melarikan diri ke negara-negara Islam. Mereka tahu mereka akan dapat keadilan dan tidak akan menghadapi "program" iaitu pembunuhan beramai-ramai yang kerap dilakukan terhadap orang Yahudi di beberapa negara Eropah.

Justeru itu, ilmu pemerintahan perlu dikaji supaya negara Islam akan mendapat pemerintahan yang adil dan kemas. Keadilan kepada semua kaum dan penganut agama harus menjadi budaya pemerintahan Islam.

Pemerintahan Islam hendaklah berusaha supaya negara mencapai kemajuan yang pesat yang boleh menandingi negara maju yang lain.

Namun soal ketertiban, akhlak dan nilai hidup yang mulia yang sesuai dengan ajaran Islam tidak boleh diabaikan. Budaya dan tamadun negara Islam mestilah mengimbangi pembangunan rohani dengan pembangunan material.

Imbangan di antara dunia dan akhirat mesti mempengaruhi setiap yagn dilakukan oleh orang Islam. Dunia tidak boleh ditolak kerana mementingkan akhirat dan akhirat juga tidak boleh ditolak kerana keperluan dunia. Kedua-duanya mesti diberi penghargaan yang sama.

Tanggungjawab

Usaha ke arah mengembalikan zaman kegemilangan Islam itu sendiri patut dianggap sebagai satu tanggungjawab yang mulia.

Kejayaan ke arah matlamat ini harus dianggap sebagai ganjaran dan balasan.

Jika dalam proses ini, diri sendiri mendapat sesuatu, ini adalah kebetulan sahaja dan bukan matlamat. Sebenarnya jika negara Islam maju semua pihak akan mendapat nikmat.

Untuk mencapai matlamat ini, kajian-kajian mesti dibuat mengenai agama Islam, sejarah dan tamadun Islam dan asas-asas pencapaian umat Islam di zaman dahulu. Kajian yang hendak dibuat mestilah ikhlas dan tidak dipengaruhi oleh sentimen dan bias yang terdapat di kalangan umat Islam sekarang.

Kenyataan mesti diterima dan khayalan disingkirkan. Tidak ada manfaat yang akan diperolehi dengan mendakwa bahawa walaupun umat Islam sekarang ini kelihatan tidak maju dan lemah tetapi sebenarnya mereka maju dan gagah.

Demikian juga tidak ada faedahnya mendakwa bahawa walaupun orang lain kelihatan maju dan kuat tetapi mereka sebenarnya mundur dan lemah. Penipuan diri tidak ada tempat dalam kajian yang berilmiah.

Hanya dengan kajian yang jujur dan tindakan yang berilmiah serta berpandukan kenyataan barulah sesuatu dapat dibuat untuk mengembalikan zaman kegemilangan Islam.

Untuk tujuan ini tafsiran-tafsiran yang berbeza-beza dan mengeliru serta melemahkan orang Islam perlu dikaji semula dengan teliti supaya dapat diperbetulkan. Sejarah Islam juga perlu didalami supaya kita akan mendapat iktibar daripadanya.

Para ilmuan yang akan menyelidik bidang-bidang tertentu di institut ini perlu mempunyai fikiran yang terbuka dan berani menyoal pandangan-pandangan yang ortodoks. Yang mesti diutamakan ialah kebenaran dan ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.

Ajaran yang ditafsir dan direka oleh mereka yang datang kemudian tidak boleh dianggap sebagai setaraf dengan ajaran Nabi Muhammad S.A.W. dan dengan itu boleh diulas dan diselidik serta digugurkan jika didapati bercanggah dengan Al-Quran dan ajaran Nabi Besar kita.

Usaha ke arah ini tidaklah mudah. Tentangan hebat akan datang daripada mereka yang benar-benar percaya bahawa apa yang mereka percaya dan yang mereka ajar adalah benar dan tidak boleh disoal.

Sebarang keraguan terhadap apa yang dipercayai oleh mereka akan dianggap oleh mereka sebagai bertentangan dengan akidah. Demikian apabila sesuatu yang baru yang mungkin diasaskan kepada kebenaran sains diutarakan, maka mereka menuduh bahawa ia tidak benar kerana bercanggah dengan apa yang sudah mereka percayai.

Bahawa dunia ini adalah bulat seperti bola, bahawa langit dan bintang adalah lebih jauh daripada yang mereka anggarkan, bahawa manusia boleh ke bulan, semuanya ditolak dahulu tetapi akhirnya diterima. Hanya kerana yang nyata ini diterima tidak meniadakan kebenaran ajaran Islam. Ia hanya meniadakan tafsiran dan pengertian ulama Islam yang terdahulu.

Dengan peredaran zaman banyak lagi perubahan pendapat yang mesti dilakukan. Tafsiran-tafsiran yang lama mungkin didapati tidak lagi sesuai dengan kenyataan. Banyak lagi perkara dan kebolehan yang sekarang dianggap ajaib dan mustahil akan menjadi kenyataan umum dan biasa. Tetapi agama Islam terus relevan dan tepat. Yang salah bukannya agama tetapi pentafsir agama.

Justeru itu Institut Kefahaman Islam ini tidak harus bimbang akan tentangan terhadap kebenaran yang akan mereka temui dalam penyelidikan mereka mengenai agama Islam dan amalan-amalan serta kepercayaan-kepercayaan umat Islam sekarang.

Asalkan tidak ada niat yang lain daripada mencari kebenaran demi memajukan agama, umat, dan negara Islam, agama Islam tidak akan tercemar dengan kajian-kajian yang dibuat.

Sempena perasmian Institut Kefahaman Islam, Kongres Menjelang ke abad 21: Islam dan Wawasan 2020 diadakan. Tajuk Kongres ini adalah tepat sekali. Negara dan umat Islam perlu membuat persediaan untuk Abad ke-21 iaitu hanya lapan tahun lagi. Sebagai persediaan untuk abad ke-21 negara telah membentuk satu wawasan yang diharap dapat dicapai menjelang tahun 2020.

Matlamat negara ialah supaya pada tahun 2020 kita akan menjadi sebuah negara maju. Takrif maju sudah pun dijelaskan. Ia tidak bermakna pembangunan material yang membelakangkan kerohanian. Matlamat kita ialah sebuah negara yang maju daripada segi ilmu kecekapan dan kekayaan tetapi yang tidak kehilangan moral dan pegangan kepada ajaran agama.

Mengeneipkan

Malangnya ada pihak yang kononnya menekan wawasan akhirat. Sebenarnya kerajaan dan masyarakat Islam di Malaysia tidak pernah mengeneipkan akhirat. Tetapi akhirat mesti diimbangi dengan dunia. Kehidupan umat Islam dalam kehinaan di dunia tidak akan menjamin kebahagiaan di akhirat. Sebaliknya mereka yang dapat menumpukan kepada akhirat banyak bergantung kepada kebahagiaan hidup di dunia ini, hadil daripada usaha pihak lain.

Adalah diharapkan dalam kongres pertamanya ini Institut Kefahaman Islam akan membuahkkan fikiran yang boleh menghapuskan syak wasangka dan salah faham pihak tertentu yang cuba menghalang pembangunan umat Islam dan negara Islam, Insyaa-Allah.

Dengan doa dan harapan bahawa Institut Kefahaman Islam ini dan kongresnya yang pertama akan mencipta sejarah baru dalam mengembalikan zaman kegemilangan Islam, saya dengan sukacitanya melancarkan Institut Kefahaman Islam serta merasmikan Kongres Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020.

4.7.92/6

Bincang Wawasan 2020

POLEMIK yang berterusan mengenai Wawasan 2020 ialah sama ada ia menepati kehendak Islam atau tidak. Isu ini akan terus ditimbulkan oleh pihak tertentu dan menjadi bahan perbincangan yang tidak berkesudahan. Mungkin perkara ini timbul kerana Wawasan 2020 dikemukakan oleh kerajaan dan pihak yang sememangnya bersikap anti-establishment terus memberikan pandangan yang mengkritik serta menyifatkan ia bukan bertunjangkan ajaran Islam.

Dalam pada itu, ada juga pihak yang mengeluarkan kenyataan bahawa Wawasan 2020 tidak bercanggah dengan ajaran Islam kerana ia bukan semata-mata bertujuan pembangunan ekonomi dan kebendaan, tetapi mengambil kira faktor kerohanian, kesejahteraan sosial dan akhlak umat.

Sejajar dengan pelancaran penubuhan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), satu kongres dikenali 'Kongres Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020' diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) untuk mengkaji, menilai dan merumuskan pelbagai aspek berkaitannya.

Ketua Pengarah IKIM, Datuk Dr Ismail Ibrahim, berkata kongres itu bertujuan membetulkan kefahaman umum mengenai konsep dan pelaksanaan Wawasan 2020 menurut perspektif Islam.

Selain itu, ia juga bertujuan:

- * Menonjolkan kepentingan penyertaan umat Islam dalam pembangunan ekonomi, sains dan teknologi.
- * Mengemukakan konsep yang jelas mengenai pandangan Islam terhadap integrasi kaum dan keturunan dalam pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu.

"Saya berpendapat Wawasan 2020 tidak bercanggah dengan Islam walaupun tidak ada perkataan atau label Islam di dalamnya. Apa yang digariskan dalam wawasan itu adalah prinsip-prinsip universal yang selari dengan kehendak Islam," katanya.

Dr Ismail berkata, apa yang ditekankan dalam dasar itu ialah cita-cita kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju, negara perindustrian dan perdagangan tetapi tidak pula mengabaikan sama sekali aspek moral dan keimanan rakyatnya.

"Rata-rata di seluruh dunia, krisis akhlak melanda masyarakat. Di Amerika Syarikat yang dikatakan maju itu pun berlakunya 'family disintegration'," katanya.

Oleh itu, katanya, IKIM sendiri akan berusaha memberikan input berguna untuk membantu kerajaan dalam menjayakan Wawasan 2020 itu.

"Negara maju yang dicita-citakan mestilah diasaskan kepada kekuatan keimanan, pendidikan, pemikiran dan budaya bangsa," katanya.

Dr Ismail berkata, empat kertas kerja akan dibentangkan di kongres berkenaan berdasarkan topik berikut:

- * Sejauhmanakah Wawasan 2020 menepati kehendak Islam.
- * Islam dan Pembangunan Sains dan Teknologi.
- * Pembinaan bangsa Malaysia bersatu dari perspektif Islam.
- * Paradigma pembangunan Islam di Malaysia: Ekonomi dan Perdagangan.

Sekumpulan sarjana dari dalam dan luar negara diundang membentangkan kertas kerja di seminar dua hari itu. Dr Ismail sendiri akan membentangkan kertas kerja bertajuk 'Sejauhmanakah Wawasan 2020 Menepati Kehendak Islam'; Prof Dr Shaharir Mohd Zain dari Universiti Kebangsaan Malaysia membentangkan kertas kerja 'Islam dan Pembangunan Sains dan Teknologi'.

Prof Dr Mohd Kamal Hassan dan Dr Ghulam Haidar Aasi (American Islamic College, Chicago) membentangkan kertas kerja 'Pembinaan Bangsa Malaysia Bersatu Dari Perspektif Islam'.

Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Datuk Dr Syed Othman Al-Habshi dan Prof Dr Muhammad Arif Zakauallah (Universiti Islam Antarabangsa) dan Dr Zamakhshari Dofiar (Indonesia) membentangkan kertas kerja 'Paradigma Pembangunan Islam di Malaysia'.

Dinilai dari tajuk kertas kerja dan penyertaan cendekiawan, ia jelas menampakkan kesungguhan kumpulan yang dianggap "think tank" ini untuk melakukan sesuatu yang positif untuk kemanfaatan bersama. Kongres ini sesuai dengan tuntutan tradisi ilmu dalam Islam yang sentiasa menggalakkan umatnya berbincang dan mencari keputusan berdasarkan konsensus.

Masyarakat Islam yang bercita-cita untuk maju mestilah mengetepikan sentimen dan emosi melulu, sebaliknya berfikir dengan lebih rasional, tenang dan mendalam.

Wawasan 2020 yang dianggap agenda bertindak bangsa dan negara menjelang abad 21 itu perlu ditanggapi pemikiran yang mendalam. "Kita tidak harus melihat sesuatu perkara sebagai Islam hanya dari sudut slogan semata-mata. Walaupun label Islam tidak diletakkan, jika ia tidak berlawanan dengan kehendak Islam, ia patutlah diterima," kata Dr Ismail.

Apa yang diharapkan kongres itu akan membuahkan sesuatu yang bermanfaat untuk semua. Kita tentulah menunggu hasil kongres berkenaan yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serentak dengan penubuhan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Berita Harian
3.7.92/8

BAHAGIAN 7

- * Kongres rumuskan bentuk masyarakat Islam berwibawa.
- * KIM berusaha semarak kembali tamadun Islam.

Penutup

Kongres rumuskan bentuk masyarakat Islam berwibawa

KUALA LUMPUR 4 Julai - Kongres "Menjelang Abad ke-21: Islam dan Wawasan 2020" yang berakhir di sini petang ini merumuskan bahawa satu masyarakat Islam di Malaysia yang berperadaban tinggi perlu dibentuk sebagai model kepada bangsa-bangsa lain.

Peserta-peserta kongres tersebut sependapat, langkah ke arah pembentukan masyarakat seperti itu penting bagi mengatasi masalah salah tanggapan mengenai Islam, khususnya dalam usaha negara menuju ke arah Wawasan 2020.

Pengerusi Kongres, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata, selain rumusan itu, beberapa cadangan dan syor lain turut dikemukakan kepada kongres yang berlangsung selama dua hari itu.

Berucap membentangkan laporan pada majlis penutup kongres tersebut, Ahmad Sarji yang juga Ketua Setiausaha Negara memberitahu terdapat syor dalam kongres itu yang ingin pembentukan bangsa Malaysia di sandarkan pada prinsip "cintakan tanah air adalah sebahagian daripada iman."

Beliau memberitahu, urusetia kongres itu akan menyediakan laporan lengkap mengenai perjalanan dan hasil kongres dengan mengambil kira semua pandangan yang dikemukakan semasa sesi perbincangan.

Difahamkan laporan lengkap itu akan diserahkan kepada kerajaan.

Menurut Ahmad Sarji, pandangan dan pendapat yang dikemukakan pada kongres melibatkan pelbagai aspek termasuk

pendidikan, peranan media massa, pembentukan masyarakat Islam yang bermoral dan hubungan antara ilmu keduniaan dan Islam.

Beliau berkata, salah satu syor kepada kongres ialah meminta supaya sistem pendidikan kebangsaan diubahsuai bagi mendorong pelajar berfikir secara berani.

Di samping itu, menurut beliau, IKIM yang baru ditubuhkan digesa supaya memberi keutamaan kepada pengukuhan institusi keluarga berdasarkan perspektif Islam dalam aktiviti-aktivitinya.

Selain syor dan pandangan tersebut, Ahmad Sarji dalam laporannya pada akhir kongres itu turut menyebut beberapa syor dan pandangan lain, dirumuskan seperti berikut:

- * Media massa diminta mengkaji semua peranannya ke arah pembentukan masyarakat yang bermoral.
- * Pendidikan nilai-nilai murni Islam yang universal hendaklah menjadi asas pembentukan moral generasi muda sekarang tidak kira Islam atau bukan Islam.
- * Menggesa supaya tanggapan umat Islam terhadap keduniaan dikaji semula, khususnya di bidang ilmu sains dan matematik.
- * Pakar-pakar sains, teknologi dan agama perlu bekerjasama dan berkongsi pengetahuan bagi meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dalam pembangunan negara.
- * Pengajian Islam perlu diberi pengertian baru yang boleh memuatkan ilmu sains supaya seimbang dengan ilmu ketuhanan.
- * Peranan institut pengajian tinggi perlu dikaji semula untuk melahirkan tenaga manusia yang mahir dalam aspek kepimpinan masyarakat.
- * Membina bangsa Malaysia tanpa mengongkong pemikiran orang Islam atau bukan Islam, dan tiada sekatan untuk orang Islam memahami agama-agama lain dan sebaliknya.

- * Perdagangan antarabangsa dengan negara-negara Islam hendaklah ditingkatkan.
- * Diwujudkan tabung antarabangsa untuk membantu masyarakat Islam di samping membentuk pasukan sukarelawan yang boleh memberi khidmat kepada masyarakat.
- * Diwujudkan kaedah penggunaan wang zakat yang cekap bagi mengembleng aktiviti-aktiviti ekonomi.

Mingguan Malaysia

5.7.92/4



ABU SUJAK



SYED HAMID

Hanya gambar hiasan

IKIM

berusaha semarak kembali tamadun Islam

Oleh Mohd Shah Abdullah

(Sempena pelancaran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) serta Kongres Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020 hari ini 3 Julai 1992).

KEPRIHATINAN ummah terhadap masa depan agama Islam dalam dunia moden amat penting demi memastikan kesinambungan umat Islam yang cemerlang dalam segenap bidang kehidupan. Walaupun jumlah umat Islam begitu ramai, tetapi keadaan mereka pada umumnya adalah kucar kacir dan ketinggalan. Mereka masih lemah, tersisih dan ketinggalan dalam banyak bidang kehidupan, khususnya ekonomi, intelektual, pendidikan politik.

Didorong oleh kesedaran pentingnya ajaran Islam dipertahankan dan umat Islam terus cemerlang itulah teretusnya idea dan program penubuhan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) sebagai sebuah badan bebas untuk menganalisis, merencana dan menyediakan pelan bertindak ummah selaras dengan prinsip, kefahaman dan semangat ajaran Islam yang mahukan umatnya mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

"IKIM adalah idea dan pemikiran asli yang dicetuskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Badan ini adalah bebas dalam mengatur program, bukan sebuah badan dakwah dalam pengertian konvensional tetapi sebuah institusi yang akan memberikan pandangan kedua (second



Dr. Ismail Ibrahim

opinion) terhadap kerajaan dalam semua bidang kehidupan dan pembangunan umat, sesuai dengan semangat yang terkandung dalam ajaran Islam," kata Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Ismail Ibrahim.

Beliau adalah bekas Pengarah Pusat Bahasa Universiti Islam Antarabangsa (UIA) berta-

raf Profesor dan sudah berada dalam lapangan akademik sejak tahun 70-an lagi. Dr Ismail pernah bertugas sebagai guru, Pegawai Penyelidik Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebelum memulakan tugas baru sebagai Ketua Pengarah IKIM sejak 1 April lalu.

Dr Ismail memulakan pendidikan sekolah Melayu hingga darjah lima dan memasuki Sekolah Arab Maahad Mahmud, Alor Star hingga darjah lapan. Beliau lulus Sijil Tinggi Kolej Islam pada 1962, memperolehi ijazah Sarjana dari Universiti Al-Azhar, Mesir dan Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti St Andrews, Scotland dalam Pengajian Arab pada 1975.

"Sebelum ini saya dipinjamkan dari UIA ke Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) untuk mengkaji dan menyediakan modus operandi dan prasarana bagi projek IKIM ini," katanya.

Untuk menumpukan sepenuh perhatian kepada jawatan barunya, beliau melepaskan terus jawatan terakhimya sebagai Pengarah Pusat Bahasa UIA. Menurutnya, fungsi dan kedudukan IKIM hampir sama dengan ISIS. Hanya yang membezakannya ialah cara bertindak kedua-dua badan itu. Sementara ISIS menumpukan kajian dalam pelbagai bidang pembangunan berasaskan kaedah konvensional semata-mata, IKIM menggabungkan kaedah konvensional dan Islam.

Dr Ismail berkata, semua bidang kehidupan - ekonomi, pendidikan, sains dan teknologi, politik dan perhubungan antarabangsa akan dikaji oleh IKIM dari semasa ke semasa. Tidak setakat itu sahaja, fungsi IKIM yang lebih penting ialah bersifat 'problem solving' kerana tidak mahu hasil kajiannya nanti bersifat akademik semata-mata.

"IKIM bukan bekerja seperti universiti walaupun kita akan bekerjasama rapat dengan universiti dan badan lain seperti Pusat Islam," katanya.

Menurutnya, orientasi IKIM juga bukan seperti badan dakwah lain, tetapi adalah platform yang akan menumpukan kerja bercorak pemikiran dan keilmuan.

IKIM didaftarkan mengikut Akta Syarikat 1965 dengan mendapat geran pendahuluan kerajaan sebanyak \$2 juta untuk membolehkan ia beroperasi. Pada akhirnya nanti, IKIM akan diuruskan secara persendirian apabila ia mempunyai tabung pusingannya untuk membolehkannya membuat pelaburan.

Dr Ismail berkata, gambaran yang diberi oleh media antarabangsa mengenai agama Islam dan orang Islam selalunya tidak benar dan menyeleweng. Orang Islam digambarkan sebagai orang yang suka membazir, tidak berdisiplin, tidak jujur dan terlalu emosi. Hingga kini belum ada negara Islam yang mencapai tahap negara maju atau negara perindustrian walaupun Tuhan menganugerahkan kebanyakan negara Islam dengan sumber

kekayaan alam yang mewah, malah sumber kekayaan alam itu tidak dikendalikan dengan baik. Kekurangan pakar, teknologi dan wawasan menjadikan umat Islam bergantung kepada negara perindustrian yang lebih berkuasa.

Oleh itu, katanya, IKIM bertanggungjawab mengubah keadaan dan pandangan negatif terhadap agama Islam dan umat Islam. Ketika manusia berlumba-lumba untuk meningkatkan kehidupan dalam menghadapi abad ke-21, agama Islam dan masyarakat Islam mestilah berfungsi untuk membentuk masa depan dunia.

"IKIM akan meningkatkan penyelidikan, latihan, rundingan dan menggalakkan kemajuan yang seimbang bagi umat Islam sejajar dengan perubahan masa dan keadaan serta memberi tumpuan kepada perlunya usaha memahami usaha gigih Islam untuk mewujudkan keamanan, kerjasama dan kemajuan ekonomi sejagat," katanya.

Institut ini mempunyai matlamat khusus seperti berikut:

- * Menjalankan kegiatan penyelidikan bersama dan berasingan serta rundingan yang membabitkan penyelidikan mendalam dengan mengambil kira pandangan menyeluruh dan bersepadu mengenai Islam dan umat Islam untuk menghadapi hakikat semasa yang timbul hasil daripada keadaan dunia yang berubah.
- * Menjadi forum bagi sarjana dari negara Islam untuk membincang dan menganalisis isu yang menjadi kepentingan dan keprihatinan bersama.
- * Mewujudkan kesedaran dalam kefahaman mendalam mengenai isu antarabangsa yang mungkin mempunyai kesan langsung atau tidak langsung kepada umat Islam dan negara Islam.
- * Bertindak sebagai sumber maklumat bagi hal-ehwal umat Islam sedunia, dan memberi sumbangan kepada pengubalan dasar pada peringkat negara, serantau dan antarabangsa.

Antara bentuk program yang akan dijalankan oleh IKIM ialah:

- * Isu strategik dan isu dunia yang berkepentingan bagi orang Islam.
- * Isu pelaksanaan sistem ekonomi Islam dalam zaman moden.
- * Pembangunan dan pemindahan teknologi.
- * Aspek hubungan antara kepercayaan dan agama.
- * Fungsi media, imej Islam sedunia dan isu kebangkitan Islam.
- * Isu persekitaran dan hak asasi manusia.
- * Isu sosioekonomi dan politik orang Islam di negara Islam dan bukan negara Islam.

Dr Ismail berkata, bahagian runding cara akan memberikan maklumat kepada negara Islam mengenai hal-ehwal dunia dan akan menjalankan fungsi runding cara serta kerja yang ditugaskan oleh pelbagai institut penyelidikan, insitusi kewangan, pertubuhan multi nasional (MNC) dan kerajaan.

Bahagian latihan pula akan mengendalikan program latihan dan orientasi yang perlu bagi orang Islam dan bukan Islam supaya mereka menjadi lebih objektif, memahami agama Islam dan hal-ehwal orang Islam. Mereka juga perlu memahami kegiatan ekonomi, politik, budaya dan sosial dunia moden serta membabitkan diri secara aktif dalam kegiatan berkenaan.

Bahagian media dan penerbitan pula bertanggungjawab menyebarkan maklumat sebenar mengenai Islam dan orang Islam melalui media cetak, siaran dan media elektronik. Bahagian ini akan menjalankan kerja asas bagi penubuhan siaran elektronik antarabangsa Islam dan rangkaian berita. Ia juga akan mengadakan bank data untuk mengumpulkan maklumat mengenai sumber negara Islam, organisasi, pakar, kemudahan pendidikan dan data antarabangsa berkaitan dengan dunia Islam.

Ia seterusnya akan membawa kerjasama jangka panjang di antara orang Islam dan bukan Islam dalam bidang pemiagaan, perhubungan antarabangsa dan akademik. Institusi ini akan beker-

jasama rapat dengan institusi lain, baik di dalam mahupun luar negara untuk pertukaran maklumat serta menampilkan Islam sebagai agama dan masyarakatnya maju dan berpandangan jauh.

Dr Ismail berkata, institusi ini sebagai sebuah badan swasta yang tidak membuat keuntungan. Dana tambahan untuk IKIM akan diperolehi daripada beberapa sumber melalui geran, derma, tajaan untuk kegiatan tertentu, penyelidikan serta program lain yang dikendalikan oleh institusi ini untuk pihak lain.

Menurutnya, institut ini juga bertanggungjawab menjelaskan kepada masyarakat bukan Islam mengenai kemurnian ajaran Islam cara hidup - tidak hanya terbatas untuk orang Islam tetapi juga masyarakat yang bukan Islam.

"Pluralisme atau kemajmukan masyarakat adalah diiktiraf dalam Islam. Soalnya bagaimanakah kita harus menghakis salah tanggapan masyarakat bukan Islam terhadap Islam bagi membolehkan kita hidup sebagai satu bangsa yang bersatu padu, aman makmur dan harmoni," katanya.

Dr Ismail berkata, bagi mencapai matlamat itu, dialog, interaksi dan perdebatan intelektual akan diadakan secara berte-rusan bagi mengelakkan salah faham mereka terhadap Islam.

"Kita tidak bertujuan untuk memaksa mereka memeluk Islam. Penjelasan yang akan diberikan ialah untuk menerangkan kepada mereka betapa Islam mempunyai hubungan dengan kegiatan hidup harian seperti perniagaan, pembangunan, perdagangan dan sosial.

"Harapan kita ialah untuk menggemblengkan institusi ini dengan sebaik-baiknya. IKIM adalah sebuah badan bebas, tidak memihak dan bersifat perkauman.

"Bagaimanapun kita akan membantu penggubal dasar dalam memberikan pandangan kedua serta membentuk pendapat umum dalam sesuatu isu yang timbul," katanya.

Dr Ismail berkata, ajaran Islam perlu diketengahkan dalam keadaan yang dinamik, praktikal dan adil kerana Islam bukan ajaran yang hanya bersifat slogan dan propaganda.

"Kita harap IKIM akan memikul amanah dan tanggungjawab itu dengan baik serta mempunyai kewibawaan yagn tersendiri," katanya.



Dr. Faisal Osman

Sebagai Ketua Pengarah, Dr Ismail adalah ketua eksekutif yang bertanggungjawab terhadap perjalanan harian. Kakitangan institut termasuklah Fellow Penyelidik dan Penyelidik Bersekutu yang dilantik secara tetap atau sementara. IKIM juga mengambil juru perunding dari dalam

dan luar negara mengikut keperluan projek dari semasa ke semasa.

Pengerusi Lembaga Pengarah pertama ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid. Dr Ismail sendiri bertindak sebagai Timbalan Ketua Pengarah manakala Fellow terdiri daripada Dekan Fakulti Pengajian Islam UKM, Dr Faisal Othman dan Aidit Ghazali (pensyarah UIA).

Berita Harian
3.7.92/8

PENUTUP

هُوَ الَّذِي يُسَيِّرُكُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ حَتَّىٰ إِذَا كُنْتُمْ فِي الْفُلِكِ
وَجَرَيْنَ بِهِمْ بِرِيحٍ طَيِّبَةٍ وَفَرِحُوا بِهَا جَاءَتْهَا رِيحٌ عَاصِفٌ
وَجَاءَهُمُ الْمَوْجُ مِنْ كُلِّ مَكَانٍ وَظَنُّوا أَنَّهُمْ أُحِيطَ بِهِمْ دَعَوُا
اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ لَئِنِ أَنْجَيْتَنَا مِنْ هَذِهِ لَنَكُونَنَّ مِنَ
الشَّاكِرِينَ ﴿٢٢﴾ فَلَمَّا أَنْجَيْنَاهُمْ إِذَا هُمْ يَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ
الْحَقِّ يَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّمَا بَغْيُكُمْ عَلَىٰ أَنْفُسِكُمْ مَتَّعَ الْحَيَاةَ
الدُّنْيَا ثُمَّ إِلَيْنَا مَرْجِعُكُمْ فَنُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٢٣﴾

Yunus - 11: 22-23

Ertinya:

"Dialah yang memperjalankan di darat dan di laut, sehingga apabila kamu ada di dalam kapal dan berlayar membawa mereka dengan angin baik, mereka gembira kerananya, maka datanglah angin badai, dan gelombang memukul mereka dari segenap penjuru, dan mereka mengira, bahawa mereka sudah terkepung (ketika itu) mereka bermohon dengan mengikhhlaskan kepercayaannya kepada Allah semata-mata. Kalau kiranya Engkau menyelamatkan kami dari bahaya ini, sesungguhnya kami akan bersyukur. Tetapi, setelah Tuhan menyelamatkan

mereka, lihatlah, mereka membuat kedurhakaan di bumi, di luar kebenaran. Hai manusia! Kedurhakaanmu itu hanyalah (membahayakan) dirimu sendiri. Itulah kesenangan kehidupan dunia, kemudian kepada Kami tempat kamu kembali, lalu kami beritakan kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan."

Angin bertiup menyongsang badai
Pohon kesedaran lambai-melambai
Benih kemesraan bertabur di pantai
Lambat laun hasrat tercapai

"Jangan di kejar gunung berlari - hilang kabus tampaklah ia".
Dari Allah kita datang, kepada Allah kita pulang. Penulis memohon ampun dan maaf atas segala kesilapan dan kelemahan kerana hanya Allah jua sahajalah yang bersifat Maha Kamil lagi sempurna.

Wassalam

Yang benar

Abu Bakar Hamzah
Kuala Lumpur
1hb November 1992

A

ABIM 19

Abduk Razak 20

Abu Bakar 76

Ahmad Sarja 136 143

Akashah 43 44 45

Al-Azhar 140

Ali Abu Hasan 57

Ali Shariati 48

Amerika 23

Aristotale 50

B

Baldatun 73 77 78 101 107

Barisan Nasional 16 23

Belanda 83

C

Cap 59

Carr 74

Chander 58

Chokadees 51

China 53 83 115 124

Colungwood 73

D

Dakwah 111

DAP 36

Daud 14 31

DEB 6 64

E

Edeson 50
Entoni 41

F

Fadzilah 38
Faisal 143
Fauzi 12 40
Francis 49

G

Ghaffar 55
Goh Ban Lee 55
Gospal 116
Gurbachev 47

H

Hadi Awang 22
Hadith 111
Hasbullah 111
Hong Lee Phee 55
Hormi Khara 57

I

IKIM 132 133 137 139 141 142
India 55
Islam 15 18 20 21 24 80 89 117 127 136 138

J

Jepun 83
JJP 31
J.I.M. 21

K

Kadazan 128

Kamal Hassan 134

Kelantan 9 10 14

L

Lim Bon Ban 3

Lim Kit Siang 9

Lim See Yan 56

M

Madinah 84

Mahdzir 4 5 10 18 28 35 51 52 61 72 74 77 79 85 109

115 123 132 134

Malaysia 5 35

Malik Marican 57

Mohamad Arif 134

Mohamad Yaakub 3

N

Nabi Muhammad 125 129

Nazri Abdullah 73

Nicholas 56

Nik Aziz 3 40 10 11 12 64

P

Parti Rakyat 62

PAS 62 68 69 70

Peter 73

Pranchis 87

PWTC 132

Q

Quran 83 112 117

R

Raja-raja 28

Roger Bacon 49

S

Sahifah Madinah 83

Saudi 53

Shaari 29

Sharif Kasim 55

Shamsuddin 55

Shan-Ri-La 55

Sibghau 109

Sungai Pinang 3

Sunil Kumar 40

Sultan Abdul Halim 45

Syed Hamid 18

T

Teo Ching Kok 55

Tengku Razaleigh 57 65

Ting Cheng Peh 53

Tunku 32 37

Turki 125

UMNO 3 4 29 30 36 37 62

U.I.A. 38

Universiti Malaya 24

W**Wacana 60****Wan Najib 4****Wawasan 2020**

6 8 14 15 22 24 28 38 39 41 43 47 50
59 68 72 73 76 77 85 101 111 116 130
132 133 134 146

Y**Yunani 49****Z****Zailan 39****Zamakhshari 114**

